


Jilid I
Bil. 48



Hari Jumaat
21hb Jun, 1991

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGAN

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Cuti kepada Ahli-ahli—Kebenaran:

Y.B. Dr Nawawi bin Mat Awin (Tambun) [Ruangan 7313]

Y.B. Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik (Beruas) [Ruangan 7313]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Ruangan 7314]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

[Ruangan 7392]

USUL-USUL:

Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000 dan Dasar
Pembangunan Baru—Y.A.B. Perdana Menteri [Ruangan 7392]

Pindaan perkataan 'Dasar Pembangunan Baru' kepada 'Dasar
Pembangunan Nasional' [Ruangan 7407]

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 7456]

KANDUNGAN—(*samb.*)

UCAPAN PENANGGUHAN:

**Universiti/Kolej—Pengambilan Bukan Bumiputera,
Y.B. Tuan R. Karpal Singh (Jelutong) [Ruangan 7456]**

**Kad Pengenalan Merah—Memberi Kerakyatan,
Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka) [Ruangan 7460]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P.,
P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO'
SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN K. KUMARAN (Tapah).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARIJS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAL (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.S.L.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,
B.C.K., P.J.K (Bagan Serai).

- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lular).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Jumaat, 21hb Jun, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

PENGUMUMAN TUAN
YANG DI-PERTUACUTI KEPADA AHLI-AHLI—
KEBENARAN:

Y.B. Dr Nawawi bin Mat Awin
(Tambun)

Y.B. Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik
(Beruas)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 (2) Perlembagaan Persekutuan kepada:

- (i) Yang Berhormat Dr Nawawi bin Mat Awin, Ahli bagi Kawasan Tambun dari 18hb Jun hingga 28hb Jun, 1991; dan
- (ii) Yang Berhormat Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik, Ahli bagi Kawasan Beruas dari 18hb Jun hingga 28hb Jun, 1991.

Saya juga hendak memberitahu kepada Dewan iaitu mengikut jadual kita, kita tidak akan bersidang pada hari Isnin, 24hb Jun yang akan datang ini.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman.

(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman tidak hadir)

PAPAN IKLAN GERGASI
(BILL BOARD)

2. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apakah syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditentukan untuk mendirikan "Papan Iklan Gergasi" (Bill Board) yang banyak di Lembah Kelang agar keselamatan orang ramai terjamin; dan
- (b) apakah bentuk perlindungan insuran yang ada dan berapakah nilai perlindungan yang ditetapkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditentukan untuk mendirikan apa-apa sahaja papan iklan adalah terkandung dalam Undang-undang Kecil Iklan yang digunakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing.

Syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan adalah berbeza di antara satu Pihak Berkuasa Tempatan dengan satu Pihak Berkuasa Tempatan yang lain. Walau bagaimanapun, ciri-ciri utama yang dipakai dalam menentukan syarat-syarat ini selalunya ditekankan kepada ciri-ciri menentukan keselamatan orang ramai.

Bagi kawasan Lembah Kelang, di antara syarat-syarat dan peraturan-peraturan utama berkaitan dengan keselamatan orang ramai adalah seperti berikut:

- (i) pelan struktur mestilah disahkan kekukuhannya sepanjang masa paparan oleh jurutera yang bertauliah dan berdaftar;
- (ii) struktur binaan hendaklah diperbuat daripada bahan binaan yang kukuh dan konkrit dengan kelulusan daripada jurutera yang bertauliah;
- (iii) jurutera bertauliah hendaklah membuat perakuan kepada Jabatan berkenaan bahawa paparan yang didirikan telah disiapkan mengikut spesifikasi Jabatan;
- (iv) perakuan daripada jurutera bertauliah yang menjamin kekukuhan struktur paparan iklan dalam apa juga keadaan mestilah dibuat setiap tahun; dan
- (v) sebarang iklan dan juga strukturnya tidak dibenarkan menghalang apa-apa aspek landscape dan traffic element serta mengakibatkan gangguan ke atas aliran lalulintas dan menjejaskan keselamatan pengguna jalanraya.

(b) Bentuk lindungan insuran public liability adalah dimestikan. Nilai lindungan yang ditetapkan ialah sekurang-kurangnya \$100,000.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Haji Mohamad bin Sabu tidak hadir)

TANAH KTM DI SINGAPURA

4. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejauh mana kemajuan telah dicapai dari rundingan-rundingan antara kedua-dua buah Kerajaan iaitu Malaysia dan Singapura mengenai tanah KTM di Republik itu. Apakah kemajuan awal yang telah diperolehi setakat ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, satu perjanjian telah ditandatangani pada 27 November, 1990 di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Singapura berkaitan dengan tanah KTM di Singapura. Mengikut perjanjian itu, stesen keretapi di Keppel akan dipindah ke Bukit Timah. Pihak Kerajaan Singapura akan membersihkan pendudukan setingan di atas tanah itu dari Keppel ke Bukit Timah. Satu syarikat usahasama di antara Malaysia dan Singapura akan ditubuhkan di mana syer adalah 60% Malaysia dan 40% Singapura bagi tujuan memajukan tanah KTM di Singapura bagi maksud perdagangan, perumahan dan perindustrian. Tindakan susulan sedang diambil ke atas perkara-perkara yang telah dipersetujui itu.

**PUSAT GIAT MARA—KONSEP
LATIHAN**

5. Tuan Ruhanie bin Ahmad minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) apakah konsep latihan yang disediakan oleh Pusat Giat MARA, berapakah jumlah pusat tersebut di negara sekarang dan beri pecahannya, dan adakah pusat sedemikian akan diwujudkan di negeri Johor, khususnya di Kawasan Parlimen Parit Sulong; dan
- (b) apakah strategi latihan Pusat Giat MARA di masa akan datang, khususnya dalam menyediakan tenaga manusia yang terlatih di bidang vokesyenal, sebagai menyahut cabaran kepada Wawasan 2020.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, konsep latihan yang disediakan oleh Pusat Giat MARA sejak dilancarkan pada tahun 1986 adalah tertumpu kepada penyediaan latihan-latihan kemahiran di dalam bidang teknikal asas. Latihan-latihan yang telah diperkenalkan di Pusat-pusat Giat MARA adalah terdiri daripada kursus-kursus seperti fabrikasi logam, membaiki enjin kereta motor, membaiki radio/ televisyen, pertukangan kayu dan membuat perabot. Program-program latihan yang diperkenalkan ini adalah dibuat berasas kepada keperluan bidang kemahiran masyarakat setempat oleh kerana penekanan latihan adalah tertumpu kepada kerja-kerja projek sebenar yang ada atau boleh diwujudkan. Tempoh latihan yang diberikan adalah merupakan kursus-kursus jangka pendek sahaja, iaitu memakan masa antara 6 ke 12 bulan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga bulan Jun 1991 sebanyak 23 buah Pusat Giat sedang

beroperasi di seluruh negara. Pecahannya mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:

Perlis	1
Kedah	3
Pulau Pinang	2
Perak	4
Selangor	3
Negeri Sembilan	1
Melaka	1
Pahang	3
Terengganu	4
Kelantan	1
Jumlah	23

Bagi negeri Johor, pihak MARA merancang untuk melaksanakan 2 projek iaitu di Muar dan Pontian dan dijangka akan beroperasi pada pertengahan tahun 1992.

Perancangan sedang dibuat bagi menubuhkan Pusat Giat di setiap daerah termasuk di Parit Sulong sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai menyahut Wawasan 2020 seperti mana dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pihak MARA telah menyusun dua strategi latihan berhubung dengan Pusat Giat ini. Pertama, MARA akan memperbanyakkan lagi Pusat-pusat Giat di seluruh negara bagi menyediakan lebih banyak peluang-peluang latihan kemahiran teknikal. Setakat ini sebanyak 12 buah Pusat Giat berada dalam peringkat pembinaan manakala sebanyak 24 buah Pusat Giat lagi akan ditubuhkan.

Strategi kedua yang akan dilaksanakan oleh MARA ialah mempelbagaikan latihan kemahiran yang akan diperkenalkan pada masa hadapan supaya ianya selari dengan perkembangan teknologi semasa.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat ini, negeri Kelantan hanya mempunyai satu Pusat Giat MARA dan saya difahamkan dalam tahun ini dan tahun-tahun yang akan datang, beberapa Pusat Giat MARA akan dibuka di negeri Kelantan. Apakah usaha-usaha pembukaan Pusat Giat MARA yang baru ini akan diteruskan dalam keadaan sekarang?

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya telah memaklumkan tadi bahawa perancangan sedang dibuat bagi menubuhkan Pusat Giat di setiap daerah termasuk di semua kawasan dan negeri, jadi tidak terkecuali negeri Kelantan.

PASPORT RAKYAT MALAYSIA DITAHAN

6. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab pasport antarabangsa rakyat Malaysia ditahan apabila kembali dari Republik China Taiwan. Berapa banyak setakat ini telah ditahan dan bilakah akan dikembalikan kepada pemegang-pemegangnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menahan pasport rakyat Malaysia yang kembali dari Taiwan kerana mereka telah melakukan kesalahan di negara tersebut, iaitu tinggal lebih masa. Kerajaan Taiwan sendiri telah mengambil tindakan mengusir mereka keluar dari negara tersebut.

Sejak Januari hingga 24 April 1991, sebanyak 7,492 pasport Malaysia telah ditahan untuk siasatan. Pasport tersebut dikembalikan selepas dua bulan dari tarikh penahanannya, iaitu setelah disahkan, mereka hanya melakukan kesalahan tinggal lebih masa.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya menerima aduan daripada setengah orang yang terkilan bahawa mereka terpaksa menghadapi proses birokratik yang amat menyusahkan untuk mendapat balik pasport mereka daripada Jabatan Imigresen di kawasan saya, iaitu di Alor Setar. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bilakah Jabatan Imigresen di Alor Setar akan mengembalikan pasport-pasport yang masih ditahan.

Yang kedua, sehingga hari ini berapakah jumlah bilangan pasport antarabangsa yang telah ditahan oleh Jabatan Imigresen Alor Setar sahaja?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Imigresen negeri Kedah telah diarah oleh ibu pejabat supaya mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan untuk memulangkan pasport kepada mereka yang telah masuk dalam kategori tinggal lebih masa ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar, sejumlah 22 pasport yang ditahan di Jabatan Imigresen Negeri Kedah telahpun dipulangkan dan proses pemulangan pasport antarabangsa itu masih dijalankan. Setakat ini, jumlah daripada 7000 lebih itu, 5,888 telahpun dipulangkan.

Tuan Wong Wing On: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu berapa ramai yang pasportnya ditahan di negeri Perak dan sama ada Yang Berhormat tahu bahawa masih ada pasport antarabangsa yang ditahan belum dikembalikan kepada si pemegangnya dari negeri Perak. Mereka dikehendaki mengambil balik pasport mereka di Kuala Lumpur, tetapi apabila sampai ke Ibu pejabat Imigresen di Damansara, mereka disuruh pergi ke Ipoh, tetapi apabila mereka sampai ke Ipoh, pegawai-pegawai Imigresen di Ipoh suruh mereka pergi ke Kuala Lumpur. Itu seperti bola.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya telah berulang kali mengumumkan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Imigresen melalui akhbar-akhbar Cina bahawa pemegang pasport yang pasportnya jatuh di bawah kategori ini dia sepatutnya mengikut sepucuk surat yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen yang menetapkan di mana pasport mereka itu boleh dikutip balik.

Untuk negeri Perak sebenarnya mengikut butir-butir yang saya ada ini, Jabatan Imigresen tidak membezakan seseorang itu dari Perak atau dari mana, cuma kita ikutkan pasport itu berada di mana. Maka, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Jabatan Negeri Perak hanya terdapat 21 pasport telah dipulangkan melalui negeri Perak. Kebanyakan pemegang pasport dikehendaki datang ke ibu pejabat Pusat Bandar Damansara kerana pasport mereka itu telah dihantar untuk disiasat di ibu pejabat. Maka tidak timbullah masalah yang mengatakan pasport itu tidak tahu di mana kecuali kalau orang itu dia pergi ke tempat yang salah.

STESEN MINYAK—LESEN

7. Dr T. Marimuthu minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) apakah kriteria pemberian lesen stesen minyak dan berapakah bilangan yang diluluskan sejak tahun 1988; dan
- (b) berapakah bilangan stesen minyak yang dimiliki oleh bumiputera, Cina dan India.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, stesen minyak boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu:

- (i) stesen minyak binaan syarikat-syarikat minyak; dan
- (ii) stesen minyak binaan pengusaha-pengusaha persendirian.

Bagi stesen minyak binaan syarikat-syarikat minyak, lesen hanya dikeluarkan kepada pengusaha-pengusaha bumiputera. Bagi stesen minyak binaan pengusaha persendirian, pertimbangan diberi kepada semua pemohon yang memiliki tapak stesen berkenaan dan yang membiayai kos pembinaan stesen itu.

Disamping kriteria asas tersebut, pemohon-pemohon mestilah mempunyai syarat-syarat berikut sebelum lesen dikeluarkan:

- (i) mendapat kelulusan tukar syarat tanah untuk kegunaan stesen minyak daripada Kerajaan Negeri yang berkaitan;
- (ii) mendapat kelulusan Pelan Bangunan daripada Majlis Daerah;
- (iii) mempunyai surat perlantikan sebagai wakil penjual daripada syarikat minyak yang berkenaan; dan
- (iv) mendapat kelulusan daripada Jabatan Bomba.

Mengenai perenggan (b) soalan ini, sehingga akhir bulan Mei 1991, jumlah stesen minyak yang diluluskan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ialah 2,257 buah. Agihannya mengikut kaum adalah seperti berikut:

Bumiputera	1,166 (51.7%)
Cina	1,075 (47.6%)
India	16 (0.7%)

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri menyatakan sama ada satu syarat di mana meletakkan stesen itu, jika stesen itu terletak berhampiran dengan orang ramai ataupun berhampirannya ada banyak penduduk-penduduk di sekitarnya, ataupun sekolah-sekolah yang ada di dekatnya, adakah syarat-syarat ini termasuk syarat yang telah ditentukan oleh Kementerian itu. Jikalau syarat itu ada, mengapa ada banyak stesen-stesen yang terletak di tempat orang yang ramai? Jikalau ada kebakaran atau letupankah yang berlaku, maka akibatnya buruk. Adakah Timbalan Menteri boleh menyatakan?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, kesesuaian sesuatu tapak untuk stesen minyak adalah ditentukan oleh syarikat-syarikat minyak yang berkaitan.

KERETA NASIONAL—LESEN BARU

8. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengeluarkan lesen bagi pengusaha-pengusaha swasta tempatan mengeluarkan kereta-kereta selain dari HICOM yang mana ditaja oleh Kerajaan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan belum bercadang untuk mengeluarkan sebarang lesen baru untuk membuat kereta nasional selain dari yang diluluskan kepada PROTON. Kerajaan merasakan sebagai sebuah negara membangun yang kecil dengan pasaran yang terhad, adalah wajar hanya sebuah syarikat sahaja diperlukan untuk membuat kereta nasional.

Sungguhpun demikian, Kerajaan masih membenarkan syarikat-syarikat lain menjalankan kegiatan pemasangan kereta bagi berbagai model.

Untuk makluman Dewan yang mulia, Kerajaan telahpun meluluskan sebanyak 12 lesen pemasangan kereta termasuk yang diluluskan kepada Proton. Di samping itu Kerajaan juga telah tidak menyekat lain-lain syarikat untuk memasang atau mengeluarkan model-model baru dengan syarat mereka hendaklah menggunakan kapasiti kilang-kilang pemasangan yang sedia ada.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah dasar untuk menyekat syarikat-syarikat swasta membina kilang-kilang kereta bertentangan dengan dasar liberalisasi dan deregularisasi atau penswastaan sebagaimana yang telah digariskan di dalam RRJP2 ini.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pada tahun 1989, Jemaah Menteri telah membuat keputusan iaitu 11 pemasangan kereta-kereta yang saya sebutkan tadi selain daripada Proton telah dibenarkan mengeluarkan mix and model yang ditetapkan oleh mereka sendiri. Oleh kerana itu, itu adalah satu-satu polisi yang meliberalisasikan sektor ini agar banyak lagi kereta penumpang dan kenderaan perdagangan akan dikeluarkan untuk pasaran tempatan.

FILEM DRAMA CINA DARI HONG KONG DI RTM DAN TV3

9. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Penerangan menyatakan sejauh mana kesan negatif yang dialami oleh rakyat berikutan rancangan RTM dan TV3 menayangkan filem drama dan hiburan Cina dari Hong Kong, jika tiada kesan, mengapakah RTM bercadang membatalkan rancangan itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, RTM menayangkan filem drama dan hiburan Cina dari Hong Kong untuk memenuhi cita-rasa rakyat Malaysia kita yang berketurunan Cina di negara ini.

Kesan negatif yang dialami berikutan penayangan filem drama dan program-program hiburan dari Hong Kong adalah sukar untuk kita, dengan izin, quantify kerana ianya merupakan satu perkara yang amat subjektif.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian menerima reaksi dari masyarakat umum sama ada melalui surat-surat, telefon, perbincangan bersemuka dan melalui media-media cetak tempatan yang merasakan bahawasanya filem-filem yang diimport dari Hong Kong mempunyai ciri-ciri budaya ganas dan budaya yang mungkin tidak secukup dengan budaya negara kita.

Pihak Kementerian mengambil kira semua pandangan dan teguran dari masyarakat. Namun, Tuan Yang di-Pertua, sukacita dimaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawasanya RTM tidak ada rancangan untuk membatalkan slot dalam bahasa Cina. Apa yang dirancang dan akan dilaksanakan oleh RTM serta juga TV3 ialah untuk mengurangkan filem-filem import dan diganti dengan filem-filem tempatan sesuai dengan dasar Kementerian menyiarkan 80% filem dan drama tempatan menjelang tahun 2000 dan mengurangkan filem import kepada 20%. Dengan secara demikian usaha ini akan menggalakkan pertumbuhan industri perfileman rakyat Malaysia keturunan Cina di negara ini sekali gus menggalakkan perkembangan, kemajuan dan peningkatan filem dan drama tempatan.

Adalah diharapkan penerbit filem dan drama tempatan yang lebih memahami dan menghayati budaya negara ini akan

menyelitkan unsur-unsur atau mesej-mesej yang bersesuaian dengan budaya kita, juga dapat memainkan peranannya bagi memupuk masyarakat yang bersatu-padu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya dasar RTM ataupun TV3 menayangkan program-program yang menepati atau yang berasaskan kepada cita-rasa rakyat. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa program yang diimport dari Hong Kong ini sebenarnya tidak menepati cita-rasa rakyat secara majoriti, lebih-lebih lagi waktu tayangannya ialah di waktu petang iaitu hampir waktu Maghrib.

Oleh itu soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, apakah pihak RTM bercadang dengan secepat mungkin untuk mengubah waktu tayangan ini ataupun mengurangkan dari segi "air time", dengan izin, bersabit dengan program yang diimport daripada Hong Kong ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, memang ada rancangan RTM untuk mengurangkan filem import pada bulan Jun ini daripada 5 jam seminggu kepada 4 jam seminggu, dan bermula daripada 1hb Januari 1992, akan dikurangkan seterusnya kepada 3 jam dan baki 1 atau 2 jam itu akan diisi dengan filem-filem tempatan.

Berkenaan dengan waktu penyiaran atau tayangannya, Tuan Yang di-Pertua, RTM sentiasa mengkaji dari masa ke semasa di atas masa yang bersesuaian. Pada masa ini dirasakan bahawa masa tayangan yang ditetapkan oleh RTM adalah berpatutan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada pihak Kementerian Penerangan, mengikut jawapan tadi bahawa tidak mengikut cita-rasa yang idam-idamkan oleh pihak Barisan Nasional, adakah pihak Kementerian bercadang untuk

mengambil tindakan yang sama terhadap program-program yang berbahasa Inggeris dan berbahasa Arab. Dan juga sama ada pihak MCA telah membantah tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian Penerangan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa masa yang dikurangkan tidak ditambah balik dengan program-program tempatan berasaskan bahasa Cina, mengapakah pihak Kementerian tidak memulihkan program-program drama swasta tempatan seperti drama "Pelangi" yang diharamkan pada tahun lepas?

Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, apabila RTM ataupun Kementerian Penerangan berhasrat untuk menentukan supaya 80% daripada penyiaran ataupun drama filem import akan diganti dengan tempatan, ianya mencakupi semua termasuk dalam bahasa Inggeris, bahasa Arab, bahasa Tamil dan sebagainya dan tidak terhad kepada bahasa Cina semata-mata.

Kedua, berkenaan dengan bantahan MCA, saya tidak ada nampak relevansinya berkenaan dengan soalan yang asal.

Tuan Lim Guan Eng: Ada atau tidak ada?

Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman: Itu saya rasa tidak ada relevant dan yang saya faham.....

Tuan Lim Guan Eng: Yes or No?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka.....

Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua....
(*Disampuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, prerogative untuk menyatakan "yes or no" adalah tertakluk kepada saya. Saya ketahui MCA sentiasa memberi pandangan, mengemukakan cadangan untuk memperbaiki siaran-siaran dalam bahasa Cina, (*Tepuk*) yang saya tidak pernah menerima dari DAP - tidak pernah kita terima dari DAP. Jadi saya percaya bantah itu adalah bukan budaya MCA, ianya suka menyumbang secara positif. (*Disampuk*)

Yang ketiga—dia kata yang kedua tetapi saya bilang satu, dua, tiga—mengenai masalah menghidupkan balik drama tempatan yang dihasilkan oleh orang-orang Tionghua sendiri, saya telah menyatakan tadi tujuan kita mengurangkan drama-drama import adalah untuk menggalakkan pertumbuhan drama swasta yang di-kelolakan oleh masyarakat Malaysia, rakyat Malaysia yang berketurunan Cina di dalam negara kita. Jadi dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, kita akan menggalak pertumbuhan industri perfileman bukan sahaja kepada golongan bumiputera malahan juga kepada masyarakat Cina itu sendiri.

DEPOSIT EMAS DENGAN DREXEL TRADING COMPANY

10. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kewangan menyatakan kerugian yang dialami oleh Bank Negara sehingga hari ini kerana deposit emasnya sebanyak 112,646 auns yang bernilai \$115 juta di dalam firma Amerika Syarikat, Drexel Burnham Lambert Trading Company, apabila firma tersebut menjadi muflis pada bulan Mei tahun lepas, dan jumlah yang dapat diperbaiki oleh Bank Negara pada akhirnya.

Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kes Drexel Trading Company masih belum selesai dan pada

masa ini ianya berada di peringkat akhir penyelesaian oleh mahkamah di New York.

Mengikut laporan yang diberikan kepada mahkamah di New York, Drexel Trading Company masih mempunyai aset yang banyak dan berkemampuan untuk membuat pembayaran balik kepada semua si-piutangnya termasuk Bank Negara Malaysia. Proses pembayaran balik itu dijangka akan dibuat pada awal tahun 1992. Bagaimanapun, jumlah sebenar yang akan diterima balik oleh Bank Negara bergantung kepada keputusan mahkamah kelak.

Saya perlu jelaskan bahawa perkembangan ini tidak sedikit pun menjejaskan prestasi atau kebijaksanaan bank dalam melabur dan mempertahankan kepentingannya di luar kerana keuntungan operasi bersih bank dalam urusan tersebut pada tahun 1988 ialah \$951.5 juta, 1989 \$976.5 juta dan 1990 \$1,073.6 juta.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu jumlah wang pembayaran balik daripada Drexel Trading atas emas yang ada didepositkan dalam syarikat itu dan apa saki-baki yang akan dibayar balik?

Kedua, tadi Yang Berhormat Menteri kata bahawa keuntungan akan diperolehi daripada deposit itu selepas selesainya masalah bankruptcy Drexel Trading Company, oleh kerana mengikut harga yang ditetapkan oleh mahkamah US. Bukankah ini berasaskan kepada keupayaan Drexel Trading untuk membayar balik. Kalau Drexel Trading tidak ada keupayaan untuk membayar balik, sungguhpun Bank Negara dapat, dengan izin, paper judgement, dapat keuntungan, tetapi akan dapat, kosong dari segi kewangan. Akhirnya, bukankah benar bahawa Yang Berhormat bekas Menteri Kewangan ada memberi

jaminan kepada negara ini bahawa perkara ini akan diselesaikan dalam bulan Mac tahun ini.

Sekarang kita dengar bahawa perkara ini akan diselesaikan di awal 1992. Kenapa perkara ini berlaku dan mengapa Kerajaan membuat satu jaminan yang tidak boleh ditunaikan?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang ternyata dalam soalan asal Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, jumlah yang belum diselesaikan ialah \$112,640 auns emas dan ini bernilai \$116 juta mengikut harga di pasaran sekarang. Jumlah ini merupakan jumlah yang amat kecil berbanding dengan keuntungan yang diperolehi \$1 billion pada tahun yang lalu.

Yang kedua, telah saya nyatakan bahawa Drexel memang mempunyai keupayaan untuk menjelaskan kerana aset yang dibentangkan di mahkamah di New York memang substantial, dengan izin. Oleh yang demikian, mengikut perkiraan kita, sebahagian besar dari wang itu akan diperolehi. Jumlah sebenarnya memang tidak dapat diselesaikan sepertimana diberi jaminan sebelum ini, kerana kes mahkamah dijangka akan diselesaikan hanya akhir tahun ini atau awal tahun depan dan perkara ini masih dirujuk di mahkamah New York.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum mendepositkan deposit emas ini kepada Syarikat Drexel ini, apakah Kerajaan Malaysia tidak mengkaji kedudukan kewangan ataupun dengan izin, financial backing syarikat ini sehingga salah tadbir deposit emas ini boleh berlaku? Adakah ini tidak dijangka oleh Kerajaan sebelum pelaburan atau perbuatan deposit ini dibuat, dan sudah tentu sepatutnya semua aspek dikaji untuk mengelakkan daripada perkara ini berlaku?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, pertama harus saya jelaskan bahawa keputusan ini adalah pertimbangan dan kebijaksanaan Bank Negara Malaysia yang membuat kajian dan memang Drexel merupakan di antara syarikat yang mempunyai prestasi yang baik sebelum ini. Risiko yang diambil oleh Bank Negara adalah minima sekali dan Bank Negara hanya menempatkan deposit kepada beberapa institusi terpilih sahaja. Oleh yang demikian, pengalaman ini tidak seharusnya menjejaskan imej kebijaksanaan dan keputusan Bank Negara.

Adalah tidak adil untuk membuat keputusan berdasarkan jumlah ini dan sebahagian besarnya boleh dikembalikan kepada Bank Negara dan menutup sama sekali kejayaan bank dalam mempertahankan kepentingan kita dengan keuntungan operasi bersih lebih dari \$1 billion.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat. (*Disampuk*)

Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hoi Chew.

(*Soalan No. 11 Y.B. Tuan Robert Lau Hoi Chew tidak hadir*)

PERKHIDMATAN TELEFON DI BATU KAWA, SARAWAK

12. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) bilakah perkhidmatan telefon dapat diberikan kepada kawasan Batu Kawa di Negeri Sarawak, khususnya sepanjang Jalan Stephen Yong di kawasan tersebut;
- (b) adakah benar bahawa projek STM terjejas di Negeri Sarawak, sebab kekurangan bekalan

bahan-bahan yang diperlukan, seperti kabel, paip PVC dan sebagainya, dan apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut; dan

- (c) adakah pihak STM bertujuan untuk mengecualikan bayaran "capital contribution" daripada pemohon perkhidmatan telefon sama sekali sekarang atau masa hadapan.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan:

- (a) Telekom Malaysia sedang melaksanakan kerja pemasangan talian tambahan di kawasan Batu Kawa termasuk kawasan sekitar Jalan Stephen Yong. Kesemua kerja-kerja ini dijangka siap di akhir bulan Julai dan kemudahan perkhidmatan telefon ke kawasan berkenaan akan dapat diberi selepas tarikh itu.
- (b) Memang benar dalam beberapa ketika yang selepas, Telekom Malaysia, Cawangan Sarawak mengalami sedikit masalah kekurangan bahan oleh kerana peningkatan jumlah projek yang telah dirancang untuk dilaksanakan tahun ini. Namun begitu, masalah ini telah dapat diatasi sekarang dan semua projek yang dirancang untuk tahun ini akan dapat disiapkan mengikut jadual.
- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bayaran capital contribution ini, dengan izin, dikenakan dalam kes-kes tertentu sahaja di mana Telekom Malaysia dikehendaki menyediakan kemudahan telefon ke satu-satu tempat yang berada jauh dari kawasan liputan infrastruktur yang sedia ada khusus untuk kegunaan bakal pelanggan itu.

Bayaran yang dikenakan itu sebenarnya bukanlah satu bentuk capital contribution dengan erti kata sebenarnya, tetapi ia lebih merupakan sumbangan berdasarkan cost of work basis yang diamalkan oleh pihak-pihak lain. Dalam keadaan yang sama, perlu ditegaskan di sini bahawa bayaran ini dikenakan dengan persetujuan bakal pengguna.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jika capital contribution ini merupakan satu masalah besar untuk mereka yang tinggal di sekitar bandar iaitu belum hulu, maka orang ramai terlibat.

Pada satu sesi yang lalu Yang Berhormat Menteri sendiri memberi jaminan kepada saya bahawa di satu masa akan datang capital contribution akan dihapuskan sama sekali. Tetapi setelah saya balik ke Kuching, Sarawak untuk membantu pengundi-pengundi atau rakyat untuk memohon perkhidmatan telefon, mereka masih diperlukan membayar kepada capital contribution sehingga beribu-ribu ringgit, \$3,000, \$4,000 pun ada—untuk satu telefon sahaja. Orang yang bekerja sebagai pekebun di mana hendak dapat duit?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bandar Kuching, sila kemukakan soalan.

Tuan Sim Kwang Yang: Soalannya ialah bilakah boleh capital contribution ini dihapuskan sama sekali dan STM ini menanggung semua perbelanjaannya?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, projek untuk membina infrastruktur di seluruh Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak sedang dijalankan, yang mana \$1,360 juta telah dikhaskan untuk projek ini. Mengenai projek yang pertama untuk tahun 1991, lebih kurang \$265 juta untuk semua kawasan telah disediakan.

Saya percaya dalam tempoh 2 tahun akan datang capital contribution cost boleh dihapuskan di Sarawak.

Di Sarawak saya dapat tahu infrastruktur yang sedia ada sekarang akan dilanjutkan lagi, dan saya dapat tahu juga daripada STM bahawa mereka boleh memperbaiki keadaan yang sedia ada sekarang.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri sama ada capital contribution cost hanya dikenakan untuk negeri Sarawak dan Sabah sahaja atau dikenakan juga untuk Semenanjung Malaysia. Kalau ya, bukankah ini akan menambahkan lagi their sense of alienation, dengan izin, di kalangan rakyat Sarawak bahawa mereka tidak memperolehi perkhidmatan asas?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat jelata di Sarawak dan Sabah adalah berlainan daripada masalah yang dihadapi di Semenanjung, oleh kerana di Semenanjung di kebanyakan bandar-bandar sudahpun mempunyai infrastruktur, tetapi di Sarawak dan Sabah baru sahaja kita memasangkan banyak infrastruktur dan oleh kerana itu capital contribution cost itu tidak dikenakan di Semenanjung. Jika ada sebuah rumah yang letaknya lebih kurang 20 atau 30 batu di pendalaman – bukan boleh disebut sebagai kampung, tetapi sebidang tanah yang jauh dari stesyen atau ibusawat Telekom lebih kurang 30 batu atau 35 batu – barangkali pelanggan itu mesti kena membayar. Kita tidak menghadapi masalah seperti itu sekarang di Semenanjung oleh kerana kita sudah ada banyak infrastruktur, tetapi di Sarawak dan Sabah masih terdapat banyak lagi. Perkara itu kita boleh selesaikan dengan adanya rancangan baru yang ditetapkan sekarang.

**PEKERJA-PEKERJA ASING
MAHIR**

13. Tuan Ishak bin Arshad minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) berapa ramaikah pekerja-pekerja asing mahir (expatriate) yang telah didaftarkan oleh Kementerian berkhidmat dalam sektor awam dan swasta di negeri ini hingga sekarang;
- (b) apakah langkah-langkah segera yang dibuat oleh Kementerian bagi mengisi kekosongan yang mungkin berlaku jika tenaga mahir ini menamatkan perkhidmatan mereka; dan
- (c) dalam bidang-bidang manakah keperluan tenaga kerja mereka diperlukan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin agar soalan ini dijawab oleh Kementerian Dalam Negeri, kerana ia jatuh dalam bidangkuasa Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh tiga tahun kebelakangan ini, jumlah pegawai dagang atau expatriate yang diluluskan untuk berkhidmat dengan sektor awam dan swasta adalah seramai 9,721 orang. Sebahagian besar tenaga pegawai dagang ataupun expatriate, dengan izin, ini diperlukan dalam bidang kejuruteraan, pembuatan dan perkhidmatan yang memerlukan kepakaran dan kemahiran yang tinggi. Langkah-langkah yang telah diambil apabila berlaku kekosongan ialah;

- (a) membenarkan calon pegawai dagangan lain mengisi kekosongan sebab jika tidak terdapat calon tempatan.

- (b) mengambil calon tempatan yang telah dilatih bagi mengisi jawatan tersebut.

Tuan Maidom P. Pansai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah saya dapat tahu sama ada angka yang diberikan tadi itu merangkumi juga pekerja asing yang mahir yang terdapat di negeri Sabah dan yang kedua, adakah juga pekerja mahir yang dimaksud itu merangkumi pekerja mahir yang terdiri daripada pendatang tanpa izin yang begitu banyak terdapat di negeri Sabah selama ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pegawai dagang maknanya untuk mereka yang mempunyai kemahiran seperti profesional, teknikal profesional dan sebagainya, maka langkah yang telah saya berikan itu adalah seluruh negara.

Dan untuk soalan yang kedua, oleh sebab pendatang tanpa izin itu tidak dikira termasuk dalam kategori, maka ia tidak termasuk.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Soalan tambahan. Dari jumlah yang diberi 9,721 orang expatriate yang ada di negara kita, berapakah jumlah dalam sektor awam dan berapa jumlah dalam sektor swasta. Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang biasanya expatriate asing diambil semata-mata kerana kita mempunyai rasa inferiority complex terhadap expatriate dalam negeri, terutama sekali dalam bidang consultant, banyak kerja-kerja consultant yang boleh diberi kepada consultant tempatan, tetapi diberi kepada konsultant asing. Jadi, adakah mereka ini diberi kerana mereka ini expatriate asing. Adakah Kerajaan akan membetulkan keadaan ini di masa hadapan?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, untuk bilangan berapakah dalam sektor awam dan sektor swasta, saya tidak mempunyai angka. Jadi, saya memohon notis.

Untuk bahagian yang kedua, tidaklah benar bahawa negara kita ataupun Kerajaan berasa inferiority complex sebab kepakaran-kepakaran yang diperlukan oleh negara kita ini memang ada kepakaran yang ada pada pakar-pakar asing di mana mereka diberi satu tempoh untuk, dengan izin, transfer of technology itu pada warganegara kita. Jadi, langkah itu sebenarnya akan mendatangkan keuntungan kepada negara. Soal inferiority complex ataupun mementingkan kepentingan orang asing itu tidak timbul langsung.

PERSATUAN BELIA YANG DIDAFTARKAN

14. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah persatuan belia yang didaftarkan secara sah mengikut undang-undang hingga kini;
- (b) nyatakan peratusan dan jumlah persatuan belia yang telah dibatalkan pendaftarannya kerana tidak menjalankan aktiviti serta mesyuarat agung tahunan; dan
- (c) bagaimana program induk belia negara yang dicadangkan oleh Kerajaan boleh membantu menjadikan belia-belia aktif berpersatuan serta mempunyai cinta kepada agama, bangsa dan negara.

Menteri Belia dan Sukan (Tuan Haji Annuar bin Musa): Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini terdapat sejumlah 6,953 buah Persatuan Belia yang berdaftar dan sah di sisi undang-undang. Daripada jumlah tersebut terdapat 522 buah Persatuan Belia yang telah dibatalkan pendaftarannya kerana gagal menjalankan mesyuarat agung dan syarat-syarat yang dikenakan di bawah Akta Pertubuhan. Program Induk Belia

Negara yang telah diperkenalkan oleh Kementerian ini adalah sebagai satu rangka program bagi melaksanakan kegiatan-kegiatan berasaskan kepada Dasar Belia Negara dan Dasar Sukan Negara. Program Induk Belia Negara ini telah memberikan penekanan kepada program-program tertentu yang antara lain meliputi kegiatan-kegiatan sukan berprestasi tinggi, sukan masa, soal-soal ketatanegaraan, perpaduan, kemahiran, keagamaan, proses pembangunan, hubungan antarabangsa, kesukarelawan dan kebudayaan.

Tujuan program ini diperkenalkan adalah agar kegiatan-kegiatan belia akan ditumpukan kepada program-program yang penting dengan menekankan soal perubahan sikap dan sistem nilai yang sesuai dengan perancangan pembangunan negara secara keseluruhannya. Program ini dijangka akan lebih mudah membantu persatuan belia bergerak cergas untuk mewujudkan cintakan bangsa dan negara melalui peruntukan-peruntukan tambahan yang telah diberikan serta pelaksanaan yang lebih berkesan yang memenuhi rancangan jangka pendek dan panjang yang dilaksanakan oleh Kementerian dengan kerjasama badan-badan belia dalam negara kita.

FALSAFAH PENDIDIKAN NEGARA

15. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementerian bercadang menyempurnakan kurikulum yang ada supaya setiap murid Islam yang masuk ke sekolah rendah boleh menjadi calon ulama yang diperlukan oleh masyarakat moden Malaysia. Jika ada, apakah langkah-langkah yang dibuat dan bila ia akan dimulakan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem pendidikan berhasrat

untuk melahirkan individu yang mempunyai kebolehan yang menyeluruh selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara seperti yang dimaksudkan dan Wawasan 2020. Negara kita memerlukan bukan sahaja tenaga manusia yang berorientasikan keuntungan ekonomi, tetapi juga yang mempunyai nilai-nilai kerohanian. Aspek ini telahpun dibekalkan dalam KBSR dan KBSM.

Kurikulum Pendidikan Islam khasnya telah diperbaiki dan dipertingkatkan mutunya untuk menjamin bahawa pelajar dapat memahami, mengenali dan menghayati Islam sebagai suatu cara hidup yang lengkap. Penekanan diberikan kepada Tilawah Al-Quran dan juga Ulum Syariah.

Pada dasarnya setiap pelajar Islam yang memasuki sekolah rendah berpotensi untuk menjadi ulama dan kurikulum yang disediakan mampu memperkembangkan keilmuan, minat serta kemampuan pelajar untuk menjadi ulama. Walau bagaimanapun, tidak semua pelajar akan menjurus untuk menjadi ulama. Bagi pelajar yang benar-benar berpotensi, mereka akan mengambil mata pelajaran elektif iaitu Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah, Bahasa Arab Tambahan, Pendidikan Syariah Islamiah dan Tasawwur Islam yang ditawarkan di peringkat menengah atas.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya apakah makna takrifan "ulama", kelulusan di peringkat manakah yang boleh dipanggil "ulama" dan apakah orang-orang yang masuk ke parti yang bernama agama ataupun parti yang bernama Islam itu boleh diberi gelaran ulama walaupun kelulusannya tidak sampai ke tahap yang dikehendaki dipanggil "ulama"?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan itu tidak patut disoalkan. (*Ketawa*)

PERSEMPADANAN SEMULA BAHAGIAN PILIHANRAYA

16. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Perdana Menteri menyatakan apakah kajian sedang dibuat untuk mengubahsuai kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri di seluruh negara oleh Suruhanjaya Pilihanraya. Jika benar, bilakah pengubahsuaian ini akan dibuat dan apakah faktor-faktor dan ciri-ciri serta garis panduan yang akan digunakan bagi menentukan perubahan yang akan dibuat dan berapakah jangkaan pertambahan kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengikut keperluan di bawah Fasal 2 Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya yang akan datang boleh dilakukan hanya selepas bulan November tahun 1991.
- (b) Dalam menjalankan urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya ini, Suruhanjaya Pilihanraya perlu berpandukan kepada prinsip-prinsip yang ditetapkan mengikut Seksyen 2 Bahagian 1 Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan.
- (c) Suruhanjaya Pilihanraya tidak dapat menjangka pertambahan kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri berikutan dengan urusan tersebut kerana urusan itu belum lagi bermula.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat ada kata bahawa mengikut Perkara 113 dalam Perlembagaan Persekutuan, sempadan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri baru boleh

dibuat bermula November, 1991. Bukankah ini bererti oleh kerana pengubahsuaian sempadan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri masa dahulu ialah November, 1984. Sekarang Yang Berhormat kata boleh dimula pada November 1991, ertinya 7 tahun. Bukankah ini melanggari Perlembagaan kita Perkara 113 yang memperuntukkan bahawa sekurang-kurangnya memerlukan 8 tahun sebelum boleh buat satu semakan baharu dalam sempadan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri?

Adakah ini dibuat atas desakan pemimpin Bahagian UMNO selepas Pilihanraya Umum bahawa haruslah mengadakan satu pengubahsuaian sempadan segera untuk tujuan politik mereka? Dan bolehkah Yang Berhormat mengesahkan bahawa pada 25hb dan 26hb bulan ini, Suruhanjaya Pilihanraya akan mengadakan satu mesyuarat khas untuk pegawai-pegawai tinggi Suruhanjaya Pilihanraya untuk semua penyelia, pengurus pilihanraya semua negeri untuk berbincang tujuk khas mengenai pengubahsuaian sempadan 1990 di masa depan?

Ini bererti lagi bahawa bukan sahaja peruntukan tetapi semangat Perlembagaan iaitu sekurang-kurangnya ada 8 tahun sebelum ada satu kajian baharu untuk meminda sempadan, sudah dicabuli.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, kita telah membuktikan kebijaksanaan Ketua Pembangkang untuk memutarbelitkan apa yang saya jawab tadi. (*Tepuk*)

Apa yang saya kata adalah hanya selepas bulan November 1991 mengikut Perlembagaan. Jadi, Kerajaan Barisan Nasional tidak berhasrat untuk.....

Tuan Lim Kit Siang: Dia kata silap, saya boleh terima.

Seorang Ahli: Yang Berhormat silap.

Tuan Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat silap.

Tuan Lim Kit Siang: Saya silap.

PELANCONG MELAWAT MALAYSIA

17. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) bilangan pelancong-pelancong yang datang melawat Malaysia dari bulan Januari hingga Mei, 1991;
- (b) apakah bilangan ini berkurangan dalam tempoh yang sama pada Tahun Melawat Malaysia;
- (c) pelancong-pelancong dari negara manakah yang paling ramai melawat Malaysia dan purata perbelanjaan oleh setiap pelancong; dan
- (d) kesan Peperangan Teluk terhadap industri pelancongan negara.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perangkaan lengkap untuk negeri-negeri Sabah dan Sarawak bagi tempoh bulan Januari hingga April 1991 masih belum lagi diperolehi daripada Jabatan Statistik Negeri-negeri berkenaan, jawapan-jawapan berikut adalah hanya merujuk kepada Semenanjung Malaysia:

- (a) Berdasarkan maklumat terakhir yang diperolehi daripada Jabatan Imigresen, adalah dianggarkan bahawa Semenanjung Malaysia telah menerima seramai 1,673,701 orang pelancong asing dalam tempoh bulan Januari hingga April 1991 berbanding dengan seramai 2,504,606 orang dalam tempoh yang sama tahun 1990 yang lalu.

- (b) Jumlah kedatangan pelancong asing dalam tempoh tersebut telah berkurangan sebanyak 33.2 peratus berbanding dengan tempoh yang sama dalam tahun 1990 yang lalu iaitu Tahun Melawat Malaysia.
- (c) Mengikut perkiraan perkongsian pasaran atau market share, dengan izin, dalam tempoh bulan Januari hingga April 1991, pelancong-pelancong asing yang paling ramai melawat Semenanjung Malaysia adalah datangnya dari negara-negara seperti Singapura (55.9%), Thailand (10.8%), Jepun (6.7%), U.K./Ireland (3.1%), Indonesia (2.7%), Taiwan (2.6%) dan Australia (2.2%). Purata perbelanjaan perkapita oleh setiap pelancong asing di Semenanjung Malaysia bagi tahun 1991 adalah sebanyak \$673.
- (d) Kesan Peperangan Teluk kepada industri pelancongan negara secara langsung boleh ditinjau terhadap jumlah pelancong asing yang mengunjungi Semenanjung Malaysia dalam tempoh kemuncak dan tamatnya peperangan tersebut di antara bulan Januari hingga Februari 1991. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Jabatan Imigresen, adalah dianggarkan seramai 744,645 orang pelancong asing telah mengunjungi Semenanjung Malaysia dalam tempoh tersebut berbanding dengan seramai 1,088,462 orang dalam tempoh yang sama bagi tahun 1990. Ini menunjukkan dalam tempoh tersebut jumlah pelancong asing yang mengunjungi Semenanjung Malaysia telah berkurangan sebanyak 31.6 peratus berbanding dengan tempoh yang sama bagi tahun 1990. Penurunan

ini boleh dilihat sebagai kesan jangka pendek akibat daripada Peperangan Teluk tersebut tetapi kesan jangka panjangnya masih belum dapat ditentukan. Walau bagaimanapun Kementerian ini menjangkakan sektor-sektor pelancongan secara langsung seperti sektor Perhotelan dan sektor Pengangkutan Udara akan menerima kesan yang lebih signifikan akibat daripada pengurangan jumlah pelancong asing tersebut.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mendengar jawapan daripada Yang Berhormat mengenai dengan pelancong daripada Timur Tengah tidak ada peratus, malah pelancong daripada Timur Tengah amat berkurangan sekali melawat negara kita ini sewaktu sebelum Perang Teluk lagi. Dan ini apakah benar kerana Perbadanan Kemajuan Pelancongan (TDC) yang bertanggungjawab membuat kempen pelancongan ini kurang memberi perhatian di negeri-negeri Timur Tengah, banyaknya tertumpu di Eropah ataupun di Jepun ataupun di Korea.

Kalau tidak benar, saya minta Yang Berhormat menjelaskan berapakah jumlah pejabat TDC di Timur Tengah, negeri-negeri berkenaan dan jumlah pegawai dan apakah program dan aktiviti yang dijalankan selama ini di negara-negara tersebut. Sebab kita tengok pelancong-pelancong daripada Timur Tengah banyak datang ke Bangkok, ke Thailand tidak sampai ke Malaysia, apa sebab? Terima kasih.

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat berkenaan yang bertanya mengenai soalan ini.

Sebenarnya dari segi strategi untuk menarik pelancong datang ke negara kita, kita haruslah menetapkan pasaran-pasaran. Mengikut strategi yang kita buat, iaitu kita mempunyai pasaran

utama dan kebetulannya pasaran utama tidaklah termasuk negara-negara Timur Tengah. Pasaran-pasaran utama dalam promosi yang kita buat ialah seperti Singapura, Jepun, Australia, U.K., Jerman, Amerika Syarikat, Thailand, Hong Kong, Taiwan dan Korea Selatan.

Di samping itu kita dari segi strategi juga kita mempunyai pasaran-pasaran yang kedua, seperti negara-negara lain Perancis, Itali, Asia Barat, India, Kanada, New Zealand, Benelux, Scandinavia, Switzerland dan negara-negara lain tertentu.

Jadi, dalam hal negara Timur Tengah, ia merupakan pasaran penyokong kepada pelancong-pelancong yang mana kita membuat promosi mengikut keadaan semasa.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita ada membuat beberapa promosi di Timur Tengah tetapi tidaklah kita memberi tekanan seperti negara-negara dalam pasaran utama.

Mengenai masalah pelancong yang datang ke negara Thai dan Bangkok, saya tidaklah dapat hendak memberikan pengesahan kenapa mereka suka pergi ke Thailand.

Dato Monggoh Orow: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat tahu daripada Timbalan Menteri, apakah sebabnya atau kenapakah data-data daripada Sabah dan Sarawak belum didapati sedangkan TDC mempunyai pejabat-pejabat di Kota Kinabalu dan Kuching. Adakah ini menunjukkan bahawa Sabah dan Sarawak tidak mustahak bagi pembangunan industri pelancongan di negara kita?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, maksud yang saya katakan tadi, kita tidak dapat satu perangkaan yang tepat. Jadi di dalam jawapan di Parlimen, saya ingat tidaklah

boleh kita membuat jawapan-jawapan yang kurang tepat ataupun anggapan sahaja. Jadi, kita tidak lagi dapat menerima jumlah pelancong yang tepat daripada negeri Sabah kerana walaupun kita ada Pejabat TDC di Sabah dan Sarawak, tetapi maklumat yang kita terima adalah daripada Jabatan Imigresen dan Jabatan Perangkaan. Jadi, ini barangkali jabatan-jabatan yang berkenaan di Sabah mempunyai masalah-masalah yang tertentu yang tidak dapat diselesaikan.

JALAN RAYA UTAMA DI SABAH

18. Tuan Geoffrey Yee Lung Fook minta Menteri Kerja Raya menyatakan oleh kerana jalan-jalan di Sabah sangat jauh berbeza sekiranya dibandingkan dengan jalan-jalan di Semenanjung Malaysia dan rakyat di Sabah tidak puas hati dengan keadaan sistem jalan di Sabah, khususnya mereka yang berniaga dengan menggunakan perhubungan jalan dan kenderaan. Sehingga ke hari ini, Sabah masih belum lagi mempunyai lebuh raya dan jalan-jalan aspal yang bermutu tinggi untuk menyambungkan bandar-bandar utama seperti di Kota Kinabalu ke Sandakan dan Sandakan ke Tawau. Bilakah jalan-jalan yang menyambung bandar-bandar utama akan diaspalkan. Dan bolehkah ia disiapkan dalam Rancangan Malaysia Yang Keenam?

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sama dengan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat telah beberapa kali dijawab dalam Dewan yang mulia ini.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sendiri ketahui, pembinaan jalan raya utama di Sabah telah mula dilaksanakan dan dijangka akan disiapkan dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Pakej B2 jalanraya Sandakan, bermula dari Batu 32 ke Lahad Datu telah siap dibina pada tahun 1990. Projek Pakej B1 sedang dalam pelaksanaan. Projek Pakej A2, menaikkan taraf jalan dari Telupid ke Sandakan dijangka siap pada 30hb Jun, 1991 dan Pakej A1, dijangka siap pada 30hb April, 1992.

Lain-lain jalan yang disebutkan oleh Yang Berhormat, dijangka siap dalam Rancangan Malaysia Keenam.

LINTASANRATA KERETAPI SEGAMPUT—KESESAKAN LALULINTAS

19. Tuan Mohamed Kamal bin Hussein minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah sistem pintu berpagar bagi lintasan keretapi di Segambut masih praktikal, memandangkan ianya telah menyebabkan kesesakan lalulintas yang amat sangat, memandangkan pertumbuhan kawasan perumahan di sekitar kawasan tersebut dan laluan keretapi Segambut adalah laluan utama keretapi yang selalu kerap digunakan. Apakah usaha-usaha Kementerian beliau bagi mengatasi masalah tersebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar akan kesesakan lalulintas yang berlaku di lintasanrata keretapi di Segambut.

Dalam hubungan ini, sukacita saya memaklumkan bahawa di bawah projek landasan berkembar yang sedang diuruskan sekarang, semua lintasanrata yang sedia ada termasuklah di Segambut akan digantikan dengan jejambat. Pembinaan jejambat ini akan dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya. Adalah dijangkakan projek ini akan dimulakan pada akhir tahun 1991 dan dijangka siap sebelum akhir tahun 1993.

PUSAT BELI-BELAH DI TANAH SIMPANAN HUTAN

20. Tuan Wee Choo Keong minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebabnya Datuk Bandar Kuala Lumpur membenarkan pembinaan pusat beli-belah di tanah simpanan perhutanan (forest reserve) berdekatan dengan jalan simpang di Jalan Sultan Ismail/Jalan Ampang (bertentangan dengan Hotel Merlin yang lama).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, pembinaan satu blok bangunan perniagaan di atas lot berkenaan telah diluluskan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur secara sementara melalui Perintah Pembangunan bertarikh 6-2-1991. Tapak pembangunan bangunan ini adalah milik persendirian dan bukan sebagai tanah rezab/simpanan hutan Bukit Nenas. Mengikut Pelan Pembangunan Lengkap, tapak ini adalah dihaskan untuk pembangunan perdagangan terhad berdasarkan faktor-faktor di bawah:

- (1) pihak DBKL ingin menentukan pembangunan yang telah diluluskan ini bersesuaian dengan pembangunan keseluruhan Kuala Lumpur;
- (2) kegunaan bangunan yang sesuai untuk aktiviti perniagaan; dan
- (3) rekabentuk bangunan yang menarik.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat itu sedar pembinaan di hadapan Hotel Merlin yang lama itu adalah menimbulkan masalah lalulintas di Jalan Sultan Ismail/Jalan Ampang sedangkan tapak pembinaan tanah itu sebelum ini sudah ada orang memohon Perintah Pembangunan tetapi ditolak. Oleh itu, bagaimanakah sekarang Datuk

Bandar Kuala Lumpur boleh meluluskan, dengan izin, Development Order itu?

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed:
Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat perjalanan lalulintas ataupun koridor lalulintas di sepanjang Jalan Sultan Ismail daripada persimpangan Jalan P. Ramlee, sudah terdapat sebuah lampu-isyarat dan ini akan membuat kenderaan yang datang dari Jalan Sultan Ismail menuju ke hadapan mengarah ke hadapan (Utara), akan menjadi perlahan. Oleh kerana itu, tidak mengganggu sama sekali pembangunan di tempat tersebut.

Lebih-lebih lagi oleh kerana kita mengalami keadaan tanah yang terhad di Kuala Lumpur, maka kita tidak mahu wastage, dengan izin, sebarang tanah yang layak dibangunkan adalah diberi Perintah Pembangunan.

Dan saya tidaklah pernah pula mendengar adanya permohonan untuk tanah tersebut kemudian ditolak dan diberikan kepada orang lain. Seperti saya sebut 'adalah milik persendirian' dan barangkali pemilik ini mendapat kelulusan daripada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di atas tapak yang sesuai terhadapgunaan tanah di kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 3, 11 dan 21 hingga 54 adalah diberi di bawah ini)

TELAGA MINYAK BARU

1. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah perjumpaan/penemuan baru telaga-telaga minyak di negara ini dan jumlah peningkatan pengeluaran minyak bagi

tahun 1990 berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya;

- (b) jumlah keuntungan yang diperolehi oleh Petronas bagi tahun 1990; dan
- (c) berapakah jumlah keuntungan yang diperolehi oleh Kerajaan hasil daripada kenaikan harga minyak secara mendadak akibat daripada krisis Teluk baru-baru ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas):

- (a) Jumlah penemuan medan-medan minyak baru bagi tahun 1990 adalah sebanyak 2 buah iaitu medan larut di Blok PM 5 di kawasan luar pantai berhadapan Negeri Terengganu dan medan Bentara yang terletak di Blok SK 6 di kawasan luar pantai berhadapan Negeri Sarawak.

Bilangan penemuan medan-medan minyak bagi tempoh 5 tahun yang lalu, dari tahun 1985 hingga 1989 adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Penemuan
1985	1
1986	Tiada
1987	Tiada
1988	2
1989	2

Jumlah pengeluaran purata minyak mentah negara bagi tahun 1990 adalah sebanyak 601,000 tong sehari, manakala pengeluaran purata bagi tahun-tahun sebelumnya adalah seperti berikut:

Tahun	Pengeluaran Purata (tong sehari)
1985	431,000
1986	485,000
1987	479,000
1988	522,000
1989	567,000

- (b) Pada tahun kewangan berakhir 31 Mac 1990, PETRONAS memperoleh keuntungan selepas cukai sebanyak \$3,025 juta. Jumlah cukai yang dibayar bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 1990 ialah sebanyak \$2,614 juta.
- (c) Hasil Kerajaan Persekutuan daripada petroleum bagi tahun 1990 ialah sebanyak \$9,100 juta. Ini merupakan 19% atau \$1,453 juta lebih daripada hasil tahun sebelumnya. Sebahagian daripada pendapatan tambahan ini adalah hasil daripada kenaikan harga minyak berikutan daripada krisis Teluk baru-baru ini.

MARDI—KHIDMAT NASIHAT DI KELANTAN

3. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) adakah Yang Berhormat Menteri sedar adanya usaha daripada pihak Kementerian Pertanian supaya MARDI Negeri Kelantan tidak memberi khidmat nasihat pertanian kepada penduduk dan Kerajaan Negeri Kelantan; dan
- (b) jika benar, apakah punca sehingga arahan sedemikian dikeluarkan.

Menteri Pertanian (Datuk Seri Sanusi bin Junid): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada sebarang usaha atau arahan dari mana-mana pihak di Kementerian Pertanian yang menghalang MARDI dari melaksanakan tugas-tugas rasmi di Kelantan.

MARDI kini giat dengan aktiviti-aktiviti biasanya dalam menjalankan penyelidikan ke atas tanaman-tanaman padi, tembakau, buah-buahan dan memproses bahan-bahan makanan melalui stesen-stesen penyelidikan di Telong, Kubang Keranji, Jeram Pasu dan Pasir Putih.

Malahan usaha-usaha untuk memanjangkan teknologi-teknologi matang kepada petani dalam penanaman padi, buah-buahan, tembakau dan sayur-sayuran giat dilaksanakan di Daerah-daerah Bachok, Tanah Merah, Pasir Putih dan Tumpat di mana petani-petani terlibat secara langsung.

JALAN RAYA DARI KUCHING KE LIMBANG DITURAP TAR

11. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) bilakah jalan raya dari Kuching ke Limbang di Sarawak yang disaluti oleh tar di atasnya akan siap;
- (b) tarikh, nama dan jumlah projek kerja awam yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak yang telah ditangguhkan kebenarannya dari Kementerian Kerja Raya Awam dan sebab penangguhan tersebut; dan
- (c) jumlah bagi pembinaan jalan raya dan paip untuk membekalkan air di Sarawak untuk tahun 1988, 1989, 1990 dan 1991.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau):

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan raya dari Kuching ke Limbang dijangka siap dan diturap dalam tempoh RM6.
- (b) Setahu saya tiada sebarang projek di bawah Kementerian Kerja Raya yang diluluskan telah ditangguhkan sekiranya itulah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat. Projek-projek yang dicadangkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri termasuk

Sarawak akan dikemukakan oleh Kementerian Kerja Raya kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk pertimbangan dan kelulusan. Kelulusan projek-projek tersebut bergantung kepada keperluan keutamaan, faedahnya kepada rakyat dan juga keadaan ekonomi semasa.

- (c) Jumlah peruntukan bagi jalan raya Sarawak bagi tahun 1988 ialah \$140.8 juta, tahun 1989 ialah \$143.5 juta, untuk tahun 1990 ialah \$148.5 juta dan untuk tahun 1991 \$198.9 juta. Mengenai peruntukan projek-projek bekalan air pula, perlu dimaklumkan bahawa peruntukan sebanyak \$272 juta diberikan untuk pelaksanaan skim-skim bekalan air luar bandar sepanjang tempoh tersebut.

**DR SYED HUSSEIN
ALATAS—LAPORAN
TATATERTIB**

21. Tuan Kerk Kim Hock minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah pelanggaran prosedur pentadbiran yang telah dilakukan oleh bekas Naib Cancellor Universiti Malaya seperti tercatat di dalam laporan Badan Pencegah Rasuah bertajuk "Laporan Tata tertib Terhadap Dr Syed Hussein Alatas, Naib Cancellor Universiti Malaya".

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telahpun mengeluarkan kenyataan akhbar mengenai laporan BPR pada 28-10-90. Kementerian tidak bercadang untuk menjelaskan butir-butir laporan itu kerana ia hanya berhubung dengan tatacara biasa dalam pentadbiran.

KEDAI PELADANG

22. Tuan James Jimbun Anak Pungga minta Menteri Pertanian menyatakan mengenai cadangan Kementerian untuk menubuhkan "CREDIT STORES" bagi para petani di negara ini, adakah cadangan kemudahan ini merangkumi Negeri Sarawak dan kalau ada, apakah rancangan yang telah dibuat untuk cadangan tersebut.

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Sebenarnya cadangan Kementerian ini adalah untuk menubuhkan rangkaian Kedai Peladang yang dipunyai oleh Pertubuhan Peladang Kawasan/ Pertubuhan Peladang Negeri yang memberi khidmat jualan barang-barang pengguna kepada ahli-ahli Pertubuhan Peladang sama ada secara tunai atau kredit. Kedai-kedai peladang ini juga akan memasarkan hasil-hasil pertanian ahli-ahli yang terlibat untuk menjamin kutipan kembali kredit yang diberikan.

Sehingga kini terdapat 31 buah Kedai Peladang yang telah beroperasi di seluruh negara. Dari jumlah tersebut, 7 ialah pasar mini peladang.

Berhubung dengan perluasan cadangan ini merangkumi negeri Sarawak, sememangnya ia merangkumi negeri tersebut. Walau bagaimanapun, disebabkan perancangan program pembangunan Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri, maka perancangan penubuhan Kedai Peladang akan dibuat dengan kerjasama Kerajaan Negeri.

**GURU SEMENANJUNG
DITEMPATKAN KE SARAWAK**

23. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar minta Menteri Pendidikan menyatakan bagaimanakah jumlah guru-guru dari Semenanjung yang masih enggan bertugas ke Sarawak. Adakah jumlah/

peratusnya masih di tahap lama dan apakah tindakan susulan untuk mengatasi masalah ini.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari jumlah guru-guru Semenanjung Malaysia yang ditempatkan ke Sarawak, kira-kira 15% tidak melapor diri. Kebanyakan dari mereka yang tidak melapor diri itu mempunyai alasan-alasan tertentu dan telahpun membuat rayuan. Dari jumlah 15% ini pula, 5% adalah yang benar-benar enggan bertugas ke Sarawak tanpa alasan yang dapat diterima. Mereka yang tergolong dalam jumlah 5% ini kebanyakannya adalah dari kalangan siswazah bukan tajaan Kementerian Pendidikan.

Langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk mengatasi masalah ini adalah dengan menambah bilangan penempatan guru di Sarawak dengan mengambil kira 10% yang mungkin akan merayu atau menolak tawaran.

PERSATUAN NELAYAN SARAWAK—KEMAJUAN

24. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah kemajuan yang telah dicapai oleh Persatuan-persatuan Nelayan di Sarawak berbanding dengan pertubuhan-pertubuhan peladang di negeri itu dan dengan Persatuan Nelayan dari negeri-negeri lain di Malaysia; dan
- (b) apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh Persatuan-persatuan Nelayan di Negeri Sarawak dan apakah usaha-usaha yang telah, sedang dan akan dilakukan oleh pihak Kerajaan Persekutuan untuk mengatasinya.

Datuk Seri Sanusi bin Junid:

- (a) Secara umumnya, kemajuan yang dicapai oleh Persatuan Nelayan di Sarawak adalah seimbang dengan kemajuan yang dicapai oleh Persatuan Nelayan Kawasan di lain-lain negeri di Semenanjung Malaysia. Pada masa ini terdapat sebanyak 12 buah Persatuan Nelayan Kawasan dan sebuah Persatuan Nelayan Negeri di Sarawak. Terdapat seramai 12,277 orang nelayan di Sarawak, dari jumlah itu seramai 4,866 orang atau 38.2% telah menjadi ahli kepada Persatuan Nelayan Kawasan. 12 buah Persatuan Nelayan Kawasan ini adalah ahli kepada Persatuan Negeri. Setakat ini jumlah saham PNK yang terkumpul ialah sebanyak \$580,130.

Dari segi projek-projek ekonomi, didapati bahawa aktiviti-aktiviti yang ditumpukan oleh Persatuan-persatuan Nelayan di Sarawak ialah perniagaan minyak diesel dan pembekalan ikan ke sekolah. Prestasi projek yang dijalankan oleh Persatuan Nelayan ini menunjukkan arah pencapaian yang baik. Pada tahun 1990 jumlah urusniaga ialah sebanyak \$2,795,787 berbanding dengan tahun sebelumnya sebanyak \$2,418,720 iaitu peningkatan sebanyak 16%. Berikutan daripada peningkatan urusniaga, keuntungan juga telah meningkat dari \$100,089 dalam tahun 1989 kepada \$140,015 dalam tahun 1990.

Berbanding dengan Pertubuhan Peladang (PP), pada masa ini terdapat sebanyak 26 buah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan sebuah Pertubuhan Peladang Negeri (PPN). Bilangan Unit Peladang pula ialah sebanyak 962 buah.

Daripada seramai 126,877 keluarga tani, seramai 872,574 orang peladang atau 65.1% telah menjadi ahli PP. Purata keahlian setiap PPK ialah 3,176 orang. Jumlah modal saham PPK yang terkumpul ialah \$2,078,799 iaitu pada kadar purata \$72,435 setiap PPK.

Pada tahun 1990 nilai harta PP di Sarawak ialah \$17,564,811 manakala nilai bersih ialah \$13,152,017.

Jumlah urusanniaga PP pada tarikh yang sama ialah \$12,474 juta dan keuntungan yang dicatat sebanyak \$420,700.

(b) Di dalam usaha untuk membangunkan Persatuan Nelayan di Sarawak, beberapa masalah dihadapi, di antara lainnya:

- (i) Kawasan liputan oleh PNK yang luas.
- (ii) Kurang penyertaan ahli terhadap kegiatan yang dijalankan oleh PN.
- (iii) Kekurangan modal bagi menjalankan aktiviti ekonomi.
- (iv) Kurang pendedahan untuk ahli-ahli, Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan kakitangan pengurusan.
- (v) Pengurusan kewangan dan akaun yang lemah.
- (vi) Perhubungan yang jauh dan terhad.

Walau bagaimanapun, beberapa langkah telah diambil untuk mengatasi masalah tersebut seperti:

- (i) Memecahkan PNK yang luas kawasan operasinya seperti (i) PNK Pusa/Beladin kepada PNK Rimbas Pusa dan PNK

Beladin. (ii) PNK Buntal kepada PNK Satang Biru Telaga Air dan PNK Buntal.

- (ii) Menggalakkan ahli memberi sokongan sepenuhnya kepada Persatuan Nelayan.
- (iii) PN boleh membuat pinjaman melalui kemudahan yang disediakan oleh BPM.
- (iv) Mengadakan kemudahan infrastruktur seperti kompleks Pendaratan Ikan di kawasan PNK untuk memusatkan pendaratan ikan dan perniagaan oleh PNK.
- (v) Kursus kepada ahli, ahli Lembaga Pengarah dan Pengurus diadakan dari masa ke semasa.
- (vi) Mengemaskinikan akaun hingga boleh diaudit oleh Pendaftar melalui peralantikan syarikat perakaunan yang berpengalaman.

BALAI BOMBA DI BELANGA

25. Tuan Wahab bin Suhaili minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) mengapakah Kerajaan tidak bercadang membuat sebuah Balai Bomba di Belanga dalam Rancangan Malaysia Ke 6 tetapi sebaliknya sanggup memberi dan mengawas khidmat Pasukan Bomba Sukarela di tempat tersebut; dan
- (b) adakah cadangan Kerajaan membina sebuah Balai Bomba di Daerah Simunjan memandangkan kepada pertumbuhan penduduk dan pembangunan kian bertambah.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:

- (a) Di negara ini, khususnya di Sarawak terdapat beratus-ratus pekan kecil berselerak di merata tempat dan Pekan Belanga adalah salah satu darinya. Pada masa ini balai bomba tidak dapat diadakan di Belanga kerana keutamaan harus diberi kepada pekan-pekan atau bandar-bandar lain yang lebih mendesak keperluannya. Bagi pekan seperti Belanga ini adalah sangat baik sekiranya Pasukan Bomba Sukarela digerakkan dengan aktif kerana konsep Pasukan Bomba Sukarela ialah untuk melibatkan penduduk setempat mengambil bahagian dalam usaha-usaha menjaga keselamatan harta benda dan nyawa di kawasan mereka sendiri dari bencana kebakaran.
- (b) Pada masa ini Simunjan telahpun mempunyai sebuah Balai Bomba. Kerajaan tidak bercadang untuk membina sebuah lagi balai bomba pada masa ini.

**TAHUN MELAWAT MALAYSIA—
JUMLAH PELANCONG**

26. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pelancong luar negeri yang datang melawat dalam Tahun Melawat Malaysia; dan
- (b) apakah program yang diatur bagi memastikan pelancong terus datang selepas tamatnya kempen tersebut.

Dato' Abdul Raman bin Suliman:

- (a) Sepanjang Tahun Melawat Malaysia 1990 jumlah pelancong asing yang melawat

Semenanjung Malaysia adalah seramai 7.48 juta orang. Dari-pada jumlah tersebut seramai 7.08 juta orang adalah ke Semenanjung Malaysia, 68,671 orang ke Sabah dan 328,994 orang ke Sarawak.

- (b) Bagi memastikan pelancong akan terus datang selepas tamatnya Tahun Melawat Malaysia 1990, berbagai langkah telah diusahakan, antaranya:
- (i) Meneruskan usaha mempromosi dan memasarkan Malaysia di luar negeri dengan tema-tema yang berlainan bagi setiap tahun. Misalnya bagi tahun 1991, penekanan promosi pelancongan adalah disegi alam semulajadi yang terdapat di Malaysia.
- (ii) Meneruskan penganjuran beberapa acara di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi menarik pelancong ke negara ini. Antaranya ialah kegiatan kebudayaan, sukan dan acara-acara untuk menghayati keindahan alam semulajadi.
- (iii) Memperbaiki dan meningkatkan kawasan-kawasan pelancongan yang sedia ada dan membangunkan projek-projek pelancongan yang baru.
- (iv) Memperbaiki dan meningkatkan kemudahan-kemudahan asas seperti kemudahan pengangkutan, kemudahan membeli-belah, kemudahan penginapan dan sebagainya.

- (v) Meningkatkan kesedaran umum terutamanya terhadap 'frontliners' melalui ceramah dan kursus-kursus kesopanan.

KENDERAAN MALAYSIA PERGI KE INDONESIA

27. Tuan Richard Riot Anak Jaem minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) bilangan kenderaan dari Malaysia yang pergi ke Indonesia melalui Kompleks Tebedu semenjak ianya dibuka dengan rasmi pada 25 Februari 1991; dan
- (b) bilangan kenderaan dari Indonesia yang masuk ke Malaysia melalui Kompleks Imigresen Tebedu semenjak ianya dibuka dengan rasmi pada 25 Februari 1991.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:

- (a) Bilangan kenderaan dari Malaysia yang pergi ke Indonesia melalui Kompleks Imigresen Tebedu semenjak ianya dibuka pada 25 Februari 1991 sehingga 31 Mei 1991 adalah 483 buah.
- (b) Manakala bilangan kenderaan dari Indonesia yang masuk ke Malaysia melalui Kompleks Imigresen Tebedu untuk tempoh yang sama adalah 366 buah.

BILIK PEMBEDAHAN KLINIK DI BELAGA

28. Tuan Billy Abit Joo minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan ingin membina bilik pembedahan di klinik-klinik seperti Klinik Belaga dan Long Lama kerana ini akan membantu doktor-doktor tertentu menjalankan tugas dengan lebih berkesan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran): Kementerian Kesihatan tidak ada cadangan untuk membina bilik pembedahan di Klinik di Belaga ataupun di Long Lama.

Untuk makluman Yang Berhormat, klinik yang terdapat di Belaga ialah sebuah bangunan Pusat Kesihatan yang standard dan mengandungi antara kemudahan lain, sebuah bilik rawatan, sebuah bilik prosedur, di mana Pegawai Perubatan boleh menjalankan pembedahan kecil seperti insisi dan penyaliran abses (Incision and 'drainage of abscesses'), Penutupan sugikal bagi luka-luka (surgical closure of wounds), Pembedahan bagi membuang tumbuhan-tumbuhan di bahagian permukaan kulit (removal of superficial growths on skin) dan lain-lain. Klinik ini dikendalikan oleh seorang Pegawai Perubatan, 2 orang Pembantu Perubatan dan 2 orang Jururawat Desa.

Kes-kes yang memerlukan pembedahan besar terpaksa dirujuk ke Hospital Kapit yang telah dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan bagi mengendalikan kes-kes ini.

Klinik di Long Lama ialah Pusat Kesihatan Fasa 1 dan mempunyai kemudahan-kemudahan asas termasuk juga sebuah bilik pemeriksaan umum merangkumi bilik rawatan, di mana Pembantu Perubatan boleh mengendalikan prosedur pembedahan kecil seperti Insisi dan Penyaliran Abses Kecil (Incision and Drainage of Simple Abscesses) dan Jahitan bagi luka di bahagian permukaan kulit (Suturing of superficial wounds). Kes-kes lain yang memerlukan pembedahan akan dirujuk oleh Pembantu Hospital ke Hospital Daerah Marudi atau Hospital Miri. Sebulan sekali seorang Pegawai Perubatan dari Hospital Daerah Marudi mengadakan klinik selama 2 hari di Long Lama.

Bukanlah menjadi polisi Kementerian Kesihatan untuk mempunyai kemudahan bilik pembedahan di Pusat-pusat Kesihatan untuk menjalankan pembedahan major kerana ia memerlukan perkhidmatan bantuan lain seperti kemudahan X-ray, Tabung Darah dan Perkhidmatan anestetik yang boleh menjadikan ia sebagai sebuah Hospital Daerah.

PROJEK BEKALAN AIR KUDAT DAN KOTA MARUDU

29. Tuan George Sangkin minta Menteri Kerja Raya menyatakan mengenai kedudukan pelaksanaan Projek Bekalan Air Kudat dan Kota Marudu yang sedang dilaksanakan oleh Antah Biwater. Kemungkinan projek ini akan menghadapi masalah kekurangan air pada puncanya di masa-masa akan datang. Apakah kepastian Kementerian berkenaan dapat berikan bahawa punca bekalan air ini tidak akan menghadapi masalah kekurangan air kelak.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Projek Bekalan Air Luar Bandar yang dilaksanakan di kawasan Kudat oleh Syarikat Antah Biwater adalah satu skim yang meliputi pembinaan 18 tangki air, pemasangan 160 km saluran paip dan pembinaan satu loji rawatan air dan muka sauk di Kota Marudu. Pada masa ini, peratus kemajuan pembinaan skim ini ialah 67% dan ianya dijangka siap pada Ogos 1992. Untuk mengelakkan masalah kekurangan air di punca skim ini di masa-masa akan datang, Kementerian ini telahpun memilih Sg. Bandau sebagai punca bekalan air bagi loji rawatan air di Kota Marudu. Sg. Bandau berpunca daripada pertemuan dua sungai iaitu Sg. Marudi dan Sg. Tuaran. Kawasan tadahan air bagi kedua-dua sungai tersebut adalah luas dan terjamin selagi Kerajaan Negeri memastikan kawasan

tadahan air ini tidak terancam. Dengan itu, maka adalah dijangka bahawa dalam keadaan kemarau, pengeluaran air Sg. Bandau akan mencukupi untuk menampung keperluan bekalan air minuman untuk kawasan Kudat.

SIN YUEN RUBBER MANUFACTURING CO.— PENGADUAN

30. Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sejauh manakah tindakan yang diambil ke atas pengaduan terhadap Sin Yuen Rubber Manufacturing Co. yang beralamat di Lot 501 & 502, Regrouping Area, Menglembu, Perak. Kenapakah pengaduan itu dibuat setiap tahun sejak tahun 1976 sehingga sekarang tidak dibereskan. Tragedi Bright Sparklers Sdn. Bhd. yang berlaku tidak lama lalu itu telah memberikan satu amaran kepada kita. Sama ada Kerajaan akan menghentikan pengusahaan kilang tersebut oleh kerana kilang itu menyimpan beratus-ratus gelen diesel di bawah tanah di kawasan kilang tersebut, bahan-bahan kimia dan pengeluaran getah yang mudah terbakar itu. Siapakah akan bertanggungjawab jika kebakaran dan letupan berlaku di kilang tersebut.

Tuan Chua Jui Meng: Dari rekod yang ada di Kementerian saya, tidak ada syarikat yang telah didaftarkan, sama ada oleh Pendaftar Perniagaan mahupun oleh Pendaftar Syarikat atas nama Sin Yuen Rubber Manufacturing Co. Walau bagaimanapun, ada sebuah syarikat yang telah didaftarkan atas nama Sun Yuen Rubber Manufacturing Co. yang beralamat di tempat yang sama.

Jika syarikat Sun Yuen Rubber Manufacturing Co. yang dimaksudkan, Kementerian saya tidak menyedari bahawa aduan telah dibuat tiap-tiap tahun sejak tahun 1976 ke atas kilang kepunyaan Sun Yuen Rubber

Manufaring Co. tersebut. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, dari rekod yang ada di Kementerian saya, kilang ini hanya dilesenkan pada 8-7-1980 untuk membuat tiub kenderaan dan juga "tyres curing tubes" tanpa galakan cukai.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan mengambil langkah-langkah tertentu bersama-sama dengan Pihak-pihak Berkuasa yang berkenaan untuk menyiasat perkara ini.

Kiranya didapati bahawa kilang tersebut telah melanggar syarat-syarat lesen, tindakan yang setimpal akan diambil oleh Kementerian saya. Kiranya kilang ini telah melakukan sebarang kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang sedang berkuatkuasa, Kementerian akan mengkoodinasikan tindakan yang harus diambil.

JALAN LUBOK ANTU KE SIMPANG JALAN HIDRO BATANG AI DITURAP

31. Tuan Jawah Anak Gerang minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) bilakah Kerajaan akan menurapkan jalan daripada Pekan Lubok Antu ke Simpang Lubok Antu; dan
- (b) sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk membina jalan raya daripada Pekan Engkilili Kanan ke Pekan Lubok Antu.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:

- (a) Saya andaikan soalan Yang Berhormat bermaksud jalan dari Pekan Lubok Antu ke Simpang Jalan Hidro Batang Ai. Jika itulah maksudnya, untuk makluman Yang Berhormat, jalan dari Pekan Lubok Antu ke Simpang Jalan Hidro Batang Ai adalah projek di bawah Kerajaan Negeri dan dibiayai oleh

Kerajaan Negeri Sarawak. Saya adalah difahamkan bahawa cadangan untuk menurap jalan tersebut seperti dimaksudkan oleh Yang Berhormat tiada dalam rancangan buat masa ini.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan raya daripada Pekan Engkilili Kanan ke Pekan Lubok Antu adalah projek di bawah jagaan Kerajaan Negeri dan dibiayai oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Pada masa ini, projek jalan raya Lubok Antu ke Nanga Bulu sedang dibina dan projek tersebut dibiayai oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Panjang jalannya ialah 10 km dan projek ini akan menghubungkan Pekan Lubok Antu dan Nanga Bulu. Saya juga difahamkan tiada rancangan untuk melanjutkan jalan ini ke Pekan Engkilili Kanan pada masa sekarang.

SEKOLAH AGAMA KERAJAAN— AMBILALIH

32. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) benarkah Kementerian Pendidikan bercadang untuk mengambilalih pentadbiran sekolah-sekolah agama yang selama ini ditadbirkan dan ditaja oleh Kerajaan Negeri, jika diminta untuk berbuat demikian. Jika benar, adakah Kementerian telah bersedia untuk melaksanakannya; dan
- (b) berapa buah negeri yang telah membuat tawaran.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk mengambilalih Sekolah-sekolah Agama

Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, sekiranya Kerajaan-kerajaan Negeri membuat keputusan untuk menyerahkan Sekolah-sekolah Agama berkenaan kepada Kerajaan Pusat, Kementerian Pendidikan Malaysia bersedia untuk mempertimbangkannya.

- (b) Pada masa ini tidak ada sebuah negeri pun yang telah membuat tawaran untuk menyerahkan Sekolah-sekolah Agama Kerajaan Negeri kepada Kementerian Pendidikan.

CHINESE CULTURE CITY

33. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan pendirian Kerajaan Pusat atas rancangan MCA untuk membina sebuah "Chinese Culture City".

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoo Seng): Kerajaan belum lagi membuat apa-apa keputusan terhadap rancangan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat. Rancangan tersebut masih di dalam kajian dan pertimbangan Kerajaan.

BALAI BOMBA DI LAWAS

34. Tuan Michael Lisa Kaya minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilakah Balai Bomba di Lawas, yang sudah diluluskan oleh Kementerian Persekutuan dapat dibina dan berapakah peruntukan yang dikhaskan untuk balai bomba di bandar Lawas ini.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan ada dikemukakan

di bawah Rancangan Malaysia Keenam untuk membina sebuah Balai Bomba di Lawas, Sarawak.

Sebagaimana kita ketahui, peruntukan bagi Rancangan Malaysia Keenam akan dibahaskan dalam sesi Parlimen kali ini.

MAKTAB PERGURUAN— SYARAT KEMASUKAN

35. Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kementerianya ada cadangan untuk melonggarkan syarat kemasukan ke Maktab Perguruan bagi calon dari Sarawak dan Sabah.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelonggaran syarat kemasukan ke maktab perguruan bagi calon-calon dari Sabah dan Sarawak telahpun diwujudkan.

PENDAPATAN PER KAPITA PENDUDUK MALAYSIA (GNP)

36. Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan minta Menteri Kewangan menyatakan tentang:

- (a) berapakah pendapatan per kapita (GNP) penduduk Malaysia sekarang;
- (b) berapakah jumlah penduduk yang mempunyai pendapatan di bawah garis kemiskinan, dan sila beri mengikut pecahan kaum. Bilakah Kerajaan menjangkakan golongan ini dapat dihapuskan; dan
- (c) apakah tindakan Kerajaan untuk membantu golongan ini secara jangka panjang.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendapatan per kapita penduduk Malaysia bagi

tahun 1990 adalah sebanyak \$6,202. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 11.6% berbanding dengan tahun 1989.

- (b) Mengikut anggaran terakhir, jumlah isirumah yang berada di bawah garis kemiskinan adalah sebanyak 17.1% dalam tahun 1990. Kedudukan ini adalah jauh lebih memuaskan berbanding dengan 42.4% pada tahun 1976. Dari segi kaum pula, pada tahun 1990 bilangan isirumah kaum bumiputera yang di bawah garis kemiskinan ialah sebanyak 536,800 (86.7% daripada jumlah isirumah di bawah garis kemiskinan), Cina 57,800 (9.3%), India 22,300 (3.6%) dan bagi kaum-kaum lain adalah sebanyak 2,500 (0.4%). Perkara ini sedang dibincang dengan terperinci dalam Dewan yang mulia ini semasa sesi Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP). Kerajaan sedang dan akan meneruskan pelaksanaan dasar-dasar, strategi-strategi dan program-program untuk mengurangkan kadar kemiskinan negara ini seperti yang tercatat dalam dokumen RRJP dan Rancangan Malaysia Keenam kelak.
- (c) Usaha-usaha ini meliputi langkah-langkah menambahkan peluang-peluang pekerjaan dalam sektor perkilangan dan juga melalui usaha-usaha meningkatkan produktiviti di sektor-sektor tradisional seperti pertanian. Dalam jangka panjang usaha-usaha lain seperti pendidikan, latihan kemahiran dan perkhidmatan kesihatan akan dapat memperbaiki mutu hidup dan keupayaan keluarga miskin mengatasi masalah kemiskinan.

SKANDAL MARY ANNE ARIOKADASS—SIASATAN POLIS

37. Dr Kua Kia Soong minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah hasil penyiasatan yang dijalankan ke dalam dakwaan Mary Anne Ariokadass bahawa beliau telah dirogol dan diperas ugut melakukan pelacuran oleh sekumpulan anggota Polis termasuklah pegawai-pegawai kanan di Selama, Perak.
- (b) adakah satu Suruhanjaya Penyiasatan bebas akan ditubuhkan untuk penyiasatan ke dalam perkara ini memandangkan ia melibatkan kakitangan polis yang berpangkat tinggi; dan
- (c) mengapakah beliau disuruh melakonkan semula perbuatan jenayah itu dan mengapakah beliau dipaksa mengalami sesi soal-selidik yang panjang oleh pegawai polis yang sepatutnya menyiasat tentang dakwaan beliau itu.

10-7-91

36. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tentang laporan polis oleh Puan Anne Ariokadass bahawa beliau telah mengalami sesuatu pengalaman buruk yang melibatkan beliau dirogol, diugut dan dipaksa berlakun dalam filem-filem lucu dan melakukan pelacuran selama lebih dari enam tahun di tangan sesuatu kumpulan pegawai polis, termasuk pegawai-pegawai kanan di Selama, Perak.

16-7-91

43. Dr V. David minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bahawa seorang suri rumah telah dianiayai secara seks oleh beberapa orang kakitangan Polis

baru-baru ini, termasuk pegawai-pegawai berpangkat tinggi. Apakah tindakan Kementerian ingin mengambil bagi membawa pesalah-pesalah ke pentas keadilan;

- (b) adakah benar bahawa suri rumah ini telah dipaksa mengadakan perhubungan jenis dengan beberapa orang kakitangan Polis semenjak 1984; jika ianya benar, mengapa Ketua Polis Negara, melalui perkhidmatan Cawangan Khas Jabatan Polis, tidak diberitahu hingga isu ini diterbitkan dalam akhbar tempatan baru-baru ini;
- (c) adakah benar bahawa mangsa tersebut dipaksa melakun di video lucah oleh kakitangan Polis ini;
- (d) adakah penyiasatan mendalam dijalankan tentang perkara ini dan laporan jawatankuasa penyiasat akan dikeluarkan kepada rakyat atau tidak;
- (e) bolehkah Y.A.B. Menteri Dalam Negeri memberitahu Dewan ini bagaimana beliau ingin mengawal keselamatan peribadi orang-orang tahanan wanita di lokap-lokap polis, terutamanya yang menunggu perbicaraan di mahkamah; dan
- (f) bolehkah Y.A.B. Menteri Dalam Negeri memberitahu Dewan ini tentang cara beliau akan mengikut bagi memperlindungi imej pasukan Polis, memandangkan peristiwa-peristiwa seperti ini tidak mendapat sambutan positif dari kalangan rakyat.

Tuan Ong Ka Ting: Saya mohon menjawab soalan ini bersama-sama dengan dua soalan lain dari Ahli-ahli

Yang Berhormat mengenai perkara yang sama. Soalan-soalan itu ialah daripada:

- (a) Yang Berhormat dari Jelutong yang dijadualkan pada 10-7-1991; dan
- (b) Yang Berhormat dari Puchong pada 16-7-1991.

Siasatan ke atas kes ini adalah di peringkat akhir dan akan dirujuk ke Jabatan Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya. Selain dari itu, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan satu Suruhanjaya bebas untuk menyiasat kes ini.

DATUK MOKHTAR HASHIM DIBEBASKAN

38. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa bekas Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Mokhtar Hashim diampunkan atau dibebaskan tanpa syarat sedangkan beliau telah disahkan jenayah oleh Mahkamah tetapi empat orang tahanan ISA dari PAS yang dibebaskan menjelang Aidil Fitri lalu dikenakan syarat sedang Mahkamah tidak pernah mengadili mereka.

Tuan Ong Ka Ting: Kes bekas Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Mokhtar Hashim telah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah di bawah undang-undang jenayah. Pengampunan terhadap beliau adalah di bawah bidangkuasa Lembaga Pengampun yang dipengerusikan oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong. Ini berbeza dengan kes-kes tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang mana mengikut peruntukan tahanan pencegahan undang-undang berkenaan tidak timbul soal perbicaraan di Mahkamah biasa. Syarat-syarat yang dikenakan adalah atas sebab-sebab keselamatan.

DAFTAR PEMILIH DI SABAH—KAJIAN

39. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan menerusi Suruhanjaya Pilihanraya bercadang untuk mengkaji semula daftar-daftar pengundi di Sabah dan mengadakan pendaftaran semula semua rakyat yang layak mengundi di Sabah berikutan cadangan untuk mengkaji semula semua kawasan pilihanraya di negara ini.

Tuan Douglas Uggah Embas: Secara khusus Suruhanjaya Pilihanraya tidak bercadang untuk mengadakan kajian daftar pemilih bagi Negeri Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat, urusan pendaftaran pemilih dan urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya adalah dua urusan yang berasingan.

BALAI POLIS BARU BANDAR SG. PETANI

40. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilakah Kerajaan akan membina sebuah Balai Polis baru untuk bandar Sg. Petani bagi menggantikan balai polis lama yang sudah tidak sesuai; dan
- (b) apakah Kementerian menyedari hakikat bahawa bukan sahaja balai polis baru perlu didirikan tetapi pondok-pondok polis juga wajar lebih banyak didirikan di kawasan-kawasan pinggir bandar taman-taman perumahan yang pertumbuhannya sangat pesat bagi membendung kegiatan-kegiatan jenayah yang kian berluasa.

Tuan Ong Ka Ting:

- (a) Projek-projek Ibu Pejabat Polis Daerah Sungai Petani dan rumah polis telah diluluskan di dalam

RM 6 dengan anggaran kos projek \$3 juta. Projek ini akan dilaksanakan di kawasan tanah polis yang sedia ada bersebelahan dengan Kem PPH Bn. 4 Sungai Petani

- (b) Pembinaan pondok-pondok polis juga telah dirancang di bawah RM 6 termasuk pondok-pondok polis di kawasan perumahan baru dan juga pusat-pusat pembangunan di kawasan luar bandar. PDRM juga sedang mempertingkatkan program kesedaran perhubungan dan kawalan bagi memberi perkhidmatan yang lebih sempurna dan berkesan.

UNIFORM ANGGOTA POLIS

41. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar atau tidak dan jika sedar apakah tindakan yang diambil supaya anggota-anggota Polis terutama di peringkat bawahan merasa bangga memakai 'uniform' mereka seperti di negara-negara jiran kita sebab dengan pakaian 'uniform' mereka, mereka mendapat kemudahan-kemudahan istimewa seperti tambang kenderaan awam percuma atau separuh harga atau kemudahan-kemudahan yang lain yang patut diberi kepada mereka yang bertugas dan menggadaikan nyawa mereka untuk kepentingan dan keamanan negara.

Tuan Ong Ka Ting: Setiap anggota Polis yang berkhidmat di dalam Pasukan Polis Di Raja Malaysia seharusnya berbangga dengan 'uniform' yang mereka pakai ketika mereka menjalankan tugas. Perkhidmatan kepolisan adalah satu perkhidmatan yang murni kerana memberikan khidmat serta perlindungan kepada keselamatan rakyat, mengekalkan kedaulatan

undang-undang dan keamanan negara. Memakai 'uniform' bukanlah merupakan satu keistimewaan atau untuk mengharapkan kemudahan daripada pihak-pihak yang tertentu seperti mendapatkan tambang kenderaan awam percuma atau separuh harga. Dengan sebab itulah, anggota-anggota Polis Di Raja Malaysia adalah ditegah daripada memakai 'uniform' semasa menjalankan urusan persendirian.

PENGANGKUTAN PEKERJA-PEKERJA KILANG

42. Tuan S.S. Subramaniam minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan, disebabkan kesukaran untuk mendapat pekerja-pekerja untuk kilang-kilang, beberapa pihak majikan terpaksa menggunakan van-van komersial dengan harga yang murah dan ekonomik untuk mengangkut pekerja-pekerja dari kilang ke rumah. Tetapi pihak JPJ merupakan halangan yang besar kepada operasi pengangkutan pekerja-pekerja ini, dengan mengenakan syarat-syarat dan pemeriksaan-pemeriksaan yang tidak perlu dan penting. Apakah pihak Kementerian tidak membenarkan pengwujudan satu sistem baru untuk pengangkutan orang-orang miskin dari rumah ke kilang seperti yang berlaku di Negeri Thailand, Indonesia dan lain-lain.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Pihak LPKP sememangnya memberi perhatian yang berat terhadap masalah pengangkutan pekerja-pekerja kilang. Justeru itu, LPKP mulai penghujung tahun 1988 telah membenarkan van-van yang mempunyai tempat duduk seramai 12 orang dijadikan kenderaan untuk mengangkut pekerja-pekerja kilang. Selain daripada itu, LPKP juga telah meningkatkan kelulusan bilangan lesen bas-bas kilang.

Masalah yang sebenarnya ialah keengganan pihak pemilik van untuk memohon lesen bas kilang kerana mereka mahu mendapat dua faedah dari penggunaan van tersebut sebagai kegunaan persendirian dan juga pengangkutan pekerja kilang. Penguatkuasaan yang dijalankan adalah berdasarkan kepada lunas-lunas perundangan yang telah ditentukan bagi memastikan hanya operator-operator yang sah sahaja dibenarkan mengangkut pekerja-pekerja kilang demi perkhidmatan yang berkesan dan selamat.

PUSAT VIDEO—MENGELEDAH

43. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah laporan Polis telah dibuat oleh orang awam atau orang yang mengendali perniagaan Pusat Video mengenai personel dari Golden Star Sdn. Bhd. kerana mengguna senjatapi dan menembak apabila menggeledah Pusat Video dalam negara ini dan apakah tindakan Polis yang telah diambil tentang laporan ini.

Tuan Ong Ka Ting: Sehingga ini, terdapat 3 laporan Polis yang telah dibuat ke atas personel dari Golden Star Sdn. Bhd. kerana menggunakan senjatapi dan menembak apabila menggeledah Pusat Video dalam negara ini, iaitu:

- (i) Sg. Petani Rpt. No. 2365/91-Sek. 506 KK bertarikh 20-5-1991;
- (ii) Bkt. Mertajam Rpt. No. 4096/91-Sek. 304 KK bertarikh 22-5-1991; dan
- (iii) Jinjang Rpt. No.4151/90-Sek. 506 KK bertarikh 18-12-1990.

Ketiga-tiga kes tersebut masih di dalam siasatan Polis.

**PENSYARAH UNIVERSITI
LETAK JAWATAN**

44. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kejadian perletakan jawatan di kalangan tenaga akademik di universiti tempatan;
- (b) tindakan yang diambil untuk memastikan tenaga akademik di universiti meluaskan kegiatan penyelidikan dan penerbitan "scholarly literature"; dan
- (c) langkah yang diambil dan insentif yang diberikan dalam usaha meningkatkan penglibatan para akademik di universiti untuk menjalankan kerja penyelidikan yang boleh digunakan dalam sektor industri dan pembuatan.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Masalah perletakan jawatan pensyarah-pensyarah universiti bukanlah merupakan satu fenomena yang baru. Pensyarah-pensyarah universiti adalah merupakan golongan yang mempunyai taraf pendidikan yang tinggi. Oleh sebab itu, banyak terdapat peluang-peluang pekerjaan yang lebih lumayan ganjaran di sektor luar universiti sama ada di dalam atau di luar negeri. Pensyarah-pensyarah yang mempunyai ikatan perjanjian dengan pihak Kerajaan atau pihak universiti tidak boleh meletakkan jawatan melainkan mereka membayar pampasan seperti yang terdapat di dalam surat perjanjian semasa pemberian biasiswa. Bagi pensyarah yang tidak mempunyai apa-apa ikatan, mereka boleh meletakkan jawatan setelah semua keperluan pentadbiran

telah dipenuhi. Kekosongan jawatan akibat perletakan jawatan ini akan diisi melalui proses biasa.

- (b) Kegiatan penyelidikan dan penerbitan adalah merupakan dua fungsi utama seseorang pensyarah selain dari mengajar. Ukuran kecemerlangan seseorang pensyarah adalah berasaskan kepada bidang penyelidikan dan penerbitan yang dijalankan olehnya. Seseorang yang berjaya di dalam kedua-dua bidang ini akan dinaikkan pangkat yang lebih tinggi seperti ke jawatan Profesor Madya dan Profesor.
- (c) Penyelidikan yang dijalankan oleh pensyarah-pensyarah universiti terbahagi kepada dua kategori iaitu penyelidikan asas (basis research) dan penyelidikan gunaan (applied research). Kerajaan memberi tumpuan kepada kedua-dua kategori penyelidikan ini di mana ianya mempunyai fungsi dan faedah-faedah yang tertentu kepada perkembangan sains dan teknologi negara. Penyelidikan gunaan diberikan galakan kerana hasil dari penyelidikan tersebut boleh membantu bidang-bidang perindustrian dan pertanian negara.

**INDUSTRI PERTAHANAN
TEMPATAN**

45. Lt Kol (B) Ibrahim bin Sareh minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) apakah tahap pencapaian pembangunan industri pertahanan sekarang; dan
- (b) apakah rancangan Kementerian untuk membangunkan industri pertahanan supaya sekurang-kurangnya dapat memenuhi keperluan barisan hadapan

Angkatan Tentera seperti pembuatan senjata kecil; pembuatan peluru 5.56 mm, 81 mm, 90 mm dan 105 mm; depoh baikpulih bagi kenderaan termasuk kereta perisai/kebal pembuatan alat radio; pembinaan kapal perang dan lain-lain.

Menteri Pertahanan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):

- (a) Industri pertahanan tempatan masih belum berkembang maju seperti di setengah-setengah negara lain. Namun begitu, langkah-langkah sedang diambil untuk memesatkan kemajuan serta pembangunan industri pertahanan negara. Di antara langkah berkenaan ialah penggubalan beberapa strategi baru yang dapat mendorong sektor swasta menceburi bidang ini.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, industri pertahanan tempatan kini mempunyai keupayaan mengeluarkan peralatan yang dianggap strategik seperti senjata kecil dan juga peluru kaliber kecil seperti 5.56 mm. Syarikat Malaysia Explosives Sdn. Bhd. (SME) sedang mengusahakan pengeluaran senjata kecil, iaitu senjata tempur jenis Steyr AUG. Syarikat ini juga berkeupayaan mengeluarkan beberapa jenis 'pyrotechnics' dan tidak lama lagi akan dapat mengisi peluru-peluru kaliber besar seperti 81 mm, 90 mm, 105 mm dan 155 mm sebaik sahaja kemudahan untuk berbuat demikian disediakan. Di samping itu, kajian mengenai penswastan Woksyop Pusat Kereta Perisai dijangka siap sebelum akhir tahun ini. Kemudahan menyenggara dan membaikpulih kereta-kereta perisai yang digunakan oleh

Pasukan Keselamatan kita akan diswastakan bergantung kepada hasil kajian itu. Berhubung dengan peralatan lain seperti alat radio dan keupayaan pembinaan kapal-kapal perang, sukacitalah saya memaklumkan kepada Yang Berhormat iaitu beberapa buah syarikat tempatan sudah mempunyai kemampuan untuk mengeluarkan peralatan radio dan komunikasi. Limbungan TLDM di Lumut yang akan dijadikan sebagai sebuah syarikat tidak lama lagi. Syarikat Malaysia Shipyard Engineering (MSE) dan beberapa buah limbungan lagi sudah mempunyai keupayaan membina kapal-kapal jenis Offshore Patrol Vessels (OPV), Patrol Craft (PC) dan lain-lain.

Sungguhpun industri pertahanan kita masih belum berkembang maju seperti yang disebutkan tadi, beberapa kemudahan dan keupayaan yang sedia ada di dalam negeri sekarang boleh menampung sebahagian daripada keperluan strategik atau barisan hadapan untuk Angkatan Tentera Malaysia.

SKIM AMANAH SIMPANAN

46. Tuan G. Palanivel minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah pihak Kementerian bercadang untuk memulakan Skim Amanah Simpanan sama seperti Amanah Saham Nasional, yang juga melibatkan kaum bukan bumiputera; dan
- (b) adakah pihak Kementerian bercadang mempertimbangkan skim seumpama itu bagi mengelakkan orang ramai menjadi mangsa kepada Skim Cepat Kaya yang dijalankan oleh sindiket-sindiket haram.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:

- (a) Setakat ini Kementerian Kewangan tidak mempunyai cadangan untuk memulakan Skim khas yang sama seperti Skim Amanah Saham Nasional yang juga terbuka kepada penyertaan kaum bukan bumiputera.
- (b) Kementerian juga tidak mempunyai apa-apa perancangan untuk mewujudkan Skim bagi mengelakkan orang ramai daripada menjadi mangsa kepada Skim Cepat Kaya. Namun begitu, ingin dijelaskan bahawa Skim Cepat Kaya yang dijalankan oleh sindiket-sindiket haram adalah berdasarkan kepada unsur-unsur penipuan yang menjanjikan kadar pulangan tinggi (yang tidak munasabah) kepada pelabur-pelabur di mana pada akhirnya tidak dapat menepati janji-janjinya kepada pelabur-pelabur seperti yang dapat diperhatikan daripada kes-kes yang telah berlaku sehingga ke hari ini. Oleh yang demikian, usaha untuk mengelakkan orang ramai daripada menjadi mangsa Skim Cepat Kaya yang dijalankan oleh sindiket-sindiket haram ini bukanlah dengan cara Kerajaan mewujudkan skim ala cepat kaya yang mana pada pendapat Kementerian ini, Kerajaan tidak dapat menjanjikan pulangan yang tinggi sama seperti Skim Cepat Kaya sindiket-sindiket haram kerana sindiket-sindiket berkenaan menjalankan kegiatan Skim Cepat Kaya berunsurkan dasar penipuan.

Cara yang paling berkesan bagi mengelakkan orang ramai dari menjadi mangsa kepada Skim Cepat Kaya yang dijalankan oleh sindiket-sindiket haram ini ialah bagi orang ramai sendiri

mengelakkan diri mereka daripada melabur wang mereka dalam skim-skim haram berkenaan yang berisiko tinggi. Malah pelbagai bentuk kemudahan sedia ada bagi pelaburan dalam negara kita sekarang adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan pelaburan orang ramai yang memberi pulangan yang berpatutan dan dengan demikian tidak perlu diwujudkan Skim Khas bagi mengatasi masalah Skim Cepat Kaya haram seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Hulu Selangor ini.

Di samping itu, Kerajaan akan terus mempertingkatkan usaha bagi membanteras kegiatan-kegiatan sindiket-sindiket haram Skim Cepat Kaya serta menyebarkan maklumat dan nasihat-nasihat dari masa ke semasa kepada orang ramai melalui akhbar-akhbar dan media masa untuk pengetahuan dan menyedarkan mereka mengenai kes-kes penipuan yang berlaku agar menjauhkan diri daripada melabur dalam Skim Cepat Kaya yang dianjurkan oleh sindiket-sindiket haram ini. Sekiranya orang ramai tidak melibatkan diri mereka dalam pelaburan Skim Cepat Kaya haram ini, dengan sendirinya skim-skim ini akan lopus.

Kerjasama orang ramai bagi mengelakkan diri mereka dari melabur dalam Skim-skim Cepat Kaya ini bukan sahaja lebih berkesan dari segi menghapuskan kegiatan sindiket haram ini, tetapi juga akan mengurangkan keperluan kerja-kerja penguatkuasaan yang terpaksa dijalankan oleh Kerajaan yang mana seterusnya akan memberi implikasi positif dari segi penjimatan masa dan kos.

PELANGI AIR KE SITIAWAN

47. Datin Ling Chooi Sieng minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapa syarikat "Pelangi Air" membatalkan semua penerbangan ke Sitiawan.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Pelangi Air telah membatalkan semua penerbangan ke Sitiawan oleh sebab keadaan Padang Terbang Sitiawan tidak menjamin keselamatan operasi penerbangan. Untuk makluman Yang Berhormat, Pelangi Air terpaksa berbuat demikian oleh sebab pada musim hujan, landasan Padang Terbang Sitiawan yang merupakan padang terbang berumput menjadi berair dan lembut.

PENYAKIT BUAH PINGGANG

48. Dato' Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Kesihatan sama ada beliau sedar bahawa penyakit buah pinggang merupakan satu penyakit yang bilangannya kian bertambah dan merupakan sesuatu yang serius. Jika ya:

- (a) sejauh manakah kempen kesedaran ke atas bahaya penyakit tersebut telah dijalankan;
- (b) apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan; dan
- (c) sejauh manakah kemudahan-kemudahan perkhidmatan perubatan berkaitan telah disediakan di semua hospital Kerajaan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):

- (a) Maklumat tentang penyakit buah pinggang disebar kepada orang ramai melalui media masa seperti radio, TV dan juga akhbar dan juga melalui kakitangan-kakitangan kesihatan secara

individu dan secara berkumpulan. Maklumat berkaitan juga disebar melalui pendidikan kesihatan di sekolah-sekolah.

Maklumat-maklumat tersebut diberikan secara berterusan dari masa ke semasa. Ianya bukan sahaja meliputi penyakit buah pinggang, malahan juga meliputi keadaan-keadaan penyakit-penyakit lain yang boleh mengakibatkan kerosakan buah pinggang seperti darah tinggi, jangkitan kuman, penyakit saluran pernafasan, kencing manis dan lain-lain.

- (b) Selain daripada pendidikan kesihatan, beberapa langkah tertentu telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan bagi mencegah dan mengawal penyakit buah pinggang. Di antara langkah-langkah tersebut termasuklah melaksanakan program pencegahan dan mengawal Jangkitan Saluran Pernafasan Akut dan Jangkitan Kulit. Aktiviti-aktiviti program ini terutamanya kaunselling dan pengesanan serta rawatan awal dilaksanakan melalui integrasi di dalam perkhidmatan pesakit luar, perkhidmatan Kesihatan Ibu & Kanak-kanak dan juga perkhidmatan kesihatan sekolah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu daripada komplikasi dari kedua-dua penyakit yang saya sebutkan itu adalah penyakit buah pinggang.

Bagi tujuan tersebut, ibu-ibu serta anak-anak akan diajar berkenaan tanda-tanda penyakit dan cara-cara mencegah serta menjaga kanak-kanak yang dijangkiti penyakit tersebut. Di samping itu, kakitangan juga

dilatih untuk mengesan penyakit tersebut serta komplikasinya dengan awal serta pengendalian kes dengan sempurna termasuk sistem rujukan.

- (c) Kemudahan-kemudahan perubatan berkaitan penyakit buah pinggang adalah seperti berikut:
- (i) Pada masa sekarang terdapat 18 pusat rawatan dialysis di hospital Kerajaan termasuk hospital-hospital universiti dan hospital-hospital di Kementerian Pertahanan.
 - (ii) Pada tahun ini Kementerian Kesihatan akan mewujudkan 3 pusat rawatan dialysis di Hospital Besar Tengku Ampuan Rahimah Klang, Hospital Besar Melaka dan Hospital Besar Seremban.
 - (iii) Pakar-pakar buah pinggang dari Hospital Besar Kuala Lumpur, Hospital Besar Ipoh, Hospital Besar Pulau Pinang dan Hospital Besar Johor Bahru juga membuat lawatan ke negeri-negeri yang tidak mempunyai pakar berkenaan untuk memberi rawatan dan juga melatih kakitangan di hospital-hospital berkenaan.
 - (iv) Di samping itu, juga lawatan berkala dibuat oleh Pakar Perubatan Umum ke hospital-hospital daerah tanpa pakar untuk memberi rawatan dan latihan yang diperlukan.

AGENSI MENGAMBIL PEKERJA SECARA HARAM

49. Tuan Jason Wong Sing Nang minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) sama ada Menteri berkenaan sedar bahawa beberapa buah agensi mengambil pekerja berfungsi secara haram di negara ini dan kalau tahu, apakah langkah-langkah yang akan diambil terhadap agensi tersebut;
- (b) sama ada Kementerian pernah menerima aduan daripada rakyat umum Sarawak mengenai sebuah agensi pekerjaan yang mengiklankan peluang pekerjaan di Kuwait tetapi sebaliknya merupakan kes penipuan. Agensi tersebut telah melarikan beribu-ribu ringgit hasil kutipan daripada rakyat umum; dan
- (c) sekiranya jawapan kepada (b) di atas adalah benar, apakah tindakan Kementerian terhadap agensi tersebut?

Menteri Sumber Manusia (Dato' Lim Ah Lek):

- (a) Kementerian Sumber Manusia sedar adanya beberapa agensi pekerjaan yang berfungsi secara haram. Bagi mengatasinya, Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan, antara lain seperti berikut:
 - (i) memberi amaran bertulis kepada agensi berkenaan untuk memberhentikan kegiatannya kecuali setelah mempunyai lesen yang sah;
 - (ii) mengambil tindakan untuk mendakwa jika terdapat bukti yang menunjukkan mereka berfungsi secara haram; dan

- (iii) meminta kerjasama akhbar-akhbar utama tempatan supaya tidak mengeluarkan iklan-iklan mengenai jawatan kosong khususnya bagi pekerjaan di luar negeri di akhbar-akhbar mereka, kecuali setelah berpuas hati bahawa agensi yang mengiklankan jawatan-jawatan itu mempunyai lesen yang sah dan mengemukakan maklumat yang betul mengenai kekosongan sesuatu jawatan.
- (b) Ada empat aduan yang diterima oleh Jabatan Tenaga Rakyat negeri Sarawak berikutan dari iklan yang diterbitkan dalam akhbar Sin Hwa Daily News keluaran Sarawak. Iklan tersebut menyebut mengenai tawaran kerja di Kuwait yang dijalankan oleh sebuah agensi pekerjaan yang berdaftar di Kuala Lumpur.
- (c) Kementerian telahpun membatalkan lesen agensi berkenaan dan kini tindakan undang-undang bagi mendakwa agensi tersebut sedang dalam proses.

SEBATAN ROTAN KEPADA PENAGIH DADAH

50. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang meminda Seksyen 39A Akta Dadah Berbahaya untuk menghapuskan sebatan rotan untuk penagih-penagih yang didapati salah di bawah seksyen tersebut ekoran daripada kenyataan awam oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Megat Junid bin Megat Ayob pada 1 April, 1991 bahawa Kementerian Dalam Negeri tidak merancang untuk menyekat penagih-penagih dadah memandangkan mereka dianggap sebagai pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan.

Tuan Ong Ka Ting: Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Seksyen 39A Akta Dadah Berbahaya, 1952 untuk menghapuskan sebatan rotan terhadap mereka yang bersalah. Ini ialah kerana Seksyen tersebut adalah bertujuan untuk membendung kegiatan-kegiatan penjualan dan pengedaran dadah dalam kuantiti kecil-kecilan yang ditetapkan dan hukuman sebatan adalah bertujuan mencegah kegiatan-kegiatan seperti itu. Bagi mereka yang didapati bersalah memiliki dadah merbahaya dalam kuantiti yang kurang daripada yang ditetapkan itu, undang-undang yang sama ada memperuntukkan hukuman denda atau penjara atau kedua-duanya sekali. Penagih-penagih dadah biasanya diambil tindakan di bawah peruntukan ini. Oleh yang demikian, soal meminda Seksyen 39A untuk menghapus sebatan rotan kepada penagih-penagih dadah tidaklah timbul.

TAHANAN ISA DIBEBASKAN

51. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah pentadbiran Kerajaan sekarang telah mengubah sikapnya terhadap tahanan ISA yang baru dibebaskan. Ketika pentadbiran sekarang mengambil alih kuasa awal tahun 80an beberapa orang tahanan ISA termasuk Datuk Abdullah Ahmad dibebaskan tanpa syarat, tetapi tahanan ISA dari PAS akhir-akhir ini dibebaskan bersyarat. Apakah yang menyebabkan perbezaan itu. Adakah kerana parti yang mereka anut.

Tuan Ong Ka Ting: Pengenaan syarat-syarat ke atas tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang dibebaskan adalah bergantung kepada penilaian ke atas mereka dari segi aspek keselamatan semata-mata tidak kira ideologi atau parti mana yang mereka anuti. Penilaian ini sudah tentunya berbeza dari seorang tahanan dengan tahanan yang lain. Oleh yang demikian, tidak timbul soal perubahan sikap yang dimaksudkan.

SKIM PERKHIDMATAN PENDIDIKAN GURU-GURU

52. Tuan S.S. Subramaniam minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah pihak Kementerian sedar beberapa pihak guru-guru tidak berpuashati dengan keadaan "two-tier salary scheme" untuk guru-guru. Ramai guru-guru terpaksa menduduki di peringkat tinggi dalam setiap "salary schale" dan mereka yang mempunyai potensi untuk mendapat kelayakan dari universiti (tetapi tidak dapat memasuki dalam universiti, oleh kerana tidak mempunyai kemudahan kewangan) tidak ada cara untuk naik dari satu skel kepada skel yang lain. Apakah sebabnya kita tidak boleh mengadakan lebih daripada "two-tier system" dan bolehkah pihak Menteri menjelaskan bagaimanakah suatu sistem yang lebih dari "two-tier system" akan menjejaskan mutu pelajaran di sekolah-sekolah kita.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dua Skim Perkhidmatan Pendidikan telah diterima sebagai lebih baik daripada sebelas skim yang asal. Skim yang baru ini mempunyai peruntukan kenaikan pangkat kepada jawatan yang lebih tinggi. Sebagai contoh, Pegawai Perkhidmatan Bukan Siswazah yang dilantik dalam Kumpulan C berpeluang meningkat kepada tanggagaji Kumpulan B dan layak pula dinaikkan pangkat apabila memenuhi syarat yang ditetapkan. Di samping itu, pegawai-pegawai yang mempunyai potensi untuk memasuki universiti dengan memenuhi syarat kemasukan, diberi Cuti Belajar Separuh Gaji dan setelah berjaya akan dilantik ke Kumpulan A dan layak dinaikkan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi.

Kementerian Pendidikan berpendapat Dua Skim Perkhidmatan Pendidikan akan menghasilkan kesan yang lebih positif dalam meningkatkan mutu

pembelajaran dan pengajaran di sekolah-sekolah kita, jika dibandingkan dengan skim perkhidmatan yang dahulu.

KERETAPI TANAH MELAYU—MENAIKKAN TAMBANG

53. Tuan Lim Hock Seng minta Menteri Pengangkutan menyatakan berkenaan 'Keretapi Tanah Melayu':

- (a) mengapa dicadangkan supaya tambang dinaikkan dan bila akan berkuatkuasa;
- (b) perkembangan terbaharu mengenai penswastaaan atau dioperatkan; dan
- (c) cadangan menjual atau usaha-sama tanah KTM di Singapura.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:

- (a) Buat masa ini belum ada keputusan untuk menaikkan tambang keretapi.
- (b) Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa Kerajaan telah membuat keputusan untuk memperbadankan KTM, iaitu menukar KTM menjadi sebuah syarikat yang akan dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan. Apabila syarikat ini mampu menunjukkan rekod keuntungan yang baik barulah Kerajaan akan mempertimbangkannya untuk diswastakan.

Pada masa ini segala persiapan berjalan lancar bagi membolehkan KTM diperbadankan pada awal tahun 1992. Dua Rang Undang-undang telah disiapkan untuk dibahaskan di dalam sesi Parlimen ini. Dua Rang Undang-undang tersebut ialah:

- (i) Rang Undang-undang Keretapi 1991; dan

(ii) Rang Undang-undang Keretapi (Syarikat Pengganti) 1991.

(c) Satu perjanjian telah ditandatangani pada 27 November, 1990 di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Singapura berkaitan dengan tanah KTM di Singapura. Mengikut perjanjian itu, stesen keretapi di Keppel akan dipindah ke Bukit Timah. Pihak Kerajaan Singapura akan membersihkan penduduk setingan di atas tanah itu dari Keppel ke Bukit Timah. Satu syarikat usahasama di antara Malaysia dan Singapura akan ditubuhkan di mana syer adalah 60% Malaysia dan 40% Singapura, bagi tujuan memajukan tanah KTM di Singapura bagi maksud perdagangan, perumahan dan perindustrian. Tindakan susulan sedang diambil ke atas perkara-perkara yang telah dipersetujui itu.

BRIGHT SPARKLERS— KEBAKARAN KILANG MERCUN

54. **Tuan Liew Ah Kim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada laporan Suruhanjaya Diraja mengenai letupan dan kebakaran kilang mercun The Bright Sparklers Sdn. Bhd. di Kampung Baru Sungai Buloh 7 Mei 1991 lalu akan dibentangkan di Parlimen untuk dibahaskan. Kalau ya, bilakah laporan ini dijangka siap, dan bila pula akan dibentangkan di Parlimen.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Suruhanjaya Diraja mengenai letupan dan kebakaran kilang mercun Bright Sparklers Sdn. Bhd. baru sahaja

memulakan penyiasatannya di mana 'public hearing' yang pertama telah diadakan pada 17 Jun 1991. Setakat ini, pihak Suruhanjaya tidak ditetapkan tempoh urusannya. Kalau mengikut pengalaman Suruhanjaya Diraja bagi kebakaran Sekolah Agama di Yan, Kedah, ia memakan masa lebih kurang dua tahun untuk menyelesaikan tugasnya.

Jangka masa panjang adalah munasabah memandangkan bahawa Suruhanjaya bukan sahaja dikehendaki menyiasat kejadian bencana sebenar, tetapi juga mengkaji peraturan-peraturan keseluruhannya serta juga membuat syor yang menyeluruh kepada Kerajaan.

Pada biasanya, laporan Suruhanjaya-suruhanjaya Diraja akan dibentangkan di Parlimen. Walau bagaimanapun, laporan-laporan ini akan dipersembahkan terlebih dahulu kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sama ada laporan akan dimaklumkan kepada umum dan sebagainya bergantunglah kepada Titah DYMM Seri Paduka Baginda kelak.

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (1991); dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat akan datang.

USUL

RANGKA RANCANGAN JANGKA PANJANG KEDUA 1991-2000 DAN DASAR PEMBANGUNAN BARU

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini,

menyedari kemajuan pesat yang telah dicapai dalam pembangunan sosio-ekonomi negara bagi tempoh dua puluh tahun yang lalu di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama, 1971-1990 dan Dasar Ekonomi Baru;

mengambil maklum dan merestui usaha-usaha Kerajaan yang berterusan dalam melaksanakan dasar-dasar, strategi-strategi dan program-program untuk mencapai matlamat Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama, menerusi Dasar Ekonomi Baru, bagi mencapai perpaduan negara serta mengekalkan pembangunan yang stabil dan berterusan di dalam persekitaran yang aman, stabil dan selamat;

melulus dan menyetujui Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, 1991-2000 dan Dasar Pembangunan Baru, yang menetapkan matlamat pembangunan negara dan dasar-dasar yang akan diikuti di dalam usaha negara mencapai matlamat yang dirancangan untuk dekad akan datang seperti yang ditetapkan di dalam Kertas Perintah Bil.8 Tahun 1991;

Bahawa, dalam meluluskan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua dan Dasar Pembangunan Baru, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari berbagai lapisan masyarakat bekerja dengan lebih

gigih dan bersedia menghadapi cabaran-cabaran sosio-ekonomi dan politik masa depan selaras dengan semangat Rukunegara dan bersama-sama bersatu padu dalam usaha yang berterusan untuk membangunkan sebuah negara yang adil, progresif dan berdayatahan. (20hb Jun, 1991)

Perbahasan disambung semula

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tasek Chenderoh, sila sambung ucapan.

4.08 ptg.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Tasek Chenderoh): Tuan Yang di-Pertua, pada akhir sidang hari semalam, saya sempat menyentuh satu perkara iaitu dari Perenggan 1.03 Kertas Perintah No. 8, yang menyentuh tentang masalah utama iaitu perpaduan negara dan saya telah menyebutkan bahawa perpaduan ini adalah suatu realiti yang agak pelik. Di satu pihak kita melihat bagaimana hubungan antara individu, antara kaum yang begitu mesra sekali dan di satu pihak lagi kita melihat parti-parti politik berbalah tentang sama ada perlu atau tidak sebuah China Town umpamanya, membuat tuntutan-tuntutan persamaan hak yang tidak munasabah yang diasaskan kepada perbezaan kaum. Sementara itu, ibu-bapa di rumah secara yang tidak mereka sedari terus menerus menanam perasaan perbezaan antara diri mereka dengan rakan-rakan mereka di sekolah. Parti-parti politik seperti DAP terus menerus memainkan sentimen perkauman untuk mendapat tempat sebagai hero masyarakat Cina. Sebagaimana contoh yang kita lihat di waktu Pertanyaan Jawab Mulut tadi, cuma Ahli dari Bayan Baru sahaja yang mimpi, syok seorang diri.

Tuan Yang di-Pertua, apakah maknanya ini?

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ipoh bangun Yang Berhormat Tasek Chenderoh. Hendak beri jalan kepada dia?

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, masa kita terhad, ramai rakan-rakan hendak bercakap lagi. Biasanya saya beri jalan, tetapi hari ini minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Hari ini dia minta maaf. (*Ketawa*)

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Apakah maknanya ini, Tuan Yang di-Pertua. Ahli-ahli psikologi sosial memberitahu kita bahawa perkauman, prasangka dan kecurigaan antara kaum bukanlah fenomena individu atau hubungan antara individu. Ia adalah fenomena hubungan antara kelompok. Apakah implikasinya? Implikasinya terkandung dalam teras pembangunan dekad 1990an seperti yang dijelaskan dalam Kertas Perintah 8/1991 yang menyebut antara lain bahawa DPB ataupun DPN meliputi salah satunya usaha membangunkan sebuah masyarakat progresif di mana semua rakyat menghayati perasaan bangga dan cintakan negara. Perpaduan negara tidak harus dilihat sekadar sebagai persahabatan yang harmoni antara rakyat daripada pelbagai keturunan. Ia adalah persahabatan tetapi ia juga adalah lebih daripada persahabatan. Ia adalah pembinaan satu bangsa yang mempunyai perasaan kesatuan yang padat dan padu yang diasaskan kepada kecintaan yang cukup mendalam dan menyayukan kepada negaranya melalui taat setia yang jujur seikhlas hati kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong.

Ini bukan ikhlas yang dibuat-buat atau boleh dibina di dalam satu majlis muhibbah. Ia memerlukan satu

pendidikan yang panjang. Pembinaan generasi berpadu sekarang perlu bermula 25 tahun lalu. Sama seperti pembinaan satu generasi berpadu 25 tahun akan datang harus bermula hari ini. Hari ini ialah hari yang paling sesuai untuk memulakannya berasaskan pencapaian kita dalam 30 tahun yang lalu kerana jika kita menanam benihnya sekarang, kita akan melihat hasilnya pada tahun 2020. Unsur penting dalam kesepaduan rakyat ialah perasaan nilai dan norma kehidupan kerana nilai menentukan pandangannya hidup dan sikap yang jika jauh berbeza antara satu dengan lain akan terus meletakkan manusia dalam keadaan yang jarak antara satu sama lain.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Kita semua suka kepada orang yang serupa dengan kita. Kita memilih isteri yang serupa wajahnya dengan kita atau jika tidak kita akan mencari yang serupa kegemarannya atau pandangannya dengan kita. Jika anak-anak kita diasuh untuk memiliki sistem nilai yang serupa, mereka akan mulai menyayangi antara satu sama lain, merasa selamat dalam pelukan satu sama lain dan akhirnya membesar sebagai anak Malaysia yang tidak mempunyai sebarang perasaan syak-wasangka dan curiga-mencurigai walau betapa pun dihasut oleh parti-parti politik yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Ipoh bangun. Hendak beri jalan?

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tidak payahlah, Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah sebut tadi, kita besok hendak Raya, kawan-kawan ramai yang hendak bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia tidak beri. Yang Berhormat dari Ipoh, sila duduk.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Minta maaflah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Soalnya, Tuan Yang di-Pertua, apakah yang hendak kita lakukan dalam konteks Dasar Pembangunan Baru kita ini. Pertama, kita berserah kepada alam tabi'i. Kedua, kita merancang melalui pendidikan.

Melalui alam tabi'i, usaha telah dibuat untuk mewujudkan satu kebudayaan kebangsaan. Saya suka menyifatkan bahawa pembinaan kebudayaan kebangsaan sebagai satu usaha alam tabi'i. Kebudayaan wujud kerana keperluan manusia untuk menyesuaikan dirinya dengan alam benda dan alam manusianya. Kebudayaan pada akhirnya tidak lain ialah personality sesama sesebuah masyarakat yang dikongsi bersama. Maka dengan itu apabila sesiapa pun hendak mendiami negara ini, mereka tidak dapat tidak perlu menggunakan alat dan kaedah yang sudah biasa digunakan dalam negara ini. Sama seperti rakyat Singapura yang menerima rumah bertingkat sebagai sebahagian daripada kebudayaan hidup mereka. Rakyat Malaysia dari semua kaum menerima rumah berangkai sebagai tempat kediaman mereka. Laut, sungai, bukit-bukau dan lebih-lebih lagi iklim negara kita akan menentukan apakah corak kebudayaan rakyat Malaysia akan datang.

Dipandang daripada sudut ini tidak hairanlah apabila Dasar Kebudayaan Nasional ditetapkan supaya berteraskan kebudayaan peribumi. Seperti yang disebut di atas tadi, sesiapa pun yang menghadapi kehidupan di bawah bumbung negara ini, tidak dapat tidak akan menggunakan cara yang sama untuk berinteraksi dengan alam dan orang-orangnya. Kebudayaan peribumi

ialah cara hidup yang dicipta oleh golongan yang sudah lebih awal berhadapan dengan persekitaran yang ada di negara ini. Sesiapa sahaja yang menjejak kaki ke tanah air ini akhirnya akan mendapati cara hidup dan budaya itulah juga yang diperlukan untuk hidup dalam negara ini.

Isu kebudayaan kerap kali, Tuan Yang di-Pertua, menimbulkan kontroversi dan membangkitkan emosi tinggi kerana seringkali dikaitkan dengan hakmilik masing-masing kaum. Tetapi ini hanya benar bagi kebudayaan tradisi. Oleh sebab itu apabila ada hasrat masyarakat Cina untuk mewujudkan apa yang dinamaka "Cina Town", hasrat itu disambut dengan perasaan yang berbelah bagi di kalangan rakyat negara kita. Barangkali jika "Cina Town" yang dimaksudkan itu mengambil bentuk bandar muzium yang mempamerkan sejarah kedatangan masa lalu mereka ke negara ini, kaum-kaum lain tidak keberatan untuk membenarkan penubuhannya. Kerana dengan itu bermakna masyarakat Cina sudah mengakui bahawa kebudayaan yang dipamerkan itu adalah kebudayaan masa lalu mereka. Bandar-bandar lain yang ada sekarang sebaliknya akan dicorakkan dalam sifat Malaysia sejati.

Bandar Malaysia sejati, Tuan Yang di-Pertua, tidak bermakna bandar bercorak Melayu. Ini adalah bandar ciptaan kita bersama yang akan mempamerkan satu bentuk kebudayaan baru yang terhasil daripada keperluan baru rakyat Malaysia berinteraksi dengan alam dan manusianya. Pada hakikatnya setiap hari kita sedang bersama-sama membina kebudayaan dan cara hidup baru tanpa merujuk kembali kepada kebudayaan tradisi. Ini adalah asas kepada kebudayaan Malaysia yang akan menjamin pertumbuhan satu masyarakat yang bersatu padu seperti yang dicita-citakan oleh Dasar Pembangunan Baru yang sedang kita perbahaskan ini.

Menyerah kepada alam semula jadi atau kehidupan harian untuk melahirkan satu masyarakat yang berkongsi nilai hidup yang sama adalah sikap yang agak pesimistik. Mekanisma yang lebih meyakinkan untuk mencapai cita-cita ini telah sedia ada dalam sistem hidup demokrasi kita iaitu pendidikan dan persekolahan. Apabila kita mencapai kemerdekaan, kita telah menyusun semula kurikulum sekolah kita untuk melahirkan orang yang boleh dinamakan warganegara Malaysia. Sebelum merdeka, sistem sekolah yang berbeza-beza adalah menggunakan kurikulum yang berbeza-beza. Di samping kurikulum, kita juga memperkenalkan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi negara yang dengan sendirinya menjadi bahasa penghantar di sekolah. Kesan yang baik daripada pengenalan kurikulum yang sama sedang kita nikmati sekarang di kalangan sebahagian besar generasi baru kita.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, pada permerhatian saya, ada perkembangan yang hampir mengganggu proses pembinaan generasi baru yang sihat ini pada peringkat pra-sekolah dan lepas sekolah.

Zaman yang paling kuat impactnya kepada perkembangan nilai kanak-kanak ialah zaman pra-sekolah. Namun begitu sehingga kini belum ada satu kurikulum yang seragam diperkenalkan secara wajib di sekolah-sekolah tadika di seluruh negara. Sesiapapun layak membuka tadika pada bila-bila masa yang dikehendakinya. Ada tadika yang menumpukan perhatian kepada pembinaan bahasa Inggeris, ada yang kepada kemahiran membaca, ada yang kepada pengetahuan agama, bergantung kepada tempat di mana terletakinya tadika-tadika itu. Memang benar bahawa kepelbagaian melambangkan kebebasan dalam demokrasi tetapi memberi kebebasan kurikulum akan melahirkan manusia yang mempunyai nilai yang berbeza-beza, tambahan pula pada zaman kanak-kanak yang amat kritikal

itu. Sesuai dengan hasrat dan cita-cita RRJP2 untuk mewujudkan masyarakat yang bersatupadu, saya mencadangkan supaya diperuntukkan kurikulum wajib bukan sahaja pada peringkat tadika tetapi juga di pusat-pusat penjagaan anak-anak ataupun TASKA.

Tuan Yang di-Pertua, selari dengan itu ialah perkembangan yang semakin pesat pembangunan universiti-universiti berkembar.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti sekejap, Ipoh bangun.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Biarlah dia bangun, saya tidak nampak pun.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tidak beri jalan, ya?

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tidak beri jalanlah. Dia bukan tidak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tidak apa, Yang Berhormat dari Ipoh duduk. (*Disampuk*) Jangan buat ulasan yang tidak berkenaan ya. Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, pusat-pusat pendidikan selepas sekolah ini menyediakan pelajaran pra-universiti atau universiti-universiti Tahun Satu dengan kurikulum bercorak Amerika.

Yang menjadi prihatin di sini bukan isi kandungan pelajarannya tetapi pendidikannya. Pendidikan di sini dimaksudkan dengan seluruh gaya hidup dan kebudayaan yang diturunkan melalui proses persekolahan itu. Jika cara sekolah-sekolah ini mendidik anak-anak Malaysia tidak dikawal, mereka mungkin membesar sebagai anak Amerika dan bukan anak-anak Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, masalah perpaduan kaum dan pembangunan bangsa tidak dapat tidak perlu dilihat secara berkembar dengan persoalan ekonomi kerana isu utama RRJP2 ialah ketidakseimbangan. Satu daripada aspek-aspek yang dianggap kritikal dalam DPB menyentuh masalah mengurangkan dan akhirnya menghapuskan keadaan ketidaksamaan dan ketidakseimbangan sosial dan ekonomi. Isu yang sama telah ditangani oleh DEB yang terangkum dalam RRJP1 kerana seperti yang kita maklum, DEB bertujuan menghapuskan kemiskinan dan serentah dengan itu menyusun semula masyarakat supaya tidak dikenali berasaskan kaum tetapi apa yang menarik dengan DPB ialah disamping melanjutkan strategi-strategi asas DEB, ia juga membawa dimensi-dimensi baru. Tiga daripada dimensi-dimensi itu menarik perhatian saya di sini.

Yang pertama, mengalih arah tumpuan strategi pembasmian kemiskinan ke arah membasmi kemiskinan di kalangan golongan termiskin dan mengurangkan kemiskinan relatif. Kedua, mewujudkan guna tenaga dan pembangunan pesat sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera bagi meningkatkan penyertaan bumiputera dalam sektor-sektor moden. Ketiga, menumpukan perhatian kepada pembangunan sumber tenaga manusia.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memperlebar perbincangan berhubung dengan strategi-strategi baru ini. Hasrat RRJP2 untuk menumpukan strategi membasmi kemiskinan kepada golongan termiskin memang sudah sampai masanya. Kejayaan menghapuskan kemiskinan mutlak melalui rancangan-rancangan pembangunan masa lalu sepatutnyalah diikuti dengan usaha untuk mengurangkan kemiskinan relatif.

Strategi paling berkesan mengurangkan kemiskinan di kalangan penduduk yang termiskin yang menjadi

amalan masa lalu ialah pembukaan tanah baru melalui FELDA. Perbandingan kejayaannya relatif kepada pembukaan tanah jenis lain jelas menunjukkan cara ini lebih efficient dan effective untuk membantu membasmi kemiskinan. Rancangan ini mestilah diteruskan tetapi dengan satu pendekatan baru yang lebih berani dan agresif. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya selsema sedikit hari ini.

Masalah utama kemiskinan ialah putaran ganas yang diakibatkan oleh kebudayaan kemiskinan. Sama ada disadari atau tidak, matlamat utama penubuhan rancangan tanah di bawah FELDA ialah untuk mengeluarkan para petani bukan sahaja daripada kehidupan tanpa tanah di kampung asal mereka tetapi juga serentak dengan itu untuk menarik mereka keluar daripada persekitaran kampung-kampung tradisional yang tidak menyediakan rangsangan, motivasi dan galakan untuk mereka meneruskan hidup dan membawa mereka ke dalam kehidupan baru yang diharapkan boleh menyuntik kembali dalam diri mereka keazaman untuk hidup, dengan izin, *the will to live*. Tetapi, adakah ini terlaksana? Dengan menyertai tanah-tanah rancangan FELDA, peneroka-peneroka tidak syak lagi mendapat manfaat yang pertama iaitu mendapat tanah yang boleh diusahakan. Tetapi adakah mereka berjaya diberi manfaat yang kedua iaitu membawa mereka masuk ke satu persekitaran yang mengandungi unsur pekan atau bandar tersusun yang akan membawa bersamanya rangsangan dan galakan untuk keluar daripada belenggu kebudayaan kemiskinan. Nampaknya, Tuan Yang di-Pertua, tidak.

Perkampungan-perkampungan rancangan tanah FELDA secara evolusi mulai berubah wajah kembali menjadi kampung tradisional dengan ciri dan watak fizikal, sosial dan psikologikal yang betul-betul bercorak kampung asal mereka. Kini 20 tahun selepas dilancarkan, kampung-kampung itu tidak

ubah bentuknya daripada kampung tradisional Melayu. Belunggu kebudayaan kemiskinan ini mestilah dihapuskan segera daripada perkampungan FELDA yang ada sekarang dan dielakkan daripada berulang dengan perkampungan FELDA yang akan dibangunkan pada masa hadapan. Ini dapat dilakukan dengan memperbandarkan tanah-tanah rancangan ini menjadi bandar bermakna, mempunyai kemudahan prasarana yang setimpal dengan sebuah bandar kecil, jalan tar yang cantik, lampu jalan yang menerangi seluruh kampung sekurang-kurangnya sama seperti kemudahan yang disediakan untuk kampung-kampung baru Cina. Jika mungkin, rumah-rumah peneroka juga perlu direkabentuk supaya mengandungi ciri-ciri keperluan berasaskan konsep moden dan canggih dan bukan menyalin rupabentuk rumah-rumah di kampung tradisional.

Penumpuan kepada pembukaan rancangan tanah ala FELDA tidak bermakna kampung-kampung tradisional diabaikan. Program dalam bentuk halacara baru harus diperbanyakkan. Pembangunan mental tidak dapat tidak akan mengikuti penyusunan dan penempatan semula kampung-kampung tradisional. Falsafah membandarkan rancangan tanah seperti yang disebut di atas boleh dilebarkan kepada kampung-kampung tradisional yang telah disusun semula. Usaha-usaha haruslah dimulai untuk menyediakan persekitaran yang canggih bagi melahirkan golongan bumiputera yang canggih yang akan siap sedia menyahut cabaran tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan-kejayaan yang dicapai melalui pelaksanaan DEB telah mengurangkan sebahagian daripada ketidakseimbangan dan dengan itu membolehkan DPB bertolak daripada kedudukan yang lebih selesa.

Program-program agresif yang dilancarkan oleh MARA melalui rancangan pelajarannya telah melahirkan ribuan anak muda profesional Melayu yang kini sedang memberi perkhidmatan profesional. Ini belum diambil kira jumlah yang sama yang mencapai kejayaan melalui program biasa Kementerian Pendidikan dan JPA. Tenaga profesional ini menjadi asas kepada pembinaan seterusnya sumber tenaga manusia yang diperlukan dalam rangka mengurangkan ketidakseimbangan golongan profesional antara kaum. Dengan usaha berterusan yang lebih agresif, bilangan profesional Melayu akan dapat ditambah dan sekaligus menjayakan strategi mewujudkan sebuah masyarakat perdagangan bumiputera.

Masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, pembinaan masyarakat perdagangan tidak memadai dengan menyediakan sekumpulan tenaga profesional dan sekumpulan modal yang cukup sahaja. Bukan sedikit golongan ini yang sudah kembali tidak cukup kemampuan untuk bersaing dalam satu perniagaan yang bebas. Bukan kerana mereka tidak mempunyai cukup pengetahuan atau kemahiran profesional tetapi mungkin kerana kekurangan daya keusahawanan. Gaya hidup bawahan daripada budaya dan tradisi masyarakat bumiputera yang sedia ada tidak menggalakkan pertumbuhan unsur-unsur keusahawanan ini.

Beberapa ciri keusahawanan boleh dikenalpasti. Antaranya termasuklah mempunyai tenaga dan daya usaha, yakin diri, penglibatan dengan projek-projek jangka panjang, menggunakan wang sebagai ukuran, menetapkan matlamat sederhana dalam pengambilan risiko, boleh menggunakan pengalaman kegagalan sebagai pelajaran, menggunakan maklumbalas, mengambil inisiatif dan bertanding dengan piawai yang ditetapkan oleh diri sendiri. Segala usaha mestilah dilakukan untuk memasukkan aktiviti-aktiviti yang

mengarah kepada pemupukan sifat-sifat ini di kalangan anak-anak bumiputera di sekolah, malahan di peringkat tadika lagi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tumpuan RRJP 2 dalam ekonomi ialah menggalakkan perkembangan pesat perusahaan swasta, maka tumpuan sektor awam bolehlah diberikan kepada apa yang boleh dipanggil usaha-usaha pra perindustrian yang mencakupi dua perkara: penyediaan kemudahan prasarana dan pembangunan sumber tenaga manusia. Salah satu aspek yang ditekankan dalam RRJP 2 berhubung dengan pembangunan sumber tenaga manusia ialah pemupukan sikap dan nilai positif di kalangan generasi muda supaya apabila tiba masanya Malaysia telah memiliki generasi muda yang mempunyai nilai dan sikap positif seperti yang dikehendaki oleh negara. Sistem nilai rakyat Malaysia terjelma dalam Rukunegara. Tugas kita melalui pendidikan ialah memupuk nilai-nilai ini sejak zaman kanak-kanak lagi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhirinya, saya ingin menyentuh sektor korporat. Dalam menyentuh sektor korporat ini saya ingin meminjam satu pengalaman daripada negara Jepun. Sebagai permulaannya, saya ingin memetik dari sebuah buku yang dituliskan oleh Carol Ven Wolfran yang bertajuk "The Enigma of Japanese Power" di bawah perkara "Making Japan Invincible", dan dengan izin, saya memetik di dalam bahasa Inggeris:

"In the first part of the century, when industries in private hands were more clearly separated from the public sector than they are today, companies were driven by a need to maximise profits. But as the military bureaucratic alliance strengthened its grip on Japan and the emphasis on the national essence reached new heights, profit-making began to be viewed as an unworthy activity. This fitted in well with the traditional ways of

thoughts for the model samurai had always disdained the quest for financial gain, believing service to his lord to be a much nobler pursuit. One of the points made by the founders of Keizai Doyukai was that the "Zaibutsu" preoccupation with profit – was harmful and could not possibly contribute to the building of a strong and viable economy or really serve the national interests."

Saya mengulangi bahagian yang menyebut bahawa:

"Preoccupation with profit was harmful and could not possibly contribute to the building of a strong and viable economy or really serve the national interests."

Tuan Yang di-Pertua, sektor korporat Jepun selepas Perang Dunia Kedua adalah berbentuk seperti ini. Tumpuan tidak lagi kepada usaha untuk memaksimumkan profit tetapi mereka mementingkan kepada persaingan antarabangsa untuk merebut market share antarabangsa, mereka mementingkan research and development, mereka mementingkan kepentingan negara lebih daripada kepentingan profit. Walaupun tadi saya menyebut bahawa salah satu nilai yang harus ditanam kepada usahawan ialah nilai kewangan, tetapi yang saya sebutkan di sini ialah kepada sektor-sektor korporat syarikat-syarikat yang besar yang seharusnya menumpukan kepada matlamat nasional untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berwibawa di dalam bidang industri-industri berat.

Tuan Yang di-Pertua, kita merasa seolah-olah kurang sopan bila mendengar bahawa Telekom Malaysia mungkin akan mengisytiharkan keuntungan sebanyak \$1 billion. Apabila kita melihat bahawa rangkaian Telekom kita masih banyak lagi mesti dimajukan, apabila kita mendengar masalah banyak lagi telefon di luar bandar harus dibina,

prasarana Telekom mesti dibina dengan lebih efisien lagi sebagai contohnya. Jadi, saya berharap di dalam kita menerima dasar ataupun RRJP 2 ini kita hendaklah menekankan kepada pembinaan dan pembangunan sektor korporat yang tidak sahaja mementingkan kepada keuntungan tetapi lebih mementingkan kepada the nobler pursuit untuk kepentingan bangsa dan negara. Walaupun kita tahu harus ada perseimbangan kerana Kerajaan sudah tentu inginkan korporat yang buat untung banyak supaya kita mendapat cukai yang lebih, tetapi harus ada perseimbangan di antara the greed for profit dengan kepentingan untuk pembangunan bangsa dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, sempena dengan petang hari Jumaat yang mulia ini di mana umat Islam sedang berwukuf di Arafah mendoakan kebaikan dan kesejahteraan untuk seluruh manusia dan khususnya umat Islam, saya mengambil kesempatan ini mendoakan semoga Wawasan 2020, RRJP 2, DPB ataupun DPN ini akan diterima sebagai panduan yang sungguh-sungguh oleh kita sebagai pemimpin politik, oleh kakitangan Kerajaan sebagai pelaksana dasar, oleh rakyat seluruhnya sebagai pendokong dan penjaya setiap dasar nasional. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri.

PINDAAN PERKATAAN 'DASAR PEMBANGUNAN BARU' KEPADA 'DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL'

4.40 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk membawa pindaan

usul kepada usul Perdana Menteri yang telah dibentangkan pada 17hb Jun 1991 mengenai Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2). Bunyi usulnya ialah seperti berikut:

Gantikan perkataan-perkataan 'Dasar Pembangunan Baru' dengan 'Dasar Pembangunan Nasional' di mana juga terdapat perkataan-perkataan tersebut di dalam usul dan Buku Kertas Perintah 8/91 di dalam usul berkenaan.

Terima kasih.

Menteri Belia dan Sukan (Tuan Haji Annuar bin Musa): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah bahawa usul ini dipinda dengan, gantikan perkataan-perkataan 'Dasar Pembangunan Baru' dengan 'Dasar Pembangunan Nasional' di mana juga terdapat perkataan-perkataan tersebut di dalam usul dan Buku Kertas Perintah 8/91 di dalam usul yang berkenaan, sekarang terbuka untuk dibahas.

Dr T. Marimuthu: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sebelum saya menjemput Yang Berhormat dari Telok Kemang berucap, ingin saya mengingatkan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, dalam ucapan Yang Berhormat hanya boleh menyentuh pindaan usul sahaja. Ini yang saya hendak ingatkan Yang Berhormat sekalian. Ya, siapa hendak berucap? Telok Kemang hendak berucap?

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat dari Kepong, tetapi hanya boleh menyentuh pindaan usul ini sahaja.

4.42 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, nampaknya usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat pada 17hb Jun yang lepas itu tidak mengambilkira Dasar Pembangunan Nasional. Ini jelas menunjukkan pihak Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat tidak berfikir dengan semasak-masaknya mengenai hal seperti ini, kerana dasar yang begitu penting, perkataan seperti ini tidak ditetapkan terlebih dahulu, walhal, Tuan Yang di-Pertua, kami di dalam DAP pernah mencadangkan menggunakan perkataan 'Dasar Pembangunan Negara' di dalam Dewan yang mulia ini.

Jadi nampaknya Barisan Nasional setuju dengan DAP untuk mengadakan Dasar Pembangunan Negara seperti mana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Syabaslah kepada Yang Berhormat kerana sudi menerima cadangan DAP yang bernas di dalam Dewan (*Tepuk*).

Saya mengambil kesempatan ini untuk menunjukkan bahawa kita ada cadanga-cadangan yang lain di bawah Dasar Pembangunan Negara ini, termasuk menghapuskan sistem kuota. Dasar Pembangunan Negara DAP memang termasuk menghapuskan sistem kuota, kerana kita lebih.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya ingin minta penjelasan, apa kena mengena dengan pindaan ini, Tuan Yang di-Pertua?

Dr Tan Seng Giaw: Memang ada kena mengena dengan pindaan ini!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baik, saya akan buat keputusan di sini dan seperti mana yang saya sebutkan tadi, ucapan Yang

Berhormat hanya boleh berkisar kepada pindaan usul sahaja.

Dr Tan Seng Giaw: Memang ini beredar kepada hal ini sahaja. Ini memang, kita pernah membangkitkan hal Dasar Pembangunan Negara dan di dalam Dasar Pembangunan Negara DAP itu termasuk pelbagai rekomendasi. Salah satunya menghapuskan sistem kuota.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, contoh ataupun rekomendasi perakuan yang dimaksudkan itu memang yang Berhormat sudah pun bangkitkan dalam ucapan tempoh hari.

Dr Tan Seng Giaw: Memang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jadi, tak usahlah Yang Berhormat cuba hendak ulang-ulangkan sekali lagi.

Dr Tan Seng Giaw: Ini bukan satu ulangan, kerana ini satu perkataan yang baru dibangkitkan, 'Dasar Pembangunan Nasional'.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ini adalah keputusan saya Yang Berhormat. Saya hendak ingatkan Yang Berhormat, itu sahaja.

Dr Tan Seng Giaw: Baiklah, saya akan menumpukan perhatian 100% kepada Dasar Pembangunan Negara.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, mengenai usul tadi berkenaan Dasar Pembangunan Nasional, Yang Berhormat dari Kepong ini bercakap berkenaan Dasar DAP,

berkenaan Dasar Pembangunan Negara, tidak ada kena mengena dengan pindaan ini.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kami National Development Policy, di dalam bahasa Inggeris. National Development Policy, jadi apakah bezanya di antara 'Negara' dengan 'National'? Apakah bezanya, apakah pengertian di dalam bahasa baku sekarang?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cuba jangan pergi jauh sangat ya.

Dr Tan Seng Giaw: Tidak jauh, Tuan Yang di-Pertua, ini memang satu perkara khusus untuk usul ini.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ini adalah peringatan dan teguran.

Dr Tan Seng Giaw:.... mengenai istilah, mengenai pengertian dan makna perkataan 'National' dan 'Negara', mana yang lebih tepat, 'National' ataupun 'Negara'? Mana yang lebih bersifat Malaysia? Jadi.....

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, adakah kita hendak membincangkan berkenaan semantic, dengan izin, penggunaan bahasa yang telah dibentangkan sama ada Yang Berhormat dari Kepong dan Ahli-ahli yang lain bersetuju dengan penggantian 'Dasar Pembangunan Baru' kepada 'Dasar Pembangunan Nasional', bukan apakah makna 'Nasional', apakah makna 'Negara', ini bukan tujuan usul itu dibentangkan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti sekejap!

Dr Tan Seng Giaw: Dia sahaja satu-satunya yang membangkitkan perkara 'Negara' dan 'Nasional'.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bila saya bercakap, sabar sedikit Yang Berhormat dari Kepong dan Yang Berhormat diingatkan sekiranya tidak ada isi kandungan yang lain yang ada kena mengena dengan pindaan usul ini, maka saya terpaksa memberhentikan ucapan Yang Berhormat di bawah Peraturan Mesyuarat 44(1).

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua sendiri mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tadi, bukan saya yang membangkitkan hal 'Negara' dan 'Nasional', kerana bagi saya itu serupa sahaja. kalau kita hendak mirip kepada sifat Malaysia, kita gunakan negara. Walau bagaimanapun, kerana pihak Yang Berhormat, pihak Kerajaan Barisan Nasional menerima dan mengakui apa yang dicadangkan oleh pihak DAP itu, iaitu National Development Policy, ataupun Dasar Pembangunan Nasional atau Negara sebagai satu istilah yang tepat, baik dan jitu, maka kita setuju dengan pindaan seperti ini.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri, hendak jawab?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Ya, saya jawab. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong yang telah menerima cadangan kita 'National', bukan 'Negara'.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukuplah Yang Berhormat, cukup.

Dr Tan Seng Giaw: Itu tidak adil.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya akan kemukakan masalah bagi diputuskan bahawa usul ini dipinda dengan.....

Datuk Dominic Joseph Puthuchery: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya hendak teruskan, iaitu gantikan perkataan-perkataan 'Dasar Pembangunan Baru' dengan 'Dasar Pembangunan Nasional' di mana juga terdapat perkataan-perkataan tersebut di dalam usul ataupun di dalam Buku Kertas Perintah 8/91 di dalam usul berkenaan, hendaklah dipersetujukan.

Usul pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Gantikan perkataan-perkataan 'Dasar Pembangunan Baru' dengan 'Dasar Pembangunan Nasional' di mana juga terdapat perkataan-perkataan tersebut di dalam usul dan Buku Kertas Perintah 8/91 di dalam usul berkenaan.

RANGKA RANCANGAN JANGKA PANJANG KEDUA 1991-2000

Perbahasan disambung semula

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah bahawa usul seperti mana yang telah dipinda terbuka sekali lagi untuk dibahas. Telok Kemang.

4.49 ptg.

Dr T. Marimuthu (Telok Kemang): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang diberi kepada saya untuk mengulas atas usul Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas membentangkan RRJP2 pada hari Isnin yang lalu. RRJP2 adalah satu dokumen yang begitu menyeluruh, realistik, mementingkan masa depan atau futuristic, dengan izin, dan mempunyai penuh visi dan harapan. RRJP2 adalah satu rancangan yang memberi perhatian baru kepada semua rakyat di negara ini. RRJP2 berdasarkan DEB yang telah tamat pada tahun 1990.

Dasar Pembangunan Nasional yang akan dikuatkuasakan pada tahun ini telah mengenal pasti kekuatan dan kelemahan DEB yang telah dilaksanakan dua dekad yang lalu. Satu kelemahan yang penting ditekankan dalam RRJP2 ialah pelaksanaan DEB. Beberapa pihak pun telah mengemukakan pandangan mengenai perkara ini dan saya yakin aspek pelaksanaan DPN akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Sebagai Ahli Jawatankuasa Jurulapor bagi Laporan MPEN, saya juga berasa bangga bahawa beberapa cadangan yang dikemukakan oleh MPEN telah diterima dan membantu ke arah pembentukan Dasar Pembangunan Nasional. RRJP2 merupakan satu model rancangan ahli ekonomi (an economic planner's model) di mana pelaburan, pertumbuhan, pembangunan dan pengswastan diutamakan.

Ahli ekonomi menganggap bahawa pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat akan mempertingkatkan kesejahteraan rakyat. Mereka percaya bahawa kekayaan yang diperolehi daripada pertumbuhan ekonomi akan dinikmati oleh semua rakyat. Proses ini tidak akan dicapai sekiranya tidak ada pengagihan yang saksama. DPN menyedari masalah ini dan memberi tumpuan ke atas pertumbuhan ekonomi dan pengagihan yang saksama. DPN juga telah mengambil perhatian kepada beberapa isu sosial yang bukan ekonomi seperti masalah ekologi, persekitaran, pencemaran dan sebagainya.

Satu aspek yang diberi kepentingan dalam DPN adalah pembangunan sumber manusia. Pertumbuhan ekonomi dalam DPN akan memerlukan tenaga buruh yang mahir, berkualiti tinggi, mempunyai sikap dan nilai yang positif dan menyesuaikan diri kepada perubahan sosial dan ekonomi. Pendidikan dan latihan ditekankan sebagai alat mencapai matlamat DPN. Pendidikan merupakan nadi pertumbuhan (engine of growth) dan akan mencetuskan perubahan sosial dan ekonomi.

Jika kita meneliti sejarah pendidikan dan pengalaman negara-negara yang maju, perkembangan pendidikan untuk kesemua atau mass-education adalah satu pra-syarat sebelum kemajuan dapat dicapai.

Di Malaysia, kita telah capai prestasi enrolment yang tinggi di mana 99% berumur 6 tahun telah mendaftar dalam sekolah rendah. Kadar ini menunjukkan bahawa pendidikan sekolah rendah dapat dinikmati oleh hampir seluruh kanak-kanak dalam lingkungan umur persekolahan rendah. Kadar enrolment di peringkat menengah dan universiti juga telah meningkat. Tetapi untuk memenuhi permintaan tenaga manusia yang mahir dan yang berpengetahuan, kadar selepas menengah harus dipertingkatkan.

Walaupun perkembangan dan perubahan dalam bidang pendidikan pada dua dekad yang lalu adalah mengagumkan tetapi masih ada beberapa aspek dalam pendidikan dan latihan yang harus diberi perhatian. Salah satu aspek yang perlu diberi perhatian ialah kualiti pendidikan khususnya di peringkat rendah. Petanda-petanda aspek kualiti pendidikan atau keberkesanan persekolahan adalah prestasi pencapaian, kadar enrolment, kadar keciciran dan kualiti hasil iaitu kemahiran dan pengetahuan yang dimiliki oleh murid-murid itu.

Satu lagi petanda mengenai kualiti adalah sejauh manakah mereka menyesuaikan diri kepada permintaan pasaran buruh di negara ini.

Di peringkat sekolah rendah, sebahagian sekolah yang terdapat dalam ladang-ladang, kampung dan kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak masih mengalami kekurangan kemudahan asas seperti bangunan dan bilik darjah yang sesuai, alat-alat pengajaran dan guru yang berkelayakan. Proses pengajaran dan pembelajaran tidak begitu menggalakkan.

Sebagai contoh sekolah-sekolah Tamil secara relatif masih mempunyai kadar keciciran yang tinggi, kadar pencapaian yang paling rendah, bangunan yang buruk, mempunyai lebih daripada 30% guru sandaran diandingkan dengan sekolah aliran yang lain. Dalam keadaan yang buruk seperti ini bagaimanakah sekolah-sekolah ini akan dapat menyumbang kepada perkembangan sumber manusia.

Sekolah-sekolah Tamil merupakan Cinderella dalam sistem pendidikan di negara kita. Sekiranya sekolah-sekolah Tamil ingin mencapai taraf yang setanding dengan sekolah-sekolah aliran yang lain, sekolah-sekolah itu memerlukan lebih banyak peruntukan dan perhatian daripada Kerajaan.

Dalam tempoh RRJP2 kita harapkan semua sekolah-sekolah Tamil bantuan modal akan dijadikan sebagai sekolah bantuan penuh dengan cara menghakmilikan tanah persendirian.

Untuk meningkatkan kualiti pendidikan sekolah dalam sistem pendidikan, DPN harus menumpukan perhatian atas kualiti kemudahan asas, kurikulum, kualiti guru, alat-alat pengajaran dan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran.

Saya juga mengalu-alukan cadangan mewujudkan universiti terbuka. Ini adalah satu cadangan yang baik dan berfaedah. Universiti terbuka akan memberi pendidikan dan latihan dalam beberapa bidang yang diperlukan oleh ekonomi negara dan akan menyumbang ke arah pencapaian Wawasan 2020.

Universiti terbuka boleh memberikan perkhidmatannya kepada lebih ramai rakyat jelata yang tidak mendapat peluang melanjutkan pendidikan mereka di peringkat universiti. Universiti terbuka akan meningkatkan kesamaan peluang pendidikan dan keadilan sosial. Ini juga dapat mewujudkan warganegara yang berpendidikan dan berpengetahuan.

Satu lagi cadangan yang menarik perhatian saya ialah penubuhan pusat-pusat kecemerlangan di dalam di antara universiti. Seperti dicatatkan dalam RRJP2, pusat-pusat kecemerlangan ini akan meningkatkan daya universiti dan memastikan pengetahuan dan kemahiran yang dimajukan adalah berkaitan dengan industri. Di samping itu Kerajaan harus mempertingkatkan prestasi universiti-universiti di negara ini sebagai institusi kecemerlangan akademik.

Untuk meningkatkan taraf kecemerlangan akademik dan menarik tenaga akademik yang berkualiti di universiti tempatan, Kerajaan harus menyemak semula tanggagaji, suasana kerja dan cara kenaikan pangkat. Gaji tenaga akademik harus setanding dengan sektor swasta. Peruntukan untuk penyelidikan dan menghadiri persidangan dan seminar harus ditambahkan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapannya dalam Dewan yang mulia ini pada hari Isnin yang lalu dan RRJP2 mengakui bahawa kaum India dan kaum minoriti lain masih ketinggalan dan tidak mencapai

kemajuan yang setanding dengan kaum-kaum yang lain daripada pelaksanaan DEB.

Saya berasa amat sukacita bahawa RRJP2 memberi jaminan bahawa golongan India dan minoriti lain dari Sabah dan Sarawak akan diberi perhatian yang sewajarnya untuk membolehkan mereka mendapat manfaat yang saksama daripada pelaksanaan DPN. Saya harap perhatian khas diberi atas bidang pendidikan dan latihan, masalah-masalah yang dihadapi oleh penghuni-penghuni estet, peluang pekerjaan dan kenaikan pangkat di sektor awam dan swasta, hakmilik modal saham dan mewujudkan satu golongan keusahawanan di kalangan komuniti India.

Saya yakin strategi-strategi yang khusus akan dilaksanakan untuk mempertingkatkan taraf dan kualiti penghidupan kaum India dan minoriti lain yang tersekat sosio-ekonomi.

Akhirnya, RRJP2 adalah satu rancangan yang mewujudkan harapan barudan saya percaya dengan kerjasama dan sokongan daripada semua pihak kita akan mencapai matlamat DPN.

Saya menyokong usul RRJP2. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Santubong.

5.01 ptg.

Puan Rohani binti Abd. Karim (Santubong): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang sama-sama membahaskan Dasar Pembangunan Nasional yang akan menentukan kemajuan Malaysia dalam tahun 2020 dan tahun-tahun seterusnya. Saya mengucapkan tahniah atas dasar yang begitu canggih dan bernas.

Saya ingin memberi penekanan khusus kepada prespektif wanita di dalam menghadapi cabaran Abad Ke-21

dan harus dimaklumkan bahawa saya menganalisa Dasar Pembangunan Nasional bersama Dasar Wanita Negara.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat disangkal lagi bahawa kaum wanita di Malaysia telah mencapai kejayaan yang boleh dibanggakan. Mereka berganding bahu dengan kaum lelaki dalam usaha-usaha pembangunan negara. Melalui kegiatan sukarela dan menerusi agensi Kerajaan, berbagai usaha dilancarkan untuk membaiki dan meningkatkan kedudukan mereka, penglibatan mereka diharapkan serta dihargai oleh negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai wanita dan ekonomi baru, negara Malaysia sedang menuju ke alam ekonomi baru iaitu alam perindustrian dan kegiatan ekonomi yang sophisticated. Semakin ramai wanita melibatkan diri bukan setakat pada taraf pekerja tidak mahir di kilang multinational, tetapi lebih penting sebagai pegawai eksekutif dan usahawan yang berkualiti. Namun begitu, kita mesti berhati-hati menghadapi kemajuan dalam bidang teknologi. Kita perlu memastikan kemasukan sains dan teknologi tidak membawa kesan negatif. Masyarakat keseluruhannya harus menyesuaikan diri dengan perubahan baru akibat daripada pertukaran struktur ekonomi. Wanita kini menjadi pekerja di samping menjadi isteri. Ibu-ibu bekerja menghadapi masalah tempat menjaga anak-anak mereka, keruntuhan, tekanan-tekanan hasil dari kehidupan di bandar mesti disedari dan dicari penyelesaiannya. Kemudahan yang membantu ibu bekerja mesti dipertingkatkan, cara mengatasi persoalan sosial akibat dari penghijrahan gadis desa ke bandar mesti dicari dan persoalan pertukaran nilai-nilai mesti diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam semua negara membangun struktur masyarakat wanitanya ialah di mana satu golongan yang terpelajar dan tinggal di bandar memperjuangkan hak dan kedudukan golongan besar yang tidak begitu

terdidik dan kurang tahu tentang hak dan tanggungjawab masing-masing.

Usaha mesti dibuat untuk merapatkan jurang perbezaan di antara dua golongan wanita ini supaya wujud lebih banyak persefahaman dan saling berhubungan di antara mereka. Usaha juga mesti dipergiatkan untuk menaikkan taraf golongan yang besar untuk lebih mendekati golongan elit. Pada masa kini dan masa yang akan datang penekanan harus diberi kepada aspek-aspek kualitatif dan tidak hanya kepada kuantitatif.

Pembaharuan yang diperkenalkan harus juga membawa kemajuan rohani dan tidak semata-mata kemajuan fizikal dan kebendaan. Kemajuan kualiti hidup hendaklah merangkumi kebahagiaan dan kesejahteraan hidup seperti peningkatan pendapatan sebenar, dengan izin, real income, ketenteraman hidup tanpa ancaman fizikal atau mental, kebebasan daripada berbagai tekanan dan kesan alam sekitar yang tidak sihat.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pelajaran dan pendidikan, wanita masa kini amat jauh berbeza daripada keadaan ibu dan nenek moyangnya dahulu. Kini lebih ramai wanita yang memperolehi pelajaran dan latihan kemahiran. Mereka bukan sahaja lebih cerdas tetapi juga cekap untuk menjalankan tugas mereka dan lebih bersedia untuk menjaga dan memperjuangkan nasib mereka sendiri. Mereka bukan sahaja menjadi isteri dan ibu tetapi terlibat dalam proses membuat keputusan dengan izin, decision making process.

Sekarang kaum wanita boleh memilih sama ada hendak bekerja atau tidak. Dari segi ekonomi pula terdapat banyak perubahan kedudukan wanita, wanita diperlukan sebagai tenaga buruh, golongan yang turut merencanakan dan melaksanakan perancangan sebagai sayap kiri kepada kaum lelaki dan wanita dapat merasakan kebebasan ekonomi, dengan izin, economic independence.

Tuan Yang di-Pertua, sumbangan dan peranan wanita telah banyak berubah dan kedudukan dalam masyarakat telah meluas. Sebagai contoh peranan wanita dalam politik, kaum wanita amat terlibat dalam pergolakan politik negara bukan setakat melibatkan diri dari belakang, tetapi terus mencebur diri dalam jentera pemerintahan.

Saya mengambil contoh, satu contoh yang jelas dan nyata ternampak iaitu perwakilan wanita dalam Dewan Rakyat dari tahun 1955 hingga sekarang walaupun belum memuaskan tetapi menggalakkan. Kedudukannya adalah seperti berikut:

WAKIL WANITA DI DEWAN RAKYAT	
Tahun Pilihanraya	Jumlah Wakil
1955	1 orang
1959	3 orang
1964	3 orang
1969	2 orang
1974	6 orang
1978	7 orang
1982	8 orang
1986	9 orang
1990	11 orang

Alhamdulillah. Jumlah ini diharap akan bertambah menjelang tahun 2020.

Wanita Abad Ke-21 diharap adalah wanita yang berfikir, yang sedar akan pergolakan yang berlaku di sekelilingnya. Suatu pencapaian positif ke arah Abad Ke-21 ialah dijangka penglibatan yang lebih tinggi dalam dunia antarabangsa, sekurang-kurangnya di peringkat pucuk pimpinan wanita.

Dengan adanya Dasar Pembangunan Nasional ini, kaum wanita kelihatan mempunyai potensi untuk memberi sumbangan yang lebih besar berdasarkan kemajuan yang akan dicapai pada dirinya sendiri serta penambahan ruang bagi

wanita untuk menggunakan potensinya. Sikap masyarakat terhadap wanita diharap akan lebih positif dan melihat sumbangan daripada perspektif yang lebih luas. Dengan ini wanita Malaysia dapat mengharap masa depan yang amat cerah di negara ini dan di dunia antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencungkil sedikit bahan Seminar yang saya hadiri pagi ini tadi iaitu seminar 'Women In Equilibrium' yang bertema 'Striking the Right Balance'. Seminar ini adalah satu langkah positif di dalam menyediakan wanita dengan pendekatan Wawasan 2020.

Saya ingin memetik hasrat seorang pembentang Kertas Kerja 'Religion and Women' iaitu Yang Amat Berbahagia Datuk Amar Puan Sri Hajjah Laila Taib, Ketua Wanita PERKIM Malaysia, iaitu dengan izin:

"The women of Malaysia want the memorandum on the National Policy on Women 1989, to be totally and fully incorporated into the National Development Policy and the Second Outline Perspective Plan, that embodies the policies of the New Development Policy, which is now being debated in our Parliament, to help correct the social and economic imbalances in Malaysia and enable Malaysia to be fully developed in terms of social justice and with moral values for all our citizens to build a caring society by the year 2020."

Jadi, sama ada Tuan Yang di-Pertua hendakkan saya terjemahkan balik kepada Bahasa Malaysia?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tidak perlu.

Puan Rohani binti Abd. Karim: Tidak perlu, tidak payah. Jadi, sebagai mengakhiri ucapan saya ini, saya ingin

mengakhirinya dengan serangkap pantun:

Padi menguning di tepi paya,
Bunga mawar amat disuka,
Tinggi manusia kerana budinya,
Tinggi bangsa dan masyarakat
kerana wanitanya. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini dan saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil-Adha. Sehingga kita berjumpa lagi pada hari Selasa nanti, sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tanjong Aru.

5.11 ptg.

Tuan Vun Shin Choi @ Joseph Voon (Tanjong Aru): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk turut membahas kandungan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 17hb Jun. Selaku warganegara Malaysia yang inginkan kemajuan pembangunan, saya menyokong penuh cita-cita RRJP2 yang telah dibentangkan. Saya yakin dan percaya bahawa setiap rakyat Malaysia yang setia dan sayangkan negara tentu sekali tidak menolak apa juga rancangan dan cadangan yang baik seperti RRJP2 itu.

Pada pendapat saya, RRJP2 termasuk Wawasan 2020 itu merupakan satu rangka tindakan ke arah permodenan atau, dengan lain perkataan, rangka tindakan perindustrian negara. Proses permodenan sama ada dirancang atau tidak dirancang adalah sesuatu yang harus berlaku sebab tamadun manusia pasti mengalami perubahan sosial atau, dengan izin, social changes. Dalam konteks RRJP2, perubahan sosial yang diinginkan adalah perubahan dari yang tidak baik kepada sesuatu keadaan yang baik sebagai contoh, dari rakyat yang berpendapatan rendah kepada rakyat yang berpendapatan tinggi. Pendek kata

RRJP2 boleh dikatakan sebagai social engineering, dengan izin, atau langkah tindakan ke arah matlamat negara Malaysia di peringkat tahap negara maju, yakni negara perindustrian seperti negara Jepun dan negara-negara Barat.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat itu mulia, baik dan boleh diterima. Soalnya di sini ialah dapatkah kita mencapai matlamat ini dalam suasana keadilan dan kebebasan. Apakah Kerajaan terus memperkukuhkan undang-undang dan amalan yang bertentangan dengan hak asasi kemanusiaan seperti ISA, OSI dan Akta Percetakan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, apa OSA itu?

Tuan Vun Shin Choi @ Joseph Voon: OSA, maaf, atau apakah Kerajaan akan terus memperkukuhkan undang-undang seperti ini dengan mengadakan pindaan demi pindaan. Saya berpendapat bahawa pembangunan dan kemajuan itu tidak tertumpu kepada pembangunan material semata-mata. Pembangunan itu seharusnya mengambil kira pembangunan manusia secara total atau, dengan izin, total human development. Sebagai contoh, jika sekiranya seluruh rakyat telah meningkatkan pendapatan dari \$300 kepada \$1,000 sebulan, tetapi rakyat berada dalam ketakutan kalau-kalau ditangkap tanpa dibawa ke pengadilan mahkamah, saya rasa tidak ada erti pembangunan. Apalah gunanya kita mendapat segala-gala kebendaan di dunia, tetapi tidak ada kebahagiaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai matlamat RRJP2, haruslah kita mengambil kira beberapa langkah sebelum kita betul-betul mencapai kesempurnaan hidup di negara kita Malaysia. Langkah-langkah itu adalah seperti berikut:

- (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) hendaklah dihapuskan. Undang-undang ini bukan sahaja

adalah menyebabkan negara kita Malaysia disenaraikan sebagai negara yang rendah kebebasan, tetapi juga adalah mencabuli hak-hak asasi kemanusiaan. Sudah ramai rakyat Malaysia yang telah ditahan bertahun-tahun tanpa dibawa ke muka pengadilan. Mangsa tahanan dan keluarga mereka merana dan menderita seolah-olah mereka telah melakukan jenayah. Negara-negara asing khususnya pelabur-pelabur asing sudah merasa curiga untuk terus melabur di negara kita dalam keadaan seperti ini. Pada ketika ini, apa yang jelas ialah terlalu besar bilangan pelabur tempatan yang membawa modal mereka keluar negeri kerana mereka tidak yakin dengan kestabilan politik di negara kita Malaysia. Sebagai contoh, majalah *Far Eastern Economic Review* dalam keluaran bulan April, melaporkan bahawa, dengan izin, capital flight dari Malaysia dianggarkan sejumlah billion ringgit pada tahun lepas.

- (2) Soal perhubungan Kerajaan Persekutuan dengan Sabah dan Sarawak hendaklah diselesaikan. Masalah perhubungan Sabah dengan Kerajaan Persekutuan timbul kerana telah banyak hak-hak Sabah telah dicabuli. Hak-hak yang dimaksudkan adalah hak-hak yang terkandung dalam syarat-syarat pembentukan negara Malaysia. Sabah, Sarawak dan Singapura telah bersetuju membentuk Malaysia bersama Malaya atas syarat-syarat yang telah dipersetujui. Asas syarat-syarat itu ialah Memorandum 20 Perkara yang kemudiannya dimuatkan di dalam Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC).

Sebahagian daripada syarat-syarat itu telah dimuatkan dalam Perjanjian Malaysia seterusnya dalam Perlembagaan Persekutuan, namun pada hari ini hak-hak dan perlindungan-perindungan Sabah dan Sarawak dalam Perlembagaan Persekutuan, beberapa peruntukan telah pun dimansuhkan. Syarat-syarat 20 perkara sudah lama tidak diperakui, atas sebab-sebab inilah rakyat Sabah tidak berpuas hati. Walau bagaimanapun, jika sekiranya Perjanjian Malaysia itu dikaji semula sejajar dengan aspirasi rakyat masa kini, sudah tentu hubungan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sabah akan bertambah baik.

Seterusnya kestabilan politik negara terjamin. Dengan adanya kestabilan politik Kerajaan dan rakyat akan mempunyai masa yang lebih untuk menjalankan program pembangunan. Mungkin juga ada yang menyatakan bahawa kenyataan saya ini dianggap anti Persekutuan. Tidak, saya bukan anti Persekutuan, saya cuma menyatakan aspirasi rakyat Malaysia iaitu Perjanjian Malaysia dan IGC itu harus dikaji semula. Ini fakta dan berkenaan, bukan tuduhan. Selagi perkara ini tidak dikaji, selagi itulah perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat Malaysia terhadap Kerajaan Persekutuan wujud.

Sebagai contoh dalam laporan Ahli Jawatankuasa antara Kerajaan (IGC), Annex B mukasurat 9 para 5 menyatakan, dengan izin:

“Borneonisation of the public service in the Borneo States is a major objective or policy. For a number of years to come special arrangements will be necessary to secure this objective and to protect the legitimate interests of the native people.”

Penyertaan ini juga dalam 20 perkara. Walaupun dengan penyertaan ini Kerajaan Persekutuan telah menghantar pegawai-pegawai Melayu dari Semenanjung untuk mengambilalih

jawatan-jawatan dalam jabatan Persekutuan dan agensi di Sabah. Pada tahun 1989, daripada 89 jawatan Persekutuan dan agensi di Sabah hanya 19 diketuai oleh anak watan Sabah dan daripada 68 pegawai Semenanjung, 58 pegawai Melayu, 1 India dan 9 Cina.

Keadaan ini dengan jelas mem-perlihatkan bagaimana perjanjian IGC tidak dilaksanakan, yang boleh dikatakan sebagai saduran daripada 20 perkara dicabuli. Inilah antara lain kenapa rakyat Sabah merasa tertindas dan tertipu, dengan izin, "That is why Sabahans are unhappy." Bukan kami anti ini, anti itu. Kami ada asas dan sebab-sebab. Contoh ini dengan jelas menunjukkan bahawa hak perlindungan dan keistimewaan natives di Sabah tidak dipedulikan langsung. Inilah bukti bahawa bumiputera Sabah adalah bumiputera kelas 2, mereka di-anaktirikan.

Perlembagaan Persekutuan telah dipinda pada Ogos 1976 dengan memberikan taraf bumiputera Sabah dan Sarawak sama dengan orang Melayu di Semenanjung. Tetapi oleh kerana perlindungan bumiputera Sabah dan Sarawak sudah dimansuhkan dalam Fasal 161A Perlembagaan Persekutuan, maka keistimewaan mereka tercabul. Saya berharap dalam RRJP2 kedudukan istimewa bumiputera Sabah dan Sarawak akan diberi kedudukan yang sewajarnya. Saya juga berharap kemiskinan-kemiskinan di bandar akan dapat diatasi pada jangka masa yang sama.

Ketiga, tuntutan-tuntutan Sabah berdasarkan kepada perjanjian penubuhan Malaysia hendaklah dikaji. Antara tuntutan Sabah dan Sarawak yang paling penting ialah peningkatan bahagian royalti minyak daripada 5% kepada 50% seharusnya dikaji secara terperinci. Tuntutan Sabah ini adalah berdasarkan syarat 20 perkara. Saya khawatir jika sekiranya tuntutan ini tidak dikaji dan dirunding semula, rakyat

Sabah dan Sarawak akan terus ketinggalan terutama sekali dalam pembangunan infrastruktur. Setakat ini Kerajaan Persekutuan telah gagal menyediakan kemudahan infrastruktur, seperti jalan raya, jambatan, kemudahan-kemudahan elektrik dan bekalan air.

Saya berpendapat jika sekiranya Kerajaan Negeri mempunyai kewangan yang mencukupi, kemudahan-kemudahan ini dapat dilaksanakan dengan segera. Menurut pengalaman yang lepas, Kerajaan Negeri terpaksa mengeluarkan kewangannya sendiri untuk menyediakan kemudahan-kemudahan di atas. Pihak Persekutuan tidak pernah mengambil berat tentang masalah ini kerana mereka tidak mengetahui masalah yang dihadapi oleh rakyat Sabah.

Para Menteri Persekutuan kurang membuat lawatan ke Sabah terutama sekali di kawasan pedalaman. Atas alasan inilah pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri (yang sentiasa berdamping dengan rakyat dan lebih mengetahui masalah mereka, dapat merancang dan melaksanakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh rakyat), meminta agar Perjanjian PETRONAS dikaji semula. Pemimpin-pemimpin Sabah berkali-kali diminta menunjukkan sincerity. Bagaimana lagikah kami membuktikan keikhlasan kalau rakyat Sabah tidak dipedulikan.

Keempat, tingkatan kemudahan infrastruktur dan turunkan tarif elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai RRJP2, peningkatan kemudahan infrastruktur dan penurunan tarif elektrik adalah satu syarat yang paling penting. Bagaimanakah kita akan dapat mengadakan kemajuan perindustrian, jika sekiranya kemudahan infrastruktur tidak baik. Tentunya pelabur asing tidak akan datang melabur ke Sabah.

Baru-baru ini Konsul Jepun di Kota Kinabalu telah menyatakan bahawa pelabur-pelabur Jepun tidak berminat melabur di Sabah, sebab Sabah, di antara lain kekurangan, dengan izin, trainable labour, kekurangan bekalan air, kekurangan kemudahan infrastruktur dan sebagainya.

Di sini jelas bahawa Sabah memerlukan lebih banyak sekolah vokasyenal, sekolah menengah, universiti dan kolej.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Batang Lupar.

5.32 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang di-Pertua dan syukur alhamdulillah kerana telah memberi peluang kepada saya untuk bercakap sepatah dua kata untuk membahaskan Dasar Pembangunan Nasional yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat awal minggu lalu. Usul Perdana Menteri di dalam pembentangan Rangka Rancangan Jangka Panjang Yang Kedua (RRJP2) meliputi tempoh 1991-2000 dan dasar yang digubalkan telah diberi nama Dasar Pembangunan Nasional (DPN). Ini akan mengukuhkan lagi pencapaian yang telah dijayakan di sepanjang RRJP1 (1971-1990).

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak boleh dinafikan pencapaian yang dibuat di dalam RRJP1 dengan Dasar Ekonomi Baru yang baru lalu, di dalam rancangan Kerajaan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, di dalam usaha untuk memperbaiki ketidakseimbangan sosial dan ekonomi masyarakat di Malaysia, di dalam jangka masa pelaksanaan RRJP1

(1970-1990), telah menerima dan mengalami pertumbuhan ekonomi yang begitu baik dan kestabilan politik dan rakyat Malaysia juga mempunyai hidup yang bermutu dan bernilai tinggi. Keharmonian hidup di antara masyarakat majmuk adalah sangat mengagumkan.

Tuan Yang di-Pertua, di sebalik kejayaan ini masih ada lagi ketidakseimbangan dan ketidakseimbangan yang terdapat di negara ini terutama sekali di negeri-negeri yang kurang maju seperti di Sabah dan Sarawak.

Oleh kerana telah banyak kita dengar Ahli Yang Berhormat di Dewan ini tadi berucap, meyebutkan dasar keseluruhan negara, biarlah saya menyebut perkara-perkara yang specific, dengan izin. Sebagai contoh kelemahan yang terdapat di dalam Dasar Ekonomi Baru yang telah lalu, di Sarawak umpamanya masih banyak rakyat kita duduk di pendalaman dan di tempat terpencil yang belum mempunyai kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan api, air dan infrastruktur yang sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya menyebut perkataan "tempat yang terpencil dan di pendalaman di Sarawak," biarlah saya memberi satu penjelasan. Tempat yang terpencil dan di pendalaman di Sarawak adalah jauh bezanya dengan tempat yang terpencil dan di pendalaman di Semenanjung Malaysia, kerana tempat yang dikatakan terpencil di Sarawak adalah satu tempat yang betul-betul terpencil. Mungkin kita terpaksa naik kereta sejam dan naik bot besar lagi sejam dan berjalan kaki dua jam baru sampai ke tempat itu. Keadaan rakyatnya adalah dalam keadaan miskin dan daif. Syukur alhamdulillah, dengan kebaikan yang ada di bawah RRJP2 ini, saya berharap masyarakat yang di pendalaman dan terpencil ini boleh dikenalpasti dan diberi kemudahan asas untuk meninggikan lagi mutu hidup dan sosio-ekonomi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mempertunjukkan bagaimana rakyat Sarawak hidup terutama sekali rakyat di kawasan terpencil. Ada segolongan rakyat Malaysia kita di Sarawak yang terpaksa mengharungi laut, merentas hutan untuk pergi ke sekolah dan ke klinik. Ada lagi kampung yang hendak menghantar anaknya bersekolah di pagi hari sebelum subuh, menyeberang lautan, mengharungi Batang Lupar umpamanya di mana ibu-bapa sentiasa di dalam keadaan kecemasan, takutkan laut bergelora, ribut dan taufan melanda di samping takutkan jerung dan buaya. Umpamanya, kampung yang terpencil masih ada lagi yang belum mempunyai kelinik dan sekolah. Masih ada ibu mengandung yang dihantar dengan berjalan kaki ke klinik terpaksa bersalin dan melahirkan anak di tepi jalan, di dalam perahu atau di dalam sampan. Ada yang terpaksa melintasi semak dan duri mengharungi lautan dalam dan anak sungai. Ada yang terpaksa merentas tepian Laut China Selatan, selanjutnya barulah sampai ke klinik.

Tuan Yang di-Pertua, bayangkanlah penderitaan mereka ini. Tanaman-tanaman mereka tidak boleh disampaikan ke pasar jualan, dagangan mereka tersepit oleh kerana tidak ada saluran penjualan, oleh kerana kesusahan atau kesulitan pengangkutan untuk mengangkut hasil cucuk-tanam mereka. Kerana pengangkutan mereka adalah semata-mata bergantung kepada pasang-surut air di sungai, cuaca dan gelora laut, kemiskinan tidak akan dapat dibasmi melainkan kemudahan asas ini disempurnakan dahulu.

Masyarakat nelayan tradisional di Sarawak juga mengalami beberapa masalah seperti kelambatan pihak Kementerian/Jabatan Perikanan untuk memproses dan mengeluarkan lesen yang tertentu. Bahkan ada permohonan yang dibuat pada awal tahun 1990 masih belum mendapat jawapan sehingga sekarang. Kesusahan untuk keluar ke

laut di musim tengkujuh juga satu masalah yang besar, terutama sekali di antara bulan Oktober hingga Februari. Oleh itu, saya ingin mencadang dan mengesyorkan agar pihak Kementerian bukan sahaja merancang dan mencari punca lain di samping memberikan pertolongan terus kepada masyarakat nelayan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju dan memahami penekanan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membentuk usahawan dan peniaga bumiputera yang berkualiti, kerana dengan penekanan ini sahajalah boleh kita mengeluarkan peniaga dan usahawan bumiputera yang berkebolehan dan mampu bersaing di dalam kalangan masyarakat perniagaan dan usahawan lain yang lebih sophisticated, dinamik dan progresif.

Dalam kita membentuk usahawan dan peniaga yang berkualiti, kita sepatutnya juga memperbanyakkan lagi penglibatan bumiputra di dalam bidang-bidang perniagaan dan perdagangan. Ini adalah untuk mengelakkan terbentuknya masyarakat peniaga dan pedagang elit yang kaya-raja, berkorporat gergasi dan mendapat keuntungan yang besar tetapi yang kecil dilupa, terbiar dan tertindas. Dengan itu yang kaya menjadi kaya dan lebih kaya lagi dan yang ingin mencuba dan yang kecil tidak mendapat kemahiran seperti yang dikehendakkan. Dari itu timbulkan pula masyarakat yang miskin menjadi lebih miskin dan terbiar. Dari itu selaras dengan hakikat dan semangat RRJP2, saya berseru agar pengeluaran lesen, permit, kuota dan kontraktor, terutama sekali kepada rakyat-rakyat bumiputera di negeri-negeri yang lebih mundur, terutamanya di negeri Sarawak, sepatutnya jangan dibekukan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Wawasan 2020 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang terkandung di dalam RRJP2 ini, ternyata sekali Kerajaan telah dipertanggungjawabkan

bukan sahaja untuk merancang dan mengawasi penjuruteraan sosial atau social engineering, dengan izin, yang digubal untuk mengurangkan ketidak-seimbangan sosio-ekonomi di dalam masyarakat, tetapi juga untuk menseimbangkan pembangunan sosial dan ekonomi, bukan sahaja dari segi moral dan fizikal di antara Wilayah melalui integrasi nasional, oleh kerana ketidak-seimbangan inilah yang boleh menjejaskan integrasi nasional itu sendiri. Pada hala mana RRJP2 itu dihalakan.

Dari itu saya syorkan agar semua formula-formula, umpamanya, dalam pengagihan peruntukan pembangunan luar bandar yang berasaskan kepada banyaknya rakyat di negeri-negeri, yang telah lapuk dan yang tidak sesuai untuk digunakan patutlah diketepi dan tidak digunakan lagi dan patutlah diganti dengan formula-formula yang lebih baik supaya negeri yang besar seperti negeri Sarawak tidak seterusnya ketinggalan dalam segi pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun penekanan banyak diberi kepada kemajuan dan kejayaan pihak usahawan dan peniaga tetapi kita hendaklah jangan lupa kepada pihak profesional bumiputera yang masih banyak ketinggalan dan diketepikan kerana mereka ini juga sepatutnya mendapat pengagihan nikmat di bawah dasar-dasar negara.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya merujuk kepada liputan akhbar pada 8hb Mei, 1991, di mana Persatuan Peguam Islam Malaysia melaporkan telah membuat satu rungutan menyatakan bahawa bank-bank tidak menunjukkan keseimbangan di dalam mengagihkan kerja-kerja kepada pihak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, rujukan ini adalah benar dan nyata, bahkan ada syarikat guaman bumiputera dimasukkan ke dalam senarai peguam-peguam Bank atau syarikat-syarikat

yang diambil sebagai, window dressing, dengan izin, tetapi kerja undang-undang semua diberi kepada peguam bukan bumiputera. Sebaliknya institusi-institusi yang diuruskan oleh orang bumiputera biasanya mengagihkan pekerjaan dengan keseimbangan dan seadil-adilnya. Dengan itu timbullah ketidak-seimbangan peluang di dalam perusahaan peguam ini. Ini bukan sahaja di kalangan profesional sebagai peguam, mungkin juga berlaku kepada profesional-profesional yang lain. Dari itu saya berpendapat ketidak-seimbangan ini patutlah diselaraskan supaya pihak profesional jangan menjadi sasaran kepada pihak yang tidak bertanggungjawab dan memberi bebanan kepada profesional itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya tetap tidak mencurigai kebaikan wawasan yang dijelaskan di dalam RRJP2, tetapi saya berdoa dan menyeru kepada semua pihak agar menyelenggarakan dasar-dasar berkenaan dengan baik, jujur dan peka kepada kehendak-kehendak rakyat berkenaan sejajar dengan semangat dan tujuan RRJP2. Insyallah Malaysia akan maju-jaya bukan sahaja di Semenanjung, tetapi juga di Sarawak dan di Sabah. Dengan itu saya menyokong usul-usul tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Petaling Jaya.

5.45 ptg.

Dr Kua Kia Soong (Petaling Jaya):
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua Kerajaan merupakan satu dokumen bijak Barisan Nasional mengenai penipuan diri sendiri. Ia menunjukkan bahawa Barisan Nasional telah gagal menyahut pandangan dan pendapat rakyat Malaysia yang telah melahirkan

ketidakpuasan mereka dengan pelaksanaan DEB dan telah mengharapkan jaminan dan sesuatu yang lebih baik dalam RRJP2.

Pertamanya, Barisan Nasional telah gagal menghadapi masalah yang paling penting iaitu cara di mana DEB telah memecah-belahkan masyarakat Malaysia dan memburukkan polarisasi kaum. RRJP2 menjanjikan dasar yang sama yang kita telah menderita sepanjang 20 tahun lalu dengan hanya rujukan-rujukan token dibuat terhadap kepentingan orang-orang bukan bumiputera.

Kedua, ia telah gagal menganalisis kos ekonomi sebenar DEB. Akibatnya pertumbuhan ekonomi yang kita telah saksikan sepanjang dua dekad kebelakangan ini merupakan pertumbuhan tanpa kemuliaan ataupun *growth without glory*, dengan izin. RRJP2 telah menghampakan rakyat Malaysia yang telah mengharapkan penubuhan satu jenis Suruhanjaya Pengesanan Bebas untuk memastikan tidak lagi akan berlaku penyelewengan-penyelewengan yang memusnahkan perhubungan kaum di negara ini. Rakyat Malaysia telah mengharapkan satu morality baru yang akan membuatkan kita semua berasa bangga kerana hidup di dalam sebuah negara yang menghormati keadilan sosial, kebebasan demokrasi dan hak-hak manusia telah hampa apabila RRJP2 hanya memuatkan kenyataan-kenyataan yang sah ke arah ini tanpa komitmen yang positif.

Nampaknya Barisan Nasional telah gagal menghadapi kos ekonomi negara yang tinggi. DEB yang dicipta sebahagian besarnya oleh strategi politik golongan elit yang memerintah di dalam UMNO apabila pengumpulan modal dirampas oleh oportunist-oportunist politik dan perkauman di dalam UMNO dengan sokongan rakan-rakan mereka yang sama oportunist di dalam MCA, GERAKAN dan MIC.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kesan memecah-belah DEB, adalah menjadi satu hakikat yang diketahui ramai bahawa polarisasi kaum masyarakat Malaysia telah diburukkan oleh pelaksanaan DEB. Hakikat ini telah diiktiraf penuh oleh bekas Perdana Menteri Tun Hussein Onn, oleh para akademik dan juga oleh parti-parti komponen Barisan Nasional iaitu MCA dan GERAKAN. Kerajaan telah menjadikan isu-isu mengenai kemiskinan dan pemilikan kekayaan sebagai isu-isu perkauman sedangkan pendekatan yang tidak bersifat perkauman boleh digunakan. Akibat ini bukan sahaja penduduk-penduduk di kampung baru Cina dan pekerja-pekerja ladang keturunan India juga diabaikan, tetapi juga lain-lain rakyat bumiputera seperti Orang-orang Asli, Dayak dan Kadazan. Kerajaan sepatutnya dapat mengenalpasti dengan mudah sektor sosio-ekonomi untuk bantuan khusus atau menggunakan insentif fizikal untuk menjalankan penyusunan semula pengambilan pekerja yang lebih disenangi kerana ia tidak mengira kaum. Sebaliknya Kerajaan memilih satu polisi yang menyesuaikan strategi politiknya yang cenderung terhadap bumiputeralisma.

Oleh kerana tidak mahu kalah dalam permainan perkauman ini, baru-baru ini pemimpin besar MIC telah mencadangkan bahawa kaum India harus diberi satu kedudukan untuk diskriminasi yang positif seakan kedudukan semi-bumi, dengan izin, atau separa bumi. Ini tentu merupakan satu cadangan yang mementingkan diri sendiri oleh seorang pemain soal perkauman berpandangan singkat yang tidak mementingkan persefahaman antara etnik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam proses ini seperti yang ditunjukkan oleh keputusan pilihanraya yang lalu, 48% daripada pengundi-pengundi Malaysia tidak tertarik hati dengan polisi BN. Ini termasuk bumiputera seperti yang berlaku di Kelantan, Sabah dan oleh

kerana pilihanraya negeri Sarawak akan diadakan di Sarawak, begitu juga keadaan di Sarawak.

Ramai warganegara yang lain seperti golongan profesional yang begitu diperlukan dalam pembangunan negara telah berhijrah dengan perasaan jijik mengakibatkan berlakunya 'brain drain' yang baru-baru ini disuarakan oleh Naib Canselor Universiti Malaya. Hakikatnya ialah seperti yang kita semua maklum, sebahagian besar daripada kekayaan, penyusunan tersebut telah diambil oleh golongan elit yang mempunyai perhubungan baik dengan barisan pemimpin kepimpinan BN.

Seperti yang dinyatakan oleh RRJP2, terdapat ketidaksamaan pendapatan yang lebih besar dalam lingkungan masyarakat bumiputera. Ketidaksamaan antara pendapatan isi rumah yang paling tinggi dan paling rendah ialah 9.2 kali berbanding dengan golongan kaum Cina iaitu kira-kira 8.6 kali. Pada tahun 1986 satu pendedahan menunjukkan bahawa 4.4% ke atas pelabur-pelabur ASN memegang lebih daripada 70% jumlah besar pelaburan ASN. Perubahatan kepentingan perniagaan kepimpinan BN tertinggi jelas kelihatan dalam hal ehwal UMBC Multipurpose pada beberapa tahun dahulu apabila kepentingan korporat elit UMNO dan MCA yang melibatkan akhirnya dimaksimumkan selepas mereka mengacau berbagai kekotoran perkauman tentang Melayu lawan Cina seperti yang didakwa.

Selain daripada itu, pengukuran Kerajaan tentang kekayaan dengan menggunakan pendapatan sahaja adalah diragui kerana faktor-faktor lain seperti keupayaan tanah, biasiswa Kerajaan, perkhidmatan, kemudahan dan subsidi-subsidi harus juga diambil kira. Sementara negara-negara seperti Jepun, Taiwan dan Korea Selatan mengambil langkah yang tegas tetapi perlu untuk melaksanakan pembaharuan tanah dengan tujuan membangunkan sektor pertanian mereka dan juga mening-

katkan pendapatan luar bandar, BN memilih kaedah yang tidak ekonomi dan hujah-hujah perkauman untuk cuba mengurangkan masalah-masalah orang Melayu.

Selain daripada skim diskriminasi yang terang-terang seperti ASN yang mengecualikan bukan bumiputera, terdapat banyak batasan bumiputera di dalam perkhidmatan awam, agensi-agensi Kerajaan, kawasan perumahan dan institusi-institusi pendidikan yang dihasilkan oleh sistem kuota perkauman yang bertujuan untuk memecah-belahkan rakyat Malaysia dan bukan menyatupadukan mereka.

Kepada dasar negatif sepanjang tempoh DEB, RRJP2 tidak bercadang untuk mengundur atau memohon maaf tetapi memberikan pelaksanaan dasar sekeping cek kosong untuk menjalankannya seperti terdahulu. Sekali lagi janji yang telah diberikan dalam DEB iaitu tiada golongan khusus akan mengalami sebarang kerugian atau berasa sebarang perasaan dirampas telah diberikan tanpa keyakinan diberikan dalam RRJP2 tetapi siapa yang akan mengawasi ini?

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan tanpa pemunyaan adalah kesan ekonomi DEB. Sementara Kerajaan BN berasa megah dengan pertumbuhan ekonomi yang dinikmati oleh negara semasa DEB, ingin kami mengingatkan negara tentang kos ekonomi yang serius yang diakibatkan oleh Kerajaan semenjak bertahun-tahun ini. Kredit bagi pertumbuhan ekonomi hendak diberi pertama kalinya kepada semua pekerja Malaysia yang telah bekerja di bawah keadaan yang tidak berdemokratik yang dicipta oleh BN, para usahawan Malaysia yang telah melabur di negara ini walaupun wujudnya halangan-halangan yang diwujudkan oleh Kerajaan di bawah DEB serta tanahair kita yang kaya dengan pelbagai sumber semula jadi. Apakah kita harus berasa bangga dengan tahap pembangunan

ekonomi kita pada hari ini? Itu akan bergantung kepada negara manakah yang kita ingin bandingkan. Mereka yang berusaha ke arah mutu kecemerlangan dan standard moral yang tinggi hanya akan melihat ke arah cita-cita tersebut dan melakukan seberapa baik yang boleh. Tiada perbandingan sama sekali sebaliknya Kerajaan BN berlagak seperti the proverbial fool, dengan izin, yang berasa bangga kerana berada sedikit atas daripada hujung longgokan. Dengan lain-lain perkataan, "kamu tidak boleh mencapai mutu dan kecemerlangan serta standard moral yang tinggi sekiranya kamu menggunakan negara-negara mundur sebagai kayu ukuran".

Jika sekiranya kita menimbang bahawa dalam hal tahun 60an, negara kita jauh ke hadapan dari segi ekonomi berbanding dengan Taiwan dan Korea Selatan dalam erti kata perkapita GDP, maka apakah sebabnya kita harus berasa bangga hari ini? Singapura yang tidak memiliki sebarang sumber semula jadi yang dimiliki oleh negara kita berada jauh di hadapan kita dan pada hari ini rakyat Malaysia tidak berasa bangga dengan nilai ringgit Malaysia apabila mereka menyeberangi tambak Johor. Kita hanya bertuah kerana negara maju telah memilih rantau Asia Pasifik untuk melabur. Pemimpin-pemimpin BN telah membazirkan banyak sumber-sumber negara untuk mencipta lebih ramai jutawan untuk racial ego, dengan izin, dan bukan sebaliknya mengambil kesempatan keadaan ini untuk mewujudkan kecekapan ekonomi yang lebih baik melalui dasar-dasar yang rasional seperti dilakukan oleh negara-negara kecil. Walaupun gaya pemimpin-pemimpin BN adalah anti Barat, kepentingan asing telah diberi layanan yang lebih baik berbanding dengan pelabur-pelabur dan para usahawan tempatan.

Semasa urusan penyusunan semula dijalankan di bawah DEB, kepentingan orang-orang bukan bumiputera tempatan

telah terugi apabila campur tangan Kerajaan di dalam pasaran menyebabkan harga saham yang dikeluarkan untuk kepentingan orang-orang Melayu dijual bawah harga pasaran. Syarikat-syarikat asing berjaya mendapatkan harga pasaran yang lebih sebenar disebabkan syarikat-syarikat tersebut disenaraikan di pasaran antarabangsa. Ini telah dibangkitkan di dalam satu seminar politik anjuran MCA dalam tahun 1980. Di sini kami nampak di luar Dewan dan dalam masyarakat Tionghua, dalam suratkhbar Cina, pemimpin-pemimpin MCA dan juga GERAKAN cakap banyak mengenai ketidakpuasan orang bukan bumiputera. Di sini di dalam Dewan ini, mereka pula bersetuju dengan segala-gala kandungan dalam RRJP2. Ini adalah perbuatan orang-orang pengecut dan penakut.

Sikap Kerajaan terhadap industri-industri kecil dan sederhana ataupun SMI adalah juga buruk. Di semua negara perindustrian baru (NIC), industri-industri seumpama ini telah menjadi asas bagi perindustrian negara-negara tersebut kemudian meskipun Kerajaan disarankan memberi sokongan positif kepada SMI ini. Saranan itu tidak dihiraukan apabila Bank Dunia memberi sedikit bantuan kepada SMI dalam pertengahan 1980an, Kerajaan tidak memperluaskan bantuan tersebut kepada SMI milikan orang-orang bukan bumiputera sungguhpun 90% sektor tersebut dikuasai oleh mereka. Bantuan tersebut hanya disalurkan kepada orang-orang bukan bumiputera dalam SMI apabila orang-orang bumiputera sendiri tidak mengambilnya. Adakah sikap ini membayangkan satu Kerajaan yang betul-betul hendak memperkembangkan industri negara ini dan memastikan tiada golongan khusus akan mengalami sebarang kerugian atau berasa sebarang perasaan dirampas?

Dalam pertengahan tahun 1980an, peraturan-peraturan yang dikenakan oleh Kerajaan telah menghalang pelaburan-pelaburan tempatan di-

laburkan di dalam sektor pembuatan dan pihak Kerajaan lebih berminat di dalam industri berat sedangkan tiada industri dan pasaran tambahan. Kesannya masih belum dikira lagi. Selain daripada kesan ekonomi jangka panjang ke atas projek kereta negara, kita juga harus mengira kesan ke atas alam sekitar yang disebabkan oleh pengeluaran ekzos, pemusnahan hutan untuk membina lebuh raya, kesesakan lalu-lintas dan sistem pengangkutan awam yang terabai untuk sebilangan besar rakyat Malaysia.

Sebuah sistem pengangkutan awam yang murah dan cekap haruslah menjadi bahagian integral program negara untuk membasmi kemiskinan relatif dan di samping itu menyediakan tenaga kerja yang lebih cekap dan produktif. Apabila Kerajaan memutuskan untuk meliberalkan syarat-syarat pelaburan untuk pelabur-pelabur asing dalam bulan Oktober 1986, Kerajaan tidak pula mengenakan syarat-syarat atau kaedah-kaedah yang sama atau lebih baik untuk pelabur-pelabur tempatan. Pemborong-pemborong asing juga telah diberi keutamaan dalam pembinaan lebuh raya-lebuh raya, jambatan-jambatan, bangunan-bangunan mencakar langit dan lain-lain projek mewah. Antara projek-projek yang paling bodoh sekali ialah Snow Garden, dengan izin, di Shah Alam yang menelan belanja berjuta-juta ringgit. Setiap rakyat Semenanjung Malaysia harus berasa malu untuk memberitahu rakyat negeri Sarawak dan Sabah bahawa terdapat sebuah snow garden di Semenanjung sedangkan Lebuh raya Pan-Borneo adalah dalam keadaan yang lebih buruk daripada sebatang jalan estet yang terdapat di Semenanjung Malaysia.

Pergantungan terlalu banyak ke atas pelaburan asing menunjukkan kegagalan DEB untuk maju dan melebarkan asas industri ataupun industrial based ekonomi Malaysia. Negara membelanjakan kira-kira \$5 billion setiap

tahun dalam penghantaran balik pelaburan ke luar negeri dan ini merupakan separuh daripada deficit tahunan daripada pendapatan dari perkhidmatan. Kritikan skandal-skandal dan kegagalan perusahaan-perusahaan awam yang mengalami kerugian pada akhirnya merupakan satu bill yang tidak boleh diperhitungkan yang ditinggalkan oleh DEB.

Pada pertengahan tahun 70an hampir semua Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri ataupun PKEN telah mengalami kerugian. Pada tahun 1981 Menteri Perusahaan Awam mendedahkan bahawa daripada 260 buah syarikat, 94 buah telah mengalami kerugian dan 21 buah lagi belum beroperasi. Untuk PKEN, bunga yang dikenakan ke atas pinjaman Kerajaan telah dibatalkan dan mereka dikecualikan daripada cukai keuntungan sehingga 1990. Dalam usaha sama kilang gula dengan Falcon Sugar Works Bombay pada tahun 1975, PKEN Negeri Sembilan telah rugi sebanyak \$30 juta. Pengurus-pengurus yang gagal dalam tugas mereka tidak dihukum. Sekali lagi dalam skandal Bank Rakyat pada pertengahan 70an lebih daripada \$100 juta telah hilang dalam penipuan dan penggelapan. Dalam tahun 1983 daripada 55,000 pinjaman yang dikeluarkan oleh MARA kepada peniaga Melayu, hanya 6,000 sahaja yang dibayar balik. Dalam ibu kepada segala skandal ataupun the mother of all scandals, skandal \$2.5 billion BMF telah lenyap sebagai hutang lapok kepada Syarikat Hongkong Carrian. Semasa kegagalan pengembaraan pasaran timah dalam pertengahan 80an, Kerajaan mengambil risiko yang besar dalam menggunakan sumber kewangan awam untuk memperolehi perolehan jangka pendek dan bukannya menggunakan modal tersebut dengan cara produktif.

Kita boleh nampak satu industri yang maju sekali dalam masa DEB iaitu industri skandal. Nampaknya satu lagi

skandal telah terbongkar oleh bekas colleage saya dari Universiti Kamunting, iaitu Yang Berhormat dari Nilam Puri, kehilangan berbillion ringgit ini telah membebaskan ekonomi yang meletakkan kita dalam keadaan yang amat sukar semasa kemelesetan antarabangsa pada pertengahan 80an. Soal kecekapan ekonomi tidak pernah ditekankan. Kerugian-kerugian ini ditanggung oleh sebahagian besar sumber-sumber ekonomi negeri.

Pemberian perniagaan pada asasnya ialah penaungan politik oleh pemimpin-pemimpin UMNO. Amalan seperti ini hanya menggalakkan pengejaran kedudukan dan cara hidup yang sewenang-wenangnya dan bukan penghasilan dan penggerakan.

Kelohan yang kita dengar dalam RRJP2 menyuarakan kekurangan syarikat perdagangan dan perindustrian bumiputera adalah hipokritikal dan merupakan kelohan buaya. Bagaimana Kerajaan boleh menyeksa bumiputera yang tidak berjaya sedangkan bumiputera yang berjaya memperolehi kedudukan hari ini melalui perhubungan politik mereka dan campurtangan Kerajaan dalam membuka peluang milik syarikat-syarikat tempatan dan luar negeri. Kumpulan UMNO putra yang mempunyai keistimewaan dinamakan oleh sosiologis sebagai parasitic bourgeoisie, dengan izin. Sumbangan mereka kepada penghasilan peluang pekerjaan dan mempelbagaikan ekonomi adalah minimal. Kebanyakan pertumbuhan mereka datangnya daripada membeli syarikat-syarikat pada harga yang baik dan melupuskannya bila harga melambung tinggi.

Sepanjang masa ini peniaga Melayu yang kecil telah marah akan persaingan daripada Kerajaan dan beberapa kapitalis Melayu yang besar iaitu UMNO putra. Aduan ini kedengaran sekali lagi baru-baru ini oleh peniaga-peniaga Melayu terhadap PKEN Johor.

Tuan Yang di-Pertua, amat penting kita mewujudkan satu suruhanjaya bebas untuk mengawasi penyelewengan dan saya tidak mengulangi lagi apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong. Oleh yang demikian, kita tidak boleh diharap menerima RRJP 2 tanpa sebuah suruhanjaya pengawasan yang bebas. Garispanduan yang ketat mesti diadakan untuk menjamin pelaksanaan dasar yang dicadangkan dengan adil dan komposisi suruhanjaya ini mesti mencerminkan berbagai lapisan masyarakat Malaysia. Rakyat memerlukan beberapa jaminan agar janji-janji ini akan ditepati.

Bahawa keperluan semua masyarakat akan diambil kira.

Bahawa ketidak samaan dalam setiap masyarakat etnik akan dikurangkan.

Bahawa kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif akan diatasi dengan serius tanpa mengira kaum.

Bahawa Kerajaan akan berusaha sedaya upaya ke arah satu masyarakat yang demokratik, liberal, bertoleransi, progresif dan penyayang.

Bahawa terdapat usaha ke arah satu masyarakat yang adil dan saksama.

Bahawa terdapat pengurusan yang berhati-hati dalam sumber-sumber asli dan ekologi kita.

Bahawa terdapat perkhidmatan dan kemudahan untuk membantu golongan berpendapatan rendah.

Bahawa penswastaaan aset negara tidak dimonopoli oleh kepentingan yang dijaga baik tetapi diperuntukkan dengan adil dan saksama.

Bahawa terdapat nisbah perwakilan dan lebih baik bagi bukan bumiputera dalam perlantikan sektor awam.

Semua ini bukan kata saya, tetapi semua ini kandungan RRJP2.

Tuan Yang di-Pertua, apa syarat-syarat yang perlu untuk Wawasan 2020? Seperti Wawasan Perdana Menteri untuk tahun 2020, RRJP2, kekurangan semangat modal dan kegigihan politik untuk mencadangkan pembaharuan-pembaharuan yang perlu untuk menjadikan impian itu kenyataan. Untuk mencipta sebuah negara yang bersatu-padu, Kerajaan mesti mempunyai kejujuran dan keikhlasan untuk membanteraskan segala halangan-halangan kepada perpaduan seperti deqotomi bumiputera dan bukan bumiputera, deqotomi bumiputera Melayu dan bumiputera bukan Melayu dan sebagainya. Pemutus polisi kita adalah tidak berguna jika mereka tidak boleh mencari jalan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dengan menggunakan kriteria tanpa mengira kaum.

Adalah tidak wajar melihat elit komponen-komponen parti BN berasak-asak untuk quota perkauman bagi kepentingan mereka sendiri dengan merugikan kepentingan rakyat. Untuk menunjukkan ketulusan semangat dan keupayaan untuk menarik cerdik-pandai dan kemahiran bagi memajukan negara Malaysia, Kerajaan harus mempelajari negara-negara industri baru dan cuba memikat semula semua profesional-profesional Malaysia yang telah berhijrah agar kembali ke negara ini. Inilah cabaran yang sebenar untuk sebuah negara yang aman dengan sendirinya bebas daripada chauvinism perkauman yang berfikiran sempit dan rasa tidak terjamin. Kedudukan sosio ekonomi harus menjadi kriteria untuk membantu Kerajaan walaupun merit kecekapan dan kecemerlangan tidak harus dikorbankan dalam proses ini. Ini termasuk lapangan-lapangan seperti peluang, bantuan, ekonomi, pendidikan, perumahan dan kesihatan.

Satu ujian kepunyaan harta, khususnya adalah sesuai dalam pemberian geran atau pinjaman dan bukannya keadaan di mana bantuan ini

diambil oleh kelas pertengahan dan atasan orang-orang bumiputera sahaja. Untuk memupuk harmoni antara kaum dan mengikis fahaman perkauman, masa sudah sampai untuk menggubal undang-undang seperti Akta Perhubungan Kaum.

Undang-undang seperti ini adalah perlu untuk mencegah hal-hal seperti diskriminasi perkauman dan fahaman perkauman di sektor awam dan swasta. Institusi awam seperti media juga mesti menjaga tingkah laku mereka dengan cara yang lebih bertanggungjawab. Peningkatan taraf hidup rakyat mesti dilihat bersama dengan hak demokratik dan hak manusia pekerja-pekerja dan petani-petani, nelayan-nelayan dan penduduk-penduduk setinggan. Ini juga adalah konsisten dengan Wawasan 2020 untuk sebuah masyarakat Malaysia yang bebas secara psikologi, terjamin dan maju, satu masyarakat yang penuh penyayang dan satu budaya penyayang, satu masyarakat yang adil dari segi ekonomi seperti yang dibayangkan dalam RRJP2.

Sekiranya Kerajaan BN benar-benar ingin menghayati kata-kata ini, maka ia haruslah mula dengan menratifikasikan Kovenon Antarabangsa mengenai hak-hak ekonomi, sosial dan budaya, memansuhkan ISA dan membebaskan semua tahanan ISA termasuk pemimpin-pemimpin PBS dan PAS (*Tepuk*), mengembalikan hak para pekerja seperti hak mereka untuk menubuhkan sebuah Kesatuan Sekerja Kebangsaan Elektronik.

Perbuatan sedemikian akan merupakan satu pertanda yang bermakna ke arah Wawasan 2020, tetapi apakah BN benar-benar membuat sesuatu untuk memberi rakyat Malaysia hak-hak manusia yang asas ini? Bagaimanakah kita boleh menjadi sebuah negara yang berdamai dengan dirinya sendiri, menjadi satu masyarakat yang bebas dari segi psikologi, merasa terjamin dan maju sedangkan Kerajaan

menangkap dan menahan pengkritik-pengkritiknya tanpa memberi mereka hak asasi manusia untuk dibicarakan di dalam sebuah Mahkamah terbuka.

Apakah para pekerja tidak dibenarkan menubuhkan sebuah Kesatuan Sekerja Kebangsaan sementara para pekerja yang cuba menubuhkan sebuah kesatuan dalaman seperti di HAT (Harris Advanced Technology) diganggu dan dipecat. Sekiranya Kerajaan benar-benar ingin membantu golongan berpendapatan rendah, maka ia harus memperkenalkan dasar gaji minima seperti dicadangkan oleh pihak MTUC, Ahli DAP dari Bayan Baru, Persatuan-persatuan Cina dan lain-lain badan. Ini dengan sekali gus akan meninggikan taraf hidup pekerja-pekerja yang dibayar gaji yang paling rendah sekali.

Sebaliknya, kita lihat bagaimana Kerajaan membantu pihak berkepentingan di dalam bidang perladangan terus mengekalkan gaji rendah dengan menggalakkan penggajian buruh immigrant asing. Selain daripada akibat sosial jangka panjang, ia juga akan mengurangkan tahap gaji para pekerja Majaysia dan tidak menggalakkan transformasi ke dalam kegiatan-kegiatan high value added, dengan izin, seperti dinyatakan di dalam RRJP2.

Selain daripada liberisme ekonomi, harus juga diadakan demokrasi sosial dan budaya. Kerajaan hendaklah mengiktirafkan sumbangan-sumbangan Sekolah-sekolah Menengah Bebas Cina kepada sistem pendidikan dan kehendak-kehendak sumber manusia negara sejak bertahun-tahun ini. Kerajaan boleh bermula dengan mengiktirafkan Sijil Peperiksaan Bersama ataupun Unified Examination Certificate yang diiktirafkan di seluruh dunia kecuali di negara kita. Ijazah daripada universiti-universiti seperti Nanyang, Taiwan,

India dan lain-lain universiti haruslah diiktirafkan sekiranya ia memenuhi kehendak-kehendak pengiktirafan negara.

Bagi memenuhi peri mustahaknya industri kecil dan sederhana dimajukan, berbagai bahasa ibunda harus dibenarkan menjadi bahasa pengantar di sekolah-sekolah perdagangan, vokasional dan teknikal. Institusi-institusi pengajian tinggi tempatan yang lebih haruslah ditubuhkan untuk mengatasi masalah pembaziran serius dalam akaun perkhidmatan yang berlaku dalam bilangan besar sistem pelajar-pelajar kita yang belajar di luar negeri. Untuk berlaku adil kepada rakyat di Sabah dan Sarawak, masanya telah sampai untuk menubuhkan sebuah universiti dan lain-lain institusi pengajian tinggi di kedua-dua negeri tersebut. Lebih ramai kependudukan yang lebih terdidik, berkelayakan dan enlighten kita mempunyai tanpa mengira bahasa pengantar, maka lebih baiklah bagi negara kita.

Nama-nama penggunaan penuh serta cekap sumber-sumber manusia kita akan pada akhirnya bergantung ke atas satu dasar kebangsaan yang berpandukan rasionaliti, keadaan visi jangka panjang dan keadilan sosial. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Hulu Selangor.

6.16 ptg.

Tuan G. Palanivel (Hulu Selangor):
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian bagi tujuan membahas usul Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ingin saya mengambil peluang di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang

telah membentangkan satu rancangan dengan beraninya yang menggambarkan keadaan sekarang dan masa depan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat untuk mencapai pembangunan dan kesejahteraan untuk negara adalah satu perkara yang baik dan ianya dijangka dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada sesuatu kumpulan sasaran, tetapi juga untuk setiap individu.

Pihak Kerajaan harus memastikan bahawa keadilan sosial adalah menjadi tujuan utama dalam rancangan pembangunan kita. Dalam hubungan ini, ingin saya mengulangi kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bahawa kemajuan Malaysia ke arah mencapai taraf negara yang maju menjelang tahun 2020 hendaklah melibatkan penyertaan semua kaum. Kenyataan itu juga menyatakan bahawa setiap kaum mempunyai sifat dan kekuatannya sendiri dan boleh saling melengkapi dan membantu antara satu dengan yang lain.

DPN telah digubal untuk mengadakan peluang-peluang bagi semua rakyat Malaysia untuk membolehkan mereka memainkan peranan yang lebih berkesan dalam usaha membangunkan negara ini. Kenyataan ini mestilah dipandang secara serius oleh kakitangan Kerajaan yang menjadi perancang dan pelaksana.

Perancang-perancang dan pelaksana-pelaksana Kerajaan haruslah menggunakan keadaan ataupun suasana semulajadi berbilang kaum negara kita untuk menjadikan negara ini sebagai salah sebuah negara yang maju di dunia. Masyarakat Bumiputera, Cina dan juga India di Malaysia adalah menjadi salah satu punca tenaga manusia yang terbaik di dunia. Perancang-perancang Kerajaan haruslah melihat bahawa rakyat negara ini adalah menjadi tunggak kekuatan dan masyarakat berbilang kaum kita adalah menjadi satu aset kepada negara.

Dalam hubungan ini, ingin saya mengingatkan kembali kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengatakan bahawa DPN telah digubal untuk mengadakan peluang bagi semua rakyat Malaysia untuk membolehkan mereka memainkan peranan yang lebih berkesan dalam usaha membangunkan negara ini.

Saya tidak mempunyai sebarang keraguan bahawa negara ini akan maju ke hadapan dalam bidang ekonomi dan menjadi di antara yang paling maju di dunia di masa depan, tetapi di dalam perjalanan untuk mencapai kemajuan tersebut, pihak Kerajaan haruslah memastikan bahawa masyarakat yang lemah dalam bidang ekonomi termasuk kumpulan Bumiputera luar bandar dan kampung-kampung, masyarakat India dan lain-lain masyarakat kecil tidak ditinggalkan. Dalam hubungan ini ingin saya membacakan Perenggan 320 Laporan MPEN seperti berikut:

Pada keseluruhannya, kaum India kurang sekali mendapat manfaat daripada pembangunan ekonomi. Mereka telah jauh ketinggalan dalam berbagai sektor seperti gunatenaga, pendidikan, perdagangan dan perindustrian. Kadar pengangguran mereka adalah tinggi manakala kadar pencapaian pendidikan sungguh rendah. Demikian juga dengan penyertaan ekuiti mereka yang telah terhenti pada kadar 1.0% sejak tahun 1970. Majoriti dari tenaga buruh India misalnya didapati berada dalam sektor perladangan di mana keadaan pekerjaan dan mutu hidup amat tidak memuaskan. Kadar kemiskinan di sektor perladangan juga amat tinggi. Perkembangan kemahiran keusahawanan juga rendah. Rancangan masa depan perlu mengambilkira penyertaan kaum India dan kaum minoriti yang lebih bermakna dalam semua bidang. Demikian juga dengan kaum minoriti

lain seperti Portugis, Serani, Thai dan lain-lain, kurang sekali mendapat dengan sepenuhnya manfaat daripada rancangan-rancangan pembangunan.”

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan di atas keikhlasannya menerima dan mencetak kandungan Laporan MPEN. Saya memohon supaya pihak Kerajaan memberi pertolongan khas kepada masyarakat India dan lain-lain masyarakat kecil sebagai masyarakat yang memerlukan perhatian khas serta melaksanakan program-program khas untuk membangunkan mereka.

Dalam hubungan ini saya ingin mengemukakan beberapa pandangan-pandangan untuk pertimbangan supaya pihak Kerajaan menggunakan seluruh jentera dan pengalaman luasnya untuk membantu kumpulan-kumpulan miskin masyarakat India bagi membolehkan mereka menghindarkan diri dari keadaan kemiskinan mereka.

Pihak Kerajaan haruslah menggunakan agensi-agensinya seperti KEMAS misalnya untuk membantu masyarakat India Malaysia di luar bandar dan juga di ladang-ladang, menceburi diri di bidang-bidang yang boleh menambahkan pendapatan kecil seperti projek industri kecil. Misalnya, Kerajaan janganlah mentakrifkan kemiskinan hanya dari nilai pendapatan tetapi juga harus mentakrifkan dari segi nilai pemakanan masyarakat. Kerajaan haruslah menjadikan satu syarat supaya pihak pengurusan ladang-ladang mengadakan kemudahan-kemudahan seperti pengangkutan, pelajaran, tanah, perancangan, rumah, bekalan elektrik dan air paip kepada pekerja-pekerja mereka. Dengan pengalaman memula dan melaksanakan skim ASN dengan jayanya, Kerajaan haruslah juga memulakan satu skim yang seumpama

itu untuk kaum bukan bumiputera. Skim seperti ini akan membolehkan masyarakat India Malaysia menyimpan wang dalam skim yang halal dan menggalakkan mereka daripada menjadi mangsa skim cepat kaya dan lain-lain skim.

Dengan adanya skim seperti ASN itu bolehlah ianya diiklankan di radio dan TV dan dengan ini dapat menggalakkan serta memberi motivasi lagi kepada kaum bukan Bumiputera untuk mengumpul dan menyimpan wang.

Berhubung dengan pembangunan tenaga manusia, lebih banyak peluang haruslah diberi kepada masyarakat India Malaysia seperti di sekolah-sekolah teknik, institusi-institusi vokasional, politeknik-politeknik dan kursus-kursus khas di mana belia-belie dihantar untuk latihan ke Jepun, Germany dan sebagainya.

Peluang-peluang seperti ini haruslah ditambah untuk belia-belie dari berbagai daerah dan bukan hanya mereka yang berpusat di Kuala Lumpur atau di bandar-bandar sahaja. Oleh kerana penuntut-penuntut di institut-institut seperti Kolej TAFE di Negeri Sembilan dan Vanto di Petaling Jaya adalah berbilang kaum dan jumlah mereka melebihi daripada masyarakat India, pihak Kerajaan haruslah memberi subsidi atau peruntukan tahunan seperti apa yang diberikan kepada Kolej Tunku Abdul Rahman (T.A.R).

Akhir sekali, saya menyokong dengan sepenuhnya Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua dan yakin semua masyarakat akan mendapat manfaat daripadanya, tambahan pula ianya juga akan menghapuskan ketidak-adilan sosial. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Teluk Intan.

6.24 ptg.

Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan):
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua yang telah dicadangkan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Isnin 17hb Jun, 1991.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional ke atas kejayaannya merumuskan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang biasa diamalkan dalam perancangan indikatif Rangka Rancangan Jangka Panjang [RRJP] yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini juga mengandungi rangka dasar-dasar yang akan dilaksanakan dalam tempoh 10 tahun yang akan datang bagi mencapai matlamat-matlamat tertentu. Dasar-dasar ini terkandung dalam apa yang telah digelarkan sebagai Dasar Pembangunan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang fahaman saya teras Dasar Pembangunan Nasional ialah pergantungan yang kuat ke atas sektor swasta sebagai jentera pertumbuhan. Ini memang tepat kerana telah dibuktikan di mana-mana jua pun bahawa sektor swasta adalah jauh lebih efisien dalam peruntukan sumber dan penciptaan kekayaan baru. Oleh yang demikian, pengabdian dasar-dasar diregulasi, liberalisasi dan pengswastan seperti yang disyorkan dalam Dasar Pembangunan Nasional adalah tepat.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan dasar-dasar seumpama ini yang akan membawa kepada campur tangan Kerajaan yang minima akan mempertingkatkan persaingan di sektor swasta. Hanya dengan adanya persaingan barulah sektor swasta dapat memainkan peranan dengan cekap dan

pertumbuhan dipertahankan pada kadar yang tinggi seperti yang kita semua mengharapakan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun sektor swasta jika dibiarkan beroperasi dengan sekatan-sekatan yang minima, dapat menjanakan pertumbuhan yang tinggi serta memperuntukkan sumber dengan cekap tetapi keadaan begitu mungkin menimbulkan masalah-masalah sosial yang tidak diingini.

Di antara masalah-masalah sosial ini adalah seperti kos sosial yang tinggi, umpamanya pemusnahan alam sekitar dan pengagihan pendapatan yang tidak serata. Memang Kerajaan sedar akan hal ini dan berazam akan meneruskan usaha-usaha memelihara alam sekitar serta membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum. Itulah sebab pertumbuhan beserta pengagihan telah menjadi matlamat-matlamat penting dalam Dasar Pembangunan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan, memang tidak dapat dinafikan bahawa wujudnya ketidakseimbangan dan ketidaksetaraan yang begitu nyata dalam pengagihan kekayaan, pendapatan dan peluang di antara kaum dan wilayah. Memang keadaan sedemikian tidaklah sihat dan jika dibiarkan boleh menimbulkan masalah-masalah sosial yang tidak diingini.

Menyedari akan hal ini Kerajaan pada ketika itu telah mengesyorkan, di antara lain, pelaksanaan satu sistem kuota bagi menawarkan peluang-peluang yang lebih serta memastikan peruntukan sebahagian daripada kekayaan dan sumber-sumber kepada kaum yang ketinggalan iaitu kaum Bumiputera.

Pada hari ini, selepas 20 tahun pelaksanaan sistem kuota yang berasaskan kaum, kaum Bumiputera telah mencatatkan kemajuan yang

begitu pesat dan membanggakan dalam berbagai-bagai bidang. Pada hemat saya sistem kuota telah mencapai kejayaan yang cemerlang dalam mempertingkatkan kedudukan ekonomi kaum Bumiputera, khususnya di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua setuju bahawa sistem kuota hanya merupakan satu langkah Kerajaan bagi memperbetulkan ketidak-seimbangan serta mengurangkan jurang dalam pengagihan kekayaan, pendapatan dan peluang antara kaum. Sebaik-baik sahaja ketidak-seimbangan dan ketidak-setaraan antara kaum dihapuskan atau dikurangkan maka sistem kuota yang berasaskan kaum harus diberhentikan dan tempatnya diambil alih oleh suatu sistem keperluan dan merit.

Sistem keperluan dan merit adalah satu sistem yang adil. Di bawah sistem ini mana-mana golongan atau wilayah yang masih mundur dan memerlukan bantuan khas termasuk kuota bagi mendapatkan tempat di pusat pengajian tinggi, biasiswa dan lain-lain bentuk subsidi akan diberikan bantuan ini. Ini akan menawarkan kepada mereka yang betul-betul miskin dan mundur, tidak kira latar belakang etnik mereka, peluang-peluang yang mereka mungkin tidak akan dapat dalam satu sistem yang hanya menitik-beratkan merit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, ini tidak bererti merit tidak penting, sebaliknya mana-mana negara dan ini termasuk negara kita Malaysia yang hendak mempertingkatkan kebolehsaingan atau dengan izin, "competitiveness" mesti menerima meritokrasi sebagai teras dasar-dasarnya. Hanya dengan menitikberatkan meritokrasi barulah persaingan digalakkan dan kecekapan serta daya pengeluaran dapat dipertingkatkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa yang di-

peruntukkan untuk hari ini sudah cukup. Boleh sambung minggu depan.

Tuan Ong Tin Kim: Baik, terima kasih.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

UNIVERSITI/KOLEJ— PENGAMBILAN BUKAN BUMIPUTERA

6.31 ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, saya bangun untuk mengucap atas satu perkara yang amat penting kepada kaum bukan bumiputera di dalam negara kita. Keperluan untuk menambahkan pengambilan kaum bukan bumiputera ke Universiti-universiti dan kolej-kolej di dalam negara ini tidak boleh habis-habis ditegaskan.

Apabila membentangkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) di Dewan yang mulia ini pada hari Isnin, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata di antara lain-lain perkara:

"Pertumbuhan ekonomi dan perwujudan peluang pekerjaan dan punca-punca pendapatan dalam

sektor ekonomi moden dijangka akan mengurangkan kadar kemiskinan daripada 17.1 peratus pada tahun 1990 kepada 7.2 peratus pada tahun 2000. Pengangguran di negara ini dijangka berkurang kepada 4 peratus menjelang tahun 2000 dan berikutan dengan wujudnya pasaran buruh yang ketat, produktiviti perlu dipertingkatkan selaras dengan kenaikan upah. Ini akan membolehkan taraf hidup bertambah baik.”

Tentunya penglihatan (vision) ini akan dikurangkan ke kosong sekiranya kaum bukan bumiputera tidak diberi layanan yang adil dan sama berkenaan dengan pelajaran tinggi di negara ini. Tidak ada guna berkata bahawa kaum bukan bumiputera boleh pergi keluar negeri untuk pelajaran tinggi. Keluarga kaum bukan bumiputera yang miskin tidak mampu membayarnya. Ramai penuntut bukan bumiputera di sekolah-sekolah menengah berjaya dengan cemerlang dalam pelajaran. Keputusan-keputusan mereka mengesahkan ini. Walau bagaimanapun, apabila mengenai pengambilan.....

Tuan Ruhanie bin Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Lim Guan Eng: Ucapan Yang Berhormat hampir sudah habis.

Tuan R. Karpal Singh: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Boleh jawab Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebab sudah habis ucapannya.

Tuan Ruhanie bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak cukup kuorum.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, apa yang berlaku sekarang ini?

Tuan Lim Guan Eng: Sila jawab, sebab sudah habis ucapannya.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, sudah habis saya punya Ucapan Penangguhan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjawab?

Tuan Ruhanie bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak cukup kuorum sekarang ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat sudah selesai ucapannya. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

6.34 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat, isu menambahkan pengambilan pelajar-pelajar bumiputera di institusi-institusi pendidikan tinggi tempatan. Sebenarnya objektif pendidikan tinggi negara kita ialah untuk memberikan peluang pendidikan kepada rakyat Malaysia yang layak bagi memenuhi keperluan tenaga mahir untuk pembangunan negara lebih-lebih lagi pada masa kini untuk menjadikan negara kita maju menjelang ke tahun 2020. Oleh itu Kerajaan memberikan tumpuan untuk melatih tenaga mahir terutamanya di dalam bidang profesional seperti sains, teknologi serta sastera ikhtisas bagi memenuhi keperluan tersebut.

Untuk mencapai objektif di atas Kerajaan menambahkan peruntukan pengurusan dan pembangunan bagi membiayai institusi-institusi pendidikan tinggi tempatan. Bila bertambahnya peruntukan ini akan menambahkan lagi bilangan tempat pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi masing-masing pada rakyat Malaysia bumiputera dan bukan bumiputera.

Saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Jelutong itu tadi didapati tidak tepat kerana ia hanya untuk menambahkan pengambilan

pelajar untuk sesuatu kaum sahaja. Cadangan ini tidak sesuai dengan masyarakat majmuk Malaysia yang terdiri dari berbagai kaum.

Selama ini Kementerian Pendidikan telah mengambil dasar yang adil kepada pelajar-pelajar bukan bumiputera yang ingin melanjutkan pelajaran mereka ke institusi-institusi pengajian tinggi tempatan.

Pemilihan ke institusi-institusi pengajian tinggi tempatan adalah berdasarkan kepada kelayakan serta syarat lain fakulti tertentu di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan tertentu.

Tuan R. Karpal Singh: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bagi penjelasan?

Dr Leo Michael Toyad: Tidak. Tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Dr Leo Michael Toyad: Bilangan pengambilan ini berbeza mengikut bilangan calon yang layak memohon.

Adalah dipersetujui kuota pengambilan pelajar-pelajar ke institusi-institusi pengajian tinggi tempatan ialah 55% bumiputera dan 45% bukan bumiputera. Ia dicadangkan dengan mengambilkira kepentingan kumpulan yang terbelakangan dari segi ekonomi yang berkait rapat dengan peluang-peluang pendidikan tinggi.

Penetapan kuota 45% untuk bukan bumiputera ini boleh dianggapkan satu kadar yang tinggi yang telahpun dilaksanakan selama ini.

Saya ingin memperingatkan di sini juga penetapan kuota adalah selaras dengan Artikel 153 dalam Perlembagaan Persekutuan. Jadi oleh itu adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk menentukan bahawa kaum yang tertinggal dalam aspek sosio-ekonomi mendapat faedah yang sewajarnya daripada Dasar Perbelanjaan dan Pelaburan Kerajaan di dalam pendidikan tinggi di Malaysia.

KAD PENGENALAN MERAH— MEMBERI KERAKYATAN

6.37 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya meminta Kerajaan memberikan kerakyataan seraca automatik kepada lebih daripada 300,000 pemegang kad pengenalan merah yang telah tinggal di Malaysia lebih daripada 14 tahun. Terima kasih.

Tuan Ruhanie bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah habis ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.....(*Disampuk*).

Tuan Ruhanie bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap tadi Dewan tidak cukup kuorum.

Tuan Lim Guan Eng: Saya sudah habis ucapan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila teruskan jawapan.

6.37 ptg.

Setiusaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, seseorang bukan

warganegara yang telah mempunyai taraf penduduk tetap iaitu pemegang kad pengenalan merah negara ini yang berhajat untuk mendapatkan kerakyatan Malaysia hendaklah terlebih dahulu membuat permohonan kepada Kerajaan melalui Jabatan Pendaftaran Negara. Permohonan ini adalah satu keperluan undang-undang.

Setiap pemohon yang memenuhi syarat-syarat seperti di Bahagian 3 Perlembagaan akan diberi pertimbangan sewajarnya oleh Kerajaan, maka tidak timbul sama ada seseorang itu diberi warganegara secara automatik.

Kerajaan tidak memberi anugerah kerakyatan kepada pendaftar haram dari mana-mana negara kerana perolehan

kerakyatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang diperuntukkan dalam Perlembagaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dewan ini ditangguhkan sehingga hari Selasa, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.39 petang.